

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*  
**MESYUARAT PERTAMA**  
*First Meeting*

---

**Jilid III**

**Bil. 22**

**Hari Isnin**

**5 Mei 1997**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan 41)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 (Ruangan 41)

Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 (Ruangan 195)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 97)

## **PENYATA RASMI PARLIMEN**

### **Penggal Yang Ketiga**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,  
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,  
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,  
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato'  
(Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,  
S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,  
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
  - “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
  - “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
  - “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
  - “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
  - “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
  - “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
  - “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
  - “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
  - “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
  - “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
  - “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 5hb. Mei, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman

*[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King

*[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paul Noutin.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Paul Noutin (Penampang) tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir]*

**ARKITEK, JURUTERA, JURUUKUR - PENDAFTARAN**

5. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah pendaftaran terkini dan statistik individu/firma yang didaftarkan dengan lembaga-lembaga seperti:
  - (i) Arkitek;
  - (ii) Jurutera,
  - (iii) Juruukur; dan

- (b) apakah pendapatan tahunan yang diperolehi daripada individu dan/atau firma-firma dalam lembaga-lembaga masing-masing dan tabung lembaga tersebut sehingga sekarang.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pendaftaran terkini dengan lembaga-lembaga Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan adalah seperti berikut:-

- (i) Lembaga Arkitek -

Arkitek siswazah - 953 orang.

Arkitek - 1,418 orang.

Pelukis Pelan Bangunan - 302 orang.

Firma Arkitek - 918 orang, mengandungi 652 firma perseorangan, 150 firma perkongsian dan 116 pertubuhan perbadanan syarikat

- (ii) Lembaga Jurutera -

Jurutera Siswazah - 20,437 orang.

Jurutera Profesional - 8,513 orang.

Jurutera Asing - 779 orang.

Syarikat Jurutera Perunding - 374.

- (iii) Lembaga Juruukur Bahan -

Juruukur Bahan Berdaftar - 719.

Juruukur Bahan Siswazah - 418 orang.

Firma Perunding Ukur Bahan - 208.

- (b) Pendapatan tahunan yang diperolehi oleh lembaga-lembaga berkenaan pada tahun 1996 adalah seperti berikut:-

- (i) Lembaga Arkitek - RM313,652,00

- (ii) Lembaga Jurutera - RM963,578.00
- (iii) Lembaga Juruukur Bahan - RM229,626.28

Mengenai tabung lembaga-lembaga berkenaan dan perangkaan pada masa ini ialah seperti berikut:-

- (i) Lembaga Arkitek - RM600,000.00
- (ii) Lembaga Jurutera - RM1,808,426.32
- (iii) Lembaga Juruukur Bahan - RM869,844.86

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada memberikan sedikit ulasan tentang kedudukan syarikat-syarikat profesional dalam negara kita. Saya hendak bertanya sedikit, dalam usaha kerajaan untuk membaiki imbalan negara, ada baiknya kepakaran-kepakaran yang ada ini kita jual di luar negara. Bagaimana dengan kedudukan negara kita sekarang, adakah syarikat-syarikat kita menjual kepandaian mereka ataupun menjual kemahiran mereka dalam mengemukakan kepakaran mereka di negara-negara luar agar dapat menampung pendapatan kepada negara kita? Saya minta sedikit penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang ada sekarang, saya percaya mereka tidak boleh bertanding di luar daripada Malaysia. Oleh kerana itu, kita telah mengadakan perbincangan dengan tiga badan, iaitu Badan Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan, dan selepas itu kita telah memutuskan iaitu kita mesti membenarkan mereka untuk mengadakan badan korporat. Badan korporat bererti ketiga-tiga profesion boleh juga mereka menubuhkan satu syarikat dan selepas itu mereka akan mempunyai kepakaran untuk bertanding di luar negeri.

Jadi, perbincangan telah berlaku beberapa bulan. Jadi, dalam tiap-tiap profesion ada juga cadangan-cadangan bercanggah dengan cadangan yang lain. Walau

bagaimanapun, seminggu yang lalu saya telah memutus, iaitu badan ini boleh ditubuh, dan Menteri Kerja Raya boleh membenar kepada mereka, tetapi ini mesti diluluskan oleh Parlimen. Saya minta ketiga-tiga profesion ini siapa yang akan menubuh, syarikat mana, jikalau jurutera, jurutera mempunyai 60% daripada saham yang dipunyai oleh syarikat itu. Selain daripada itu, boleh juga diberi kepada alike profession atau juga kepada pihak-pihak yang lain. Pada akhirnya, mereka boleh juga mendaftar syarikat ini dalam bursa saham pada masa akan datang.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu selama ini sama ada lembaga pernah mengambil tindakan terhadap arkitek jurutera atau juruukur bahan atau juruukur tanah, kerana salah laku profesionalismenya seperti apa yang telah berlaku di Highland Tower di Ulu Kelang beberapa tahun yang lepas?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa kita telah mengambil tindakan ke atas beberapa banyak arkitek, jurutera dan juruukur bahan. Tetapi juruukur tanah tidak ada dalam bidang kuasa kementerian saya. Berkenaan dengan tindakan atas pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk Highlands Tower itu, ini ada dalam mahkamah. Kita tidak mempunyai banyak alasan siapa yang bertanggungjawab. Walaupun kita sudah mengadakan beberapa perbincangan, beberapa siasatan, tetapi kita belum dapat tahu siapa yang sebenarnya bertanggungjawab.

## **PENDAPATAN NEGARA - SUMBER UTAMA**

6. **Tuan Haji Buniyamin bin Yacob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nyatakan sepuluh sumber utama yang boleh menambah pendapatan negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan setelah selesai

Rancangan Malaysia Ketujuh, berapa sektor baru yang boleh menambahkan pendapatan negara; dan

- (b) berapa jumlah pengeluaran minyak bagi tempoh lima tahun yang lalu dan berapa lagi tambahan telaga minyak atau gas yang akan diperolehi sehingga tahun 2000.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Pendapatan negara diukur mengikut Keluaran Negara Kasar (KNK) yang meningkat dengan pesat dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Nilai semasa KNK meningkat ketara kepada RM237.8 bilion pada tahun 1996 berbanding dengan hanya RM66.8 bilion pada tahun 1986, iaitu 10 tahun yang lalu. Peningkatan pendapatan negara yang pesat ini didorong oleh pertumbuhan rancak dalam sektor pengilangan yang menyumbang sebanyak 34.2% pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1996, berbanding dengan hanya 21% daripada KDNK pada tahun 1986.

Eksport sektor pengilangan pula merangkumi sebanyak 80.6% daripada jumlah eksport negara pada tahun 1996 berbanding dengan hanya 43.4% pada tahun 1986. Di samping itu, sektor-sektor lain yang telah menambah pendapatan negara mengikut keutamaan adalah sektor pertanian, sektor perhutanan dan sektor perikanan. Perdagangan borong dan runcit, iaitu satu daripada lebih dari 10 - Yang Berhormat dari Bachok hanya meminta 10. Saya ada lebih daripada 10, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya sebut sektor-sektor yang memberi sumbangan kepada peningkatan KDNK dan KNK.

Bidang perhotelan dan restoran, kewangan, bidang insurans, bidang hartanah dan perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan kerajaan, pengangkutan, penyimpanan, perhubungan, perlombongan dan quarry pembinaan dan elektrik, gas dan air.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, penekanan terus ditumpukan ke arah mencatatkan ataupun merencanakan lagi pertumbuhan sektor-sektor ekonomi utama selaras dengan usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor pengilangan dijangka merangkumi sebanyak 37.5% daripada KDNK dan menyumbang sebanyak 88.6% daripada pendapatan eksport.

Sektor kecil jentera, perkakas dan peralatan elektrik akan menjadi lebih penting lagi. Selain dari sektor perkilangan, tumpuan juga akan diberikan kepada pembangunan sektor perkhidmatan bagi membolehkan negara mengeksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport.

Sektor perkhidmatan seperti perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka terus menjadi penyumbang penting pendapatan negara.

Sektor pendidikan dijangka muncul sebagai sektor yang penting dalam menjana pertukaran wang asing. Demikian pula,

perkhidmatan teknologi maklumat dijangka akan menjadi lebih penting di masa akan datang.

- (b) Jumlah pengeluaran minyak mentah negara (termasuk kondensat iaitu minyak yang diperolehi daripada proses pengeluaran gas asli) bagi tempoh 1992-1996 berjumlah antara 659,000 hingga 705,400 tong sehari. Bagi tahun 2000, jumlah pengeluaran minyak mentah dianggarkan sebanyak 674,900 tong sehari. Manakala jumlah pengeluaran gas asli pula meningkat daripada 2,316 juta kaki padu sehari pada tahun 1992 kepada 4,218 juta kaki padu sehari pada tahun 1996. Bagi tahun 2000, jumlah ini dijangka meningkat kepada 5,624.8 juta kaki padu sehari. Beberapa lapangan minyak dan gas yang akan dilaksanakan menjelang tahun 2000 ialah lapangan minyak Raya/Yong, Larut/Lawit, Malong-Sotong-Anding, Resak, Jintan dan lapangan Kinabalu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan penemuan telaga minyak dan gas yang sedia ada sekarang tanpa adanya penemuan-penemuan baru, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa tahun lagi minyak dan gas ini boleh memberi sumbangan kepada pendapatan negara bagi menjamin pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian nampaknya tadi sudah tidak termasuk lagi satu sektor yang memberi sumbangan kepada KDNK yang begitu penting. Adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan sektor pertanian kembali menjadi satu sektor yang memberi sumbangan kepada KDNK yang penting di masa-masa akan datang?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada rizab yang diketahui sekarang, jangka masa minyak yang dapat dikeluarkan adalah di antara 10 hingga 15 tahun lagi dan gas adalah 15 hingga 20 tahun lagi. Ini berdasarkan kepada rizab yang diketahui oleh pihak berkuasa.

Mengenai dengan sumbangan sektor pertanian, yang disebut tadi ialah peratusan (percentage). Dari segi absolutenya sumbangan pertanian adalah meningkat, jadi peningkatan sektor pertanian di negara kita berlaku di dalam kadar yang memuaskan tetapi oleh sebab kepantasan sektor lain, khususnya sektor pengilangan yang sangat pantas dan sektor-sektor lain daripada pertanian, maka peratusan sektor pertanian itu dikurangkan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah symptomatic, dengan izin, kepada satu ekonomi yang sedang menjalani proses perindustrialisasian yang mana sumbangan daripada sektor pertanian akan berkurang sehingga kepada 10% ataupun 15%. Jadi, mana-mana ekonomi yang menunjukkan trend ini tetapi dari segi absolute amount, dengan izin, pertanian naik tetapi trend peratusannya jatuh, maka negara itu sedang menuju industrialisasi yang pesat dan ini adalah symptomatic kepada negara kita yang sedang maju sekarang.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Dalam kepantasan perkembangan industri utama ataupun primary industry sumbangannya terhadap KDNK negeri Kelantan, terutamanya dari segi perkembangan industri tembakau yang begitu banyak kuotanya. Di antara banyak negeri di Malaysia, Kelantanlah yang paling banyak sekali diberi kuota untuk mengeluarkan tembakau. Jadi, setakat ini pada hemat Yang Berhormat Dato'

Timbalan Menteri apakah sumbangan industri ini kepada negeri Kelantan dan penduduk negeri Kelantan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah terjawab kerana kebanyakan sumbangan daripada industri tembakau adalah daripada negeri Kelantan. Jadi, untuk saya memberi breakdown, dengan izin, industri tembakau, tidaklah dapat saya beri di sini. Tetapi ingin saya nyatakan di sini, walaupun sumbangan semacam pertanian juga, sumbangan komoditi utama yang mana tembakau termasuk di dalamnya adalah mengurang daripada percentage tetapi kenaikannya adalah tinggi, daripada RM9.6 bilion tahun 1986, iaitu 10 tahun yang lalu, kepada RM19.6 bilion, iaitu kenaikan RM10 bilion dalam masa 10 tahun; 1 tahun RM1 bilion yang mana saya fikir tembakau adalah satu daripada komponen di dalam sektor ini.

#### **PLUS - MENINGKATKAN KESELAMATAN PENGGUNA LEBUH RAYA**

7. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nik Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) sejauh manakah lebuhraya yang dikendalikan oleh PLUS benar-benar selamat untuk digunakan dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh PLUS bagi mengelakkan tragedi yang mengorbankan 13 pelancong Singapura baru-baru ini tidak berulang; dan
- (b) apakah PLUS sekadar bertanggungjawab menyelenggarakan lebuhraya dan menikmati kutipan tol yang tinggi sahaja, sehingga 'mengabaikan' kualiti servis kepada pembayar, khususnya dalam aspek bantuan keselamatan kepada mangsa kemalangan yang kerap berlaku di Lebuhraya Utara Selatan, dan justeru itu apakah perancangan dan tindakan yang lebih baik perlu diadakan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Utara-Selatan telah direka bentuk dan dibina oleh PLUS mengikut spesifikasi, piawaian kejuruteraan serta ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, tidaklah munasabah

bagi mana-mana pihak untuk memberi jaminan bahawa tragedi atau kemalangan tidak akan berlaku oleh kerana ada faktor lain yang menyumbang kepada berlakunya sesuatu tragedi khususnya kelalaian ataupun kecuaiian pemandu. Oleh itu, adalah tidak adil membuat tuduhan.

Untuk makluman Yang Berhormat, PLUS terus berusaha untuk memperbaiki kualiti lebuhraya sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mengurangkan kadar kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan projek lebuhraya dan pihak swasta berkaitan sentiasa mengambil tindakan bersepadu bagi memastikan ciri-ciri keselamatan di lebuhraya dipertingkatkan. Usaha-usaha yang diambil meliputi aspek-aspek berikut:-

- (i) mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi mengawal pergerakan lalu lintas di lebuhraya dan jalan raya;
- (ii) menjalankan kempen-kempen secara menyeluruh (comprehensive) melalui ceramah-ceramah media massa dan cetak berhubung dengan keselamatan di jalan raya. Aspek-aspek yang diberi penekanan meliputi perlunya merancang perjalanan lebih awal terutama bagi perjalanan jauh, menyelenggara kenderaan supaya sentiasa dalam keadaan baik, mendapatkan rehat secukupnya, tidak memandu dalam

keadaan mabuk dan keletihan, berhenti rehat di kawasan yang telah ditetapkan dan mengamalkan ‘pemanduan berhema’ iaitu mengelakkan dari bersikap angkuh dan tidak bertimbang rasa; dan

- (iii) membaik pulih dan menyenggara dengan segera bahagian-bahagian lebuhraya yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan atau kawasan yang berpotensi untuk berlakunya kemalangan.

Haruslah disedari bahawa tragedi yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan bukan semata-mata berpunca dari kelemahan struktur mahupun reka bentuk kejuruteraan lebuhraya ataupun ketidakcekapan pengurusan dan pengabaian penyenggaraan oleh pihak syarikat konsesi PLUS. Antara sebab penting berlakunya tragedi ialah berlaku kecuaiannya pemandu itu sendiri.

Mengikut laporan perangkaan yang disediakan oleh PLUS, sebanyak 1,595 kemalangan telah berlaku di antara bulan Januari hingga Mac 1997 di Lebuhraya Utara-Selatan. Dari jumlah tersebut, 42% disebabkan oleh kecuaiannya memandu (reckless driving), 18% kerana memandu dalam keadaan mengantuk dan keletihan dan 18% kerana kegagalan mekanikal dan tayar. Ini bermakna 60% daripada kemalangan-kemalangan tersebut berpunca dari kecuaiannya manusia sendiri.

- (b) Dari aspek kualiti perkhidmatan, PLUS memang peka dan proaktif dalam memelihara keselesaan pengguna lebuhraya. Pada masa kini,

pihak PLUS telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf kemudahan-kemudahan di Lebuhraya Utara-Selatan seperti kerja-kerja pembesaran tandas dan tempat mandi, pembesaran tempat letak kereta di kawasan rehat dan rawat, pembesaran plaza tol, pemasangan lampu jalan sepanjang Jalan Duta ke Subang dan pembinaan restoran jejantas di beberapa lokasi. Semua langkah ini diambil untuk menggalakkan pemandu-pemandu beristirehat dan tidak tergesa-gesa untuk sampai ke destinasi masing-masing.

Dari aspek bantuan keselamatan pula, semasa berlakunya kemalangan, Unit Peronda PLUS yang beroperasi 24 jam lazimnya akan memberikan bantuan awalan secepat mungkin. Pihak PLUS telah menetapkan piawaian masa bertindak di bawah 30 minit untuk sampai ke kawasan kemalangan. Unit Peronda PLUS juga akan mendapatkan bantuan serta-merta dari pihak-pihak berkenaan seperti polis, bomba dan hospital sekiranya kemalangan didapati serius dan mereka yang cedera memerlukan rawatan segera. Di samping itu, pada setiap 2 km lebuhraya ada disediakan telefon kecemasan bagi membolehkan pemandu-pemandu membuat panggilan kecemasan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki Lebuhraya Utara-Selatan di kawasan berhampiran Ipoh yang runtuh pada awal tahun 1996 dan dalam kemalangan itu seorang terbunuh dalam runtuh tanah itu. Pada masa kini tiada kerja-kerja sedang dijalankan untuk mengatasi keadaan jalan itu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang ditimbang oleh kementerian. Lebih dari tiga atau empat rekabentuk telah ditunjuk kepada kementerian dan kementerian telah memilih satu rekabentuk. Saya percaya dalam tempoh dua atau tiga bulan kita akan memulakan kerja oleh kerana tawaran dari kontraktor sedang ditimbang oleh PLUS.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapa jalan masuk keluar ke dalam Lebuhraya Utara Selatan di Bukit Tengah Seberang Perai itu yang sangat sempit yang sudah dibuat aduan dan juga telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang beberapa kali, sehingga sekarang belum dilebarkan walaupun PLUS yang mengutip tol yang orang lain tidak kutip tol langsung.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana PLUS mengutip tol, itu bukan berertinya minta sahaja untuk membuat pembesaran jalan. *[Ketawa]* Kita mesti merancang dan merekabentuk dan melantik jurutera perunding untuk menjalankan siasatan selepas itu juga kita boleh menjalankan kerja-kerja pembesaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, betul, betul! *[Ketawa]*

#### **JUDI - JUMLAH PENGELUARAN LESEN 1995 HINGGA 1997**

8. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) jumlah lesen perjudian yang telah dikeluarkan bagi tempoh 1995, 1996 sehingga Februari 1997; dan
  - (b) sekiranya pusat-pusat perjudian/hiburan ditutup, adakah ianya akan mengurangkan pendapatan negara dan seterusnya akan menjejaskan ekonomi negara.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan untuk terus mengawal aktiviti perjudian di negara ini. Kerajaan tidak lagi mengeluarkan sebarang lesen atau bentuk perjudian yang baru. Syarikat-syarikat yang

diberi lesen perjudian bagi tempoh 1995 hingga kini adalah sama iaitu Magnum Corporation, Sports Toto, Usaha Tegas, Casino Genting Highlands, Sandakan Turf Club, Dirivan Corporation, Sarawak Turf Club dan kelab-kelab yang mempunyai lesen dan permit mesin slot.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti perjudian hanya menyumbangkan sebahagian kecil sahaja kepada ekonomi negara.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memandangkan bahawa pihak kementerian nampaknya mempunyai dasar yang begitu tegas dalam perkara ini, adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam BSKL yang membuat pengumuman palsu tentang memperolehi lesen-lesen perjudian sama ada di dalam negara kita atau di luar negara. Contohnya, beberapa syarikat BSKL telah mendakwa bahawa mereka telah mendapat lesen daripada negara China, sungguhpun ia tidak diluluskan dan ini telah mengakibatkan harga saham syarikat ini naik, tetapi akhirnya dibuktikan palsu. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap syarikat-syarikat yang membuat pengumuman palsu dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bilangan syarikat-syarikat judi di mana terdapat ahli-ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada kaum Islam?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua itu, Ahli Yang Berhormat pun tahu saya tak dapat jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak kerajaan ke atas syarikat-syarikat yang membuat pengumuman palsu, Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum, tidak berapa lama yang lalu, saya telah membuat pindaan

kepada Securities Act dan juga akta-akta yang berkaitan dengannya yang mana satu daripada kenaikan denda ialah mengenai dengan pengumuman palsu ini.

Kita telah dapati bahawa dua, tiga syarikat telah pun diberi amaran dan tindakan yang diambil sepertimana yang diperuntukkan di dalam akta-akta tersebut dan ini adalah satu kesalahan dan ianya diperuntukkan di bawah Securities Act.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soalan asalnya dan saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pengeluaran dan pembaharuan lesen-lesen pusat perjudian dan hiburan ini, adakah kerajaan bercadang untuk menyekat orang-orang Islam daripada menggunakan kemudahan ini dalam syarat-syarat pengeluaran lesen ataupun pembaharuan lesen.

Begitu juga tentang perjudian Magnum ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan orang-orang Islam ataupun langsung tidak membenarkan orang-orang Islam menggunakan kemudahan Empat Nombor Ekor, Tiga Nombor Ekor dan sebagainya? Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini usaha-usaha penyekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan ialah menampal tanda-tanda di premis-premis judi iaitu 'perjudian adalah haram bagi orang-orang Islam' dan kita tidak menggalakkan orang-orang Islam masuk untuk berjudi. Soal hendak menyekat terus dan menjalankan lain-lain tindakan yang lebih drastic, dengan izin, tidaklah kita cuba adakan pada hari ini kerana apa yang patut dilakukan oleh masyarakat dan juga kerajaan adalah mendidik orang-orang Islam dan juga memberitahu dan keinsafan kepada orang-orang Islam bahawa perjudian adalah satu dosa yang besar.

Dan ini adalah lebih berkesan dan lebih memberi makna kepada penilaian ataupun menjadikan Islam itu sebagai Ad'din. Kalau kita cuba menyekat dengan secara ketat, maka perkara-perkara dan aktiviti yang diharamkan oleh agama Islam ini akan turun ke bawah tanah dan susah untuk kita untuk mengurus penyekatan di hari muka. Jadi, kita mengambil jalan yang lebih waras, jalan yang lebih arif untuk menahan orang-orang Islam daripada memasuki premis dan juga terlibat di dalam kancah yang terhina ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan ayat kedua iaitu 'pelan induk perindustrian kedua'. Soalan Nombor 9.

#### **IMBANGAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA - PERANGKAAAN**

9. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perangkaan terkiniimbangan perdagangan antarabangsa negara Malaysia. Bilakah pelan induk perindustrian kedua dapat memberi kesan positif ke atasimbangan perdagangan tersebut.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, soalan ini telah pun dijawab pada 15hb. April yang lalu, ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Beaufort dan saya tidak ada maklumat tambahan. *[Ketawa]*

#### **PROGRAM RAKAN MUDA - PEROMBAKAN**

10. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bagaimana kementerian hendak merombak program Rakan Muda supaya menangani gejala sosial yang tidak diingini di kalangan remaja; dan

- (b) sama ada Program Rakan Muda akan dibatalkan jika kerahan tenaga untuk remaja diperkenalkan nanti.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Rakan Muda ialah sebuah program pembangunan sosial generasi muda. Dari segi kurikulum dan modulnya, ia mengandungi elemen pembangunan minda, pembangunan kecergasan fizikal, pembangunan rohani dan pembangunan kemasyarakatan. Program ini lebih bertumpu kepada elemen pembangunan dan bukanlah kepada aspek pemulihan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi alternatif kepada remaja untuk terlibat dalam 9 gaya hidup Rakan Muda yang mengandungi ciri-ciri positif dari terjebak kepada gejala sosial.

Secara khusus program Rakan Muda adalah salah satu cara penghindaran dari aktiviti tidak sihat yang dapat membantu mengurangkan gejala sosial. Dengan yang demikian, pada kedudukan sekarang Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk merombak falsafah, konsep dan rekabentuk program Rakan Muda tetapi strategi pelaksanaannya akan ditingkatkan bagi membolehkan liputan program lebih meluas kepada semua golongan remaja ataupun belia. Kementerian Belia dan Sukan sedang mengambil daya usaha memperbanyakkan peluang penyertaan kepada remaja belia di sektor perkilangan, institusi pengajian tinggi,

kawasan kemajuan tanah, pusat beli-belah di samping memperkemas pelaksanaan bagi sektor pertubuhan bukan kerajaan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda bersifat jangka panjang, kejayaannya sebagai program pembangunan telah menunjukkan hasil yang menggalakkan terutama dari segi minat dan penyertaan remaja. Di samping pada masa yang sama, program ini telah membantu memperkukuhkan lagi NGOs belia, sukan, rekreasi dan cinta alam di seluruh negara. Sama ada program Rakan Muda akan dibatalkan jika kerahan tenaga remaja diperkenalkan tidak timbul, kerana kedua-dua program ini mempunyai matlamat yang berbeza.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapati antara sebab-sebab peningkatan gejala sosial di seluruh negara khasnya di pusat bandar ialah kekurangan tanah lapang dan taman riadah di pusat bandar. Keadaan ini menjadi lebih serius bila pihak kerajaan atau pihak agensi kerajaan menswastakan tanah-tanah yang sedia ada untuk pembangunan.

Soalan saya, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian Belia dan Sukan akan mencadang kepada pihak berkenaan untuk menghentikan pembangunan tanah lapang atau taman riadah baik pun di pusat bandar mahupun di kawasan desa supaya pemuda pemudi dapat ruang yang lebih mencukupi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar dan bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat atas masalah kekurangan tanah lapang atau untuk membina kemudahan infrastruktur sukan ataupun mengadakan aktiviti-aktiviti untuk belia. Sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan pun telah berbincang dengan kementerian-kementerian lain termasuk agensi-agensi lain untuk mengatasi masalah ini

kerana kebanyakan tanah-tanah kosong berkenaan yang telah diswastakan bukan di bawah kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, Kementerian Belia dan Sukan memerlukan kerjasama dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain supaya masalah ini dapat diatasi dengan lebih awal lagi sebelum semua tanah lapang ini telah diambil untuk projek-projek lain.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya patut masih bercuti tetapi minta maaf, minta datang awal sedikit. *[Ketawa]* Jadi, soalan tambahan, oleh kerana beri elaun lama 'absent'. Soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau maklumat yang saya dapati itu betul, tidak kurang daripada 1.6 juta rakyat Malaysia telah mendaftarkan diri di bawah program Rakan Muda.

Soalan saya, berapa peratuskah di antara 1.6 juta ini telah melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti dan berapa jamkah setiap seseorang itu telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mana mereka telah mendaftarkan sebagai ahli Rakan Muda dan adakah kementerian berasa telah puas hati dengan penglibatan mereka?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sejak program Rakan Muda dilaksanakan beberapa tahun yang lalu, Kementerian Belia dan Sukan boleh dikatakan bahawa kita berpuas hati dengan penyertaan pihak belia dalam aktiviti-aktiviti Rakan Muda. Adalah benar bahawa tidak kurang daripada 1.6 juta belia telah menyertai dalam pelbagai aktiviti Rakan Muda yang telah diadakan.

Sebenarnya, sejumlah 14,000 aktiviti program Rakan Muda telah diadakan di seluruh negara dan saya tidak mempunyai angka yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat kerana angka yang terperinci terpaksa diminta melalui surat dan kementerian akan memberikan angka yang lebih terperinci.

## **IMEJ ASING - RASIONAL KELULUSAN PEMBINAAN**

11. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan rasional kelulusan pembinaan imej asing seperti Taipan (China Town) di USJ Subang Jaya dan Piramid di Sunway City selaras dengan dasar kebudayaan kebangsaan atau dasar lebih memajmukkan lagi Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pembinaan bangunan di dalam kawasan kerajaan tempatan adalah diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan yang berkenaan setelah melihat kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan.

## **JALAN RAYA UTAMA DARI SELATAN KE UTARA - PENGLEBARAN**

12. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timor]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada jalan raya utama (trunk road) dari selatan ke utara akan dilebarkan menjadi dua lorong di sebelah, untuk mengurangkan kadar kemalangan yang tinggi. Sekiranya tidak, apakah cara yang diambil untuk memperbaiki jalan raya tersebut.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk melebarkan keseluruhan jalan raya utama dari selatan ke utara.

Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan beberapa program bagi memperbaiki jalan raya tersebut. Program tersebut adalah seperti berikut:-

Memperelok dan menaiktaraf bahagian-bahagian Jalan Persekutuan yang sesak kepada dual carriage way atau empat lorong dua hala terutamanya Laluan 1 yang menuju

atau menghampiri bandar-bandar utama dengan kos sebanyak RM205.2 juta. Projek dan lokasinya ialah seperti berikut:-

Di negeri Kedah, naiktaraf Laluan 1 - Alor Setar-Butterworth dari kilometer 55 hingga kilometer 57 kosnya RM6 juta, status semasa iaitu perlantikan juruukur.

Menaiktaraf Laluan 1 Masjid Negeri-Hospital Alor Setar iaitu Fasa I Simpang Jalan Tunku Ibrahim-Simpang Tambak Badak dengan kosnya RM45 juta. Dan Fasa II Simpang Tambak Badak ke Hospital Alor Setar - RM12 juta.

Memperelok Laluan 1 Alor Setar-Butterworth dari Kilometer 60 hingga 60.5 iaitu RM1.5 juta; dan memperbaiki Laluan 1 bandar Darul Aman-Pekan Jitra RM28 juta.

Di negeri Perak - menaik taraf Laluan 1 Jalan Tanjung Malim-Bidor RM27 juta dan naik taraf jalan satu Jalan Tapah ke Gopeng RM15 juta. Naik taraf Laluan 1 Jalan Changkat Jering ke Taiping RM30 juta.

Di negeri Selangor - memperbaiki jajaran jalan di Kilometer 22 hingga 25 Jalan Kuala Lumpur-Seremban RM3.1 juta.

Di Negeri Sembilan - memperelok Jalan Seremban-Senawang, menaik taraf kepada 4 lane dual carriage-way iaitu RM28 juta.

Di negeri Johor - memperelok jajaran jalan di Laluan 1 Johor Bahru RM7 juta, memperelok jajaran jalan di Laluan 1 Kilometer 175 hingga 180, RM2.5 juta.

Jawapan bagi soalan (b) memperbaiki sebanyak 200 kawasan merbahaya di Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada soalan (b)kah?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada, soalan (b)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Soalan dua, ini jawapan saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan 12.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jawapan soalan dua tetapi bukannya dia minta dua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM52.9 juta. Senarai projek itu panjang, oleh kerana itu selepas masa Soal Jawab, saya akan beri kepada Ahli Yang Berhormat, ada di sini. Boleh ambil! Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha yang dijalankan atau diambil oleh kementerian untuk memastikan lebuh raya utama Selatan-Utara dibaiki, dilebar atau dinaiktaraf tanpa kutipan tol, khususnya dari Cheras ke Kajang atau Seremban kerana ini adalah merupakan jalan alternatif kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja dapat soalan, mula-mulanya dia kemuka berkenaan dengan tol baru minta jalan. Jadi, bila kita suka juga mengadakan jalan yang lebih lebar, lebih selesa, saya percaya 'quantum toll' pun naik juga sedikit. *[Ketawa]* Bukan kata percuma. Mana ada percuma dalam dunia ini sekarang. *[Ketawa]* Semuanya kita kena bayar, dulu tanpa bayaran apa kita boleh dapat, isteri pun kita kena bayar. *[Ketawa]* Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat sabar sedikitlah. Ada juga rancangan-rancangan..... *[Ketawa]* Rancangan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu PLUS sedang mengkaji macam manakah masa akan datang kita boleh juga melebar jalan yang sedia ada daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor. Seperti

apa yang saya kata tadi, macam mana kita bayar untuk isteri, kahwin kita bayar. Beli kain, beli itu semua bayar bukan? Jikalau tidak mana boleh dapat isteri? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kemungkinan kerja baik pulih jalan raya trunk road ini diswastakan suatu hari nanti kerana pandangan umum ialah jalan raya trunk road ini tidak seharusnya diswastakan, kerajaan harus memikul tanggungjawab untuk membaik pulih jalan raya ini dan juga jalan raya ini sebenarnya adalah dibuat dengan duit rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya minta ulang semula nama jalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang Kon You:** Trunk road, trunk road ini. Federal road.

**Seorang Ahli:** Jalan raya utama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Federal road.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Seperti apa yang saya jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji di beberapa tempat. Tetapi, memperbaiki atau menaik taraf itu kita letak dalam tangan Kementerian Kewangan *[Memandang ke arah Menteri Kewangan]**[Ketawa]*. Jikalau kita dapat duit kita buat lebih kerja, duit kurang kita pun kurang kerja. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah dua ya.

## HARGA JUAL BELI RUMAH - LANGKAH PENGAWALAN

13. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah pengawalan harga jual beli rumah memandangkan harga jual beli rumah ini boleh dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat kali ganda.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd Tajol**

**Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal harga jual beli rumah ialah dengan mengenakan levi sebanyak RM100,000 bagi setiap perolehan hartanah bernilai lebih dari RM250,000 oleh kepentingan asing. Di samping itu, kadar cukai keuntungan hartanah dinaikkan dari 20% kepada 30% bagi pelupusan hartanah dalam tempoh dua tahun selepas hartanah dimiliki. Kadar cukai bagi pelupusan dalam tempoh tiga tahun, tahun ketiga, dinaikkan dari 15% kepada 20% dan bagi tahun keempat, dari 10% kepada 15%. Pelupusan hartanah oleh individu bukan warganegara pula, dikenakan cukai pada kadar 30% dari nilai jualan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu indeks harga rumah yang dirancang oleh kerajaan adalah bertujuan untuk mengawal jual beli rumah dibuat mengikut harga sebenar dan bukan berdasarkan spekulasi. Soalan tambahannya ialah apakah kesannya? Terima kasih.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, indeks harga rumah yang akan ataupun mungkin telah dikeluarkan, ianya tidak menetapkan harga rumah tetapi ianya akan menjadi garis panduan ataupun panduan kepada mereka yang ingin menjual rumah dan juga membeli rumah. Seandainya rumah-rumah ini merupakan rumah baru yang baru dimajukan oleh pemaju, maka kementerian akan meminta supaya pemaju memberikan harga yang hendak dijual tetapi, bagi pertukaran hak milik daripada hak milik pertama kepada pemilik yang kedua, maka sudah tentulah ini bergantung kepada keadaan pasaran. Sekiranya kita tidak dapat menambah stok perumahan dalam pasaran, maka sudah tentulah harga rumah akan meningkat.

Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah pun memperuntukkan agar dibina 800,000 buah rumah dan kalau ini boleh mencukupi kehendak pasaran, maka harga

rumah akan stabil tetapi kalau ini merupakan angka yang kurang daripada kehendak pasaran, maka harga rumah sudah tentulah akan meningkat ataupun melambung naik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan, dengan izin, fees ke atas indeks harga rumah ini dengan memaksa semua pemaju perumahan mengikut harga yang ditetapkan supaya kita dapat menyekat harga rumah daripada naik melambung tinggi lebih daripada apa yang difikir waras oleh pihak kementerian. Kalau tidak, kalau kita hanya ada satu indeks harga rumah, ia tidak akan membantu sesiapa dan hanya menunjukkan betapa mahal rumah-rumah kita. Adakah pihak kementerian bercadang supaya satu harga ditetapkan sebagai waras dan memaksa, bukan tetap tetapi satu range, dengan izin, dan memaksa semua pemaju perumahan mengikutnya supaya kita dapat mengawal harga rumah. Sekian.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi merupakan satu cadangan yang mungkin boleh dipraktikkan tetapi untuk kita mempraktikkan indeks sebagaimana yang disebutkan tadi merupakan satu masalah yang agak besar kerana untuk kita hendak menaikkan harga rumah murah daripada RM25,000 kepada RM35,000 pun, kita terpaksa laksanakan satu kajian yang agak besar kerana harga rumah di Ipoh dengan harga rumah di Kuala Lumpur berlainan dan harga rumah di Wilayah Persekutuan pun ianya berlainan, di antara misalnya, kawasan Datuk Keramat dengan kawasan Bukit Damansara.

Jadi, apa yang perlu kita lakukan ialah untuk kita mengawal harga rumah murah dan kalau boleh untuk kita mengawal harga rumah sederhana murah kerana bagi rumah-rumah yang berharga tinggi yang akan dibina sebanyak 85,000 unit dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh, ini kita terpaksa lepaskan kepada keadaan situasi pasaran. Ianya akan dikuasai oleh keadaan pasaran. Ini disebabkan kalau kita hendak control harga rumah, kita takut ianya akan melembabkan keadaan pertumbuhan ataupun kemajuan pembangunan sektor perumahan di negara kita ini. Kita cuma hendak control yang harga rumah murah dan sederhana murah sahaja.

#### **ELAUN PERUMAHAN - CADANGAN KERAJAAN**

14. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai isu elaun pertukaran antara pegawai-pegawai dari Sabah ke Semenanjung dan pegawai-pegawai Semenanjung ke Sabah adalah berbeza, terutama pegawai-pegawai yang berpangkat rendah, ianya jelas dari sudut elaun perumahan dan sebagainya. Adalah dianggap membebankan kepada pegawai-pegawai dari Sabah yang ditukarkan ke Semenanjung yang terpaksa menanggung beban sewa rumah yang terlalu tinggi berbanding dengan pegawai-pegawai Semenanjung yang ditugaskan di Sabah yang dibayar elaun sewa rumah yang tinggi. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat kajian terhadap perbezaan itu.

#### **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan mengenai elaun pertukaran telah pun dibangkitkan dan dijawab dalam Dewan ini pada 10hb. April, 1997. Oleh yang demikian, penjelasan hanya akan ditumpukan kepada isu elaun perumahan sahaja.

Elaun perumahan sebenarnya tidak menjadi isu bagi pegawai yang bertukar wilayah. Di bawah Sistem Saraan Baru, ianya dikenali sebagai imbuhan tetap perumahan dan dibayar kepada semua pegawai mengikut kelayakan gred masing-masing tanpa membezakan sama ada pegawai itu berkhidmat di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung. Isu yang dibangkitkan dipercayai menyentuh kemudahan had kadar sewa rumah (rental ceiling). Kemudahan ini hanya diberi kepada pegawai yang bertukar wilayah antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung atau sebaliknya. Ianya diperuntukkan

untuk ketua jabatan menyewa rumah swasta sebagai kediaman bagi pegawai yang bertukar wilayah.

Kadar yang berbeza antara Sabah dan Semenanjung ini adalah bukan untuk membezakan antara pegawai Sabah dan Semenanjung. Kadar yang ditetapkan untuk Sabah adalah lebih tinggi daripada di Semenanjung disebabkan kadar purata sewa rumah swasta di Sabah didapati lebih tinggi daripada di Semenanjung.

Sukacita dimaklumkan bahawa elaun dan kemudahan yang sedia ada memang dikaji oleh agensi pusat dari masa ke semasa termasuk had kadar sewa rumah untuk pegawai yang bertukar wilayah.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana beberapa kawasan taraf hidup adalah tinggi dan juga sewa rumah adalah tinggi, misalnya di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan juga di Langkawi berbanding dengan bandar-bandar kecil yang lain, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semua elaun perumahan ini mengikut tempat di mana mereka ditugaskan? Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan yang dipindah dari satu tempat ke satu tempat dalam Semenanjung tidak dianggarkan sebagai bertukar dari wilayah ke wilayah. Istilah 'wilayah' dimaksudkan wilayah Sabah, Sarawak dengan wilayah Semenanjung. Jadi, kalau dalam Semenanjung, setakat ini tidak ada perbezaan antara tempat ke setempat oleh kerana elaun di bawah Sistem Saraan Baru dibayarkan secara tetap kepada semua kakitangan kerajaan.

Bagaimanapun, di dalam perkara yang berkaitan dengan kos hidup (cost of living index), tidak ada angka yang statik. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian tentang perubahan-perubahan dari masa ke semasa.

## **TABUNG INDUSTRI MAKANAN - NILAI/BILANGAN PROJEK**

15. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah nilai dan bilangan projek yang telah diluluskan di bawah Tabung Industri Makanan; dan
- (b) apakah syarat yang perlu dipenuhi untuk memohon tabung tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 28hb. Februari, 1997, sejumlah RM265,798,887.53 juta telah diluluskan di bawah tabung untuk makanan. Jumlah ini diluluskan berdasarkan sebanyak 1,036 projek yang merangkumi sektor ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan, perikanan laut dan ternakan, pemprosesan makanan, makanan laut, pemasaran dan pengedaran.
- (b) Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pemohon untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:-

Syarat-syarat Utama -

- (i) skim ini hanya menawarkan pembiayaan kepada syarikat-syarikat milik Malaysia (pemilikan 51%) atau individu warganegara Malaysia;
- (ii) pembiayaan diberi sehingga 90% daripada kos projek termasuk kos tanah dan pelaburan modal berkaitan dengan penyimpanan dan pemasaran;
- (iii) semua projek bersaiz sederhana atau besar bagi pengeluaran makanan utama, dengan syarat pelaburan itu bertempat di Malaysia dan melibatkan pengeluaran ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan

ternakan. Peningkatan keupayaan pengeluaran bagi projek yang sedia ada juga layak mendapat pinjaman; dan

- (iv) kos setiap projek hendaklah tidak kurang daripada RM10 ribu dan tidak melebihi RM3 juta. Dalam keadaan tertentu, projek yang mencapai kos RM5 juta boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada penilaian setiap projek.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin minta penjelasan, oleh kerana saya difahamkan tadi sejumlah RM265 juta yang telah dibelanjakan untuk membantu penduduk-penduduk di kampung atau di kawasan pedalaman untuk meningkatkan taraf kehidupan melalui pertanian. Jadi, saya ingin minta jawapan di sini, sekiranya penduduk kampung ingin memohon dan tidak ada cagaran yang mencukupi, adakah kerajaan bercadang untuk membantu, oleh kerana ada satu dua perkara berkenaan yang berlaku di kawasan saya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bahawa semua permohonan tertakluk kepada prosedur pemeriksaan kredit dan peraturan cagaran seperti biasa. Tetapi oleh kerana banyak permintaan yang telah disuarakan oleh pengusaha-pengusaha makanan secara kecil-kecilan ini, Bank Negara Malaysia sedang mengadakan rundingan dengan pihak Syarikat Jaminan Kredit atau CGC bagi menyediakan jaminan kredit kepada projek-projek di bawah skim tabung ini.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan pemberian tabung itu sebagai insentif kepada mereka yang ingin mempertingkatkan penggunaan 'mechanization' di bidang pertanian?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Jawapannya 'ya'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

*[Soalan No. 16 - Y.B. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] tidak hadir]*

**SUKAN DI INSTITUSI SEKOLAH/KAMPUNG/PEKAN/LUAR BANDAR - MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN**

**17. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan keadaan kemudahan sukan seperti padang bola sepak, jaring badminton, sepak takraw, bola keranjang dan lain-lain di institusi sekolah, kampung dan pekan-pekan di luar bandar.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa prihatin terhadap keperluan untuk membangunkan kemudahan sukan di seluruh negara termasuk di kampung-kampung. Sebagai langkah jangka pendek, Kementerian Belia dan Sukan memberi bantuan kepada pelbagai pihak yang ingin membina kemudahan-kemudahan sukan di bawah Program Pembangunan Kemudahan Rakan Muda. Ini adalah sebagai tambahan kepada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Untuk tujuan jangka panjang, Kementerian Belia dan Sukan sedang mengumpulkan inventory, kemudahan-kemudahan yang ada di seluruh negara untuk tujuan menggubal satu plan induk pembangunan sukan dan rekreasi hingga tahun 2020. Di bawah pelan ini, kerajaan bercadang menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk tujuan bersukan yang mencukupi di seluruh negara.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tambahan tentang sejauh manakah perkembangan perundingan di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan pihak Kementerian Pendidikan supaya kemudahan-kemudahan sukan yang ada di sekolah-sekolah dapat juga itu akan mengakibatkan masalah keselamatan murid-murid dan sebagainya.

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya masalah ini dapat diatasi, tetapi ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Bagi Kementerian Belia dan Sukan adalah sukar untuk memberi peruntukan bagi membina infrastruktur sukan di dalam sekolah kerana apabila peruntukan itu telah diberikan, pihak sekolah-sekolah itu tidak membenarkan para belia untuk menggunakan infrastruktur sukan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 2,3, 4, 16 dan 18 hingga 42 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 1997**

## **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[30hb. April, 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Mentakab sila sambung.

**3.35 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk menyambung perbahasan saya dalam Rang Undang-undang Tandatanganan Digital 1997.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sistem kripto tak simetri adalah sistem yang digunakan oleh banyak negara untuk menghasilkan tandatangan digital, tetapi ia juga ada beberapa kelemahannya.

Yang pertama, ialah keperluan untuk memastikan sesuatu kunci awam dalam repositori adalah benar-benar kepunyaan seseorang pelanggan dan tidak ada orang boleh menyamar kepunyaan terhadap suatu kunci awam. Keperluan ini amat penting untuk

mengelakkan sebarang penyamaran pelanggan dan pemalsuan mesej yang dihantar. Sebagai contoh, jika Ah Chong ingin menghantar satu mesej sulit kepada Ahmad, mengikut prosedur sistem ini Ah Chong akan menggunakan kunci awam Ahmad yang tersenarai untuk incrypt dengan izin, mesej tersebut dan Ahmad atas penerimaannya akan menggunakan kunci persendiriannya untuk decrypt mesej sulit tersebut supaya kandungannya boleh difahami. Tetapi jika Alex berjaya menyiarkan kunci awam dia sendiri sebagai kunci awam Ahmad dalam repositori, maka Alex boleh mencuri dan decrypt mesej sulit tersebut yang sebenarnya untuk si penerima iaitu Ahmad.

Contoh yang kedua, jika Ah Chong ingin mengesahkan mesej yang dihantar dengan tandatangan digital mengikut prosedur yang sedia ada, Ah Chong akan menggunakan kunci persendiriannya untuk incrypt mesej digest yang akan dihantar. Ahmad atas penerimaannya akan menggunakan kunci awam Ah Chong yang tersenarai untuk menentukan identiti Ah Chong dan bahawa mesej tersebut tidak pernah diubah dalam perjalanannya. Tetapi jika Alex berjaya menyiarkan kunci awamnya sendiri sebagai kunci awam Ah Chong dalam repositori, maka Alex boleh menggunakan kunci persendiriannya dan menghantar apa-apa mesej dengan tandatangan digitalnya atas nama Ah Chong. Akibatnya mesej yang diterima oleh Ahmad sebenarnya adalah daripada Alex dan bukan Ah Chong iaitu identiti Ah Chong telah dipalsukan. Justeru itu, perkhidmatan repositori yang berkualiti boleh dipercayai dan tepat pada masanya merupakan satu faktor yang amat penting dalam penguatkuasaan akta ini kelak.

Sehubungan dengan ini, saya ingin meminta beberapa penjelasan terhadap Fasal 68, 69 yang mengenai dengan repositori iaitu:

- (a) Apakah kehendak atau prasyarat yang perlu dipenuhi sebelum satu repositori diiktirafkan? Adakah repositori disyaratkan menggunakan

perisian komputer yang boleh dipercayaitermasuk mengadakan system fire war untuk menghalang penceborohan?

- (b) Jika sesuatu pencerobohan berlaku seperti kedua-dua contoh di atas, adakah repositori berliabiliti terhadap segala kerugian dan apakah hak liabilitinya?

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai tanggungjawab dan liabiliti seseorang pelanggan dan seorang dilesen sebagai pihak berkuasa pemerakuan. Pada keseluruhannya saya berpendapat syarat pelesenan dan kewajipan pihak berkuasa pemerakuan sepertimana dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini adalah cukup teliti. Walau bagaimanapun, saya berharap kehendak pihak berkuasa pemerakuan menggunakan sistem yang boleh dipercayai sepertimana yang dimaksudkan dalam Fasal 27 akan juga menekankan aspek berikut:

- (i) kawalan akses fizikal pada segala sistem komputer;
- (ii) system fire war yang berkesan;
- (iii) prosedur yang ketat terhadap pengendalian rekod; dan
- (iv) pentadbir sistem yang amanah dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu aspek yang saya dapati telah ditinggalkan ialah mengenai tanggungjawab pihak berkuasa pemerakuan untuk menjaga kunci persendiriannya dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tugas memberi sesuatu pengakuan, pihak berkuasa pemerakuan kena memakai kunci persendiriannya untuk menandatangani secara digital satu sijil kunci awam pelanggan yang mengandungi identiti pelanggan, hak liabiliti dan kunci awam pelanggan. Persoalan saya ialah jika kunci persendirian seseorang pihak berkuasa pemerakuan didedah kepada pihak ketiga, bolehkah ini mengakibatkan

pemalsuan sijil kunci awam dan lain-lain penyalahgunaan? Apakah liabiliti pihak berkuasa pemerakuan jika kunci persendiriannya didedahkan atau kawalannya dikompromikan atas sebab kecuaiian pengurusan sistem komputer, unsur jenayah atau kegagalan mengambil langkah yang mencukupi untuk menghalang pencerobohan?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati peruntukan Fasal 41 dan 43 telah meletak liabiliti dan penanggungan kerugian kepada pelanggan jika mereka gagal menjaga dengan selamat kunci persendiriannya yang menghasilkan tandatangan digital. Jika mereka memberi representasi faktor yang palsu atau tidak tepat sama ada sengaja atau cuai, tetapi peruntukan liabiliti ini tidak terpakai kepada pihak berkuasa pemerakuan, walaupun kesan akibat tidak menjaga kunci persendiriannya dengan baik adalah luas dan kerugian yang terlibat lebih teruk. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri apakah rasional atau perbezaan peruntukan ini terhadap pelanggan dan pihak berkuasa pemerakuan.

Saya berpendapat tanpa tanggungan liabiliti tersebut pihak berkuasa pemerakuan mungkin tidak akan didorong untuk memasang sistem yang canggih atau terselamat untuk meningkatkan tahap kepercayaan atau integritinya.

Akhirnya, teknologi kriptografi merupakan satu bidang yang amat baru dan teknologi softwarenya sedang berkembang dan berubah dengan pesat. Berbagai algorithm crypto yang kian canggih dan bit yang kian besar untuk meng incrypt mesej akan diperkenalkan dalam pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya adakah kementerian Yang Berhormat bercadang menubuhkan unit penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini sama ada dengan MIMOS atau universiti tempatan supaya kita dapat melahirkan kepakaran tempatan dalam bidang kriptografi ini? Dengan pandangan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera.

**3.45ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatangani Digital ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Perdana Menteri Malaysia membentangkan satu Dasar Pembangunan Nasional pada tahun 1993, beliau telah melancarkan satu wawasan untuk seluruh rakyat Malaysia membawa negara Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi dan lebih maju. Inilah Wawasan 2020 yang di antara matlamat dan cabarannya adalah mewujudkan satu bangsa Malaysia dan negara Malaysia yang maju, berteknologi tinggi dan berbudaya. Wawasan 2020 ini telah diterima oleh semua lapisan masyarakat. Konsep dan matlamat Wawasan 2020 senang difahami oleh seluruh rakyat jelata.

Pada pendapat saya, Multimedia Super Corridor merupakan satu di antara lain-lain dasar dan projek yang akan membenarkan Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020. Tetapi apabila konsep Multimedia Super Corridor ataupun Koridor Raya Multimedia ini dilancarkan pada tahun 1996, tiada ramai orang yang faham tentang konsep MSC ini. Selepas penjelasan daripada kerajaan termasuk Perdana Menteri sendiri, barulah ramai di kalangan rakyat Malaysia memahami tentang MSC ini. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa ramai kalangan kita telah menerima hakikat bahawa Malaysia tidak ada arah yang lain kecuali menuju ke depan dan memeluk teknologi tinggi jika kita ingin menjadi satu negara yang moden dan maju, jika kita berhasrat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh dan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya MSC merupakan projek berbilang segi atau multidimenssion. Satu segi ialah segi fizikal dan satu segi lagi ialah konsep atau

abstrak. Keraguan telah timbul jika kita tidak dapat membebaskan fikiran atau anggapan kita bahawa MSC ini cuma sekeping tanah pembangunan seperti dalam pemajuan tanah dan perumahan. Di paras fizikal, mengikut pengetahuan saya, MSC adalah satu kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer dari Kuala Lumpur City Centre ke Kuala Lumpur International Airport yang merupakan satu euthopia multimedia. Dari risalah MSC, ini adalah satu hadiah daripada Kerajaan Malaysia kepada pemaju dan pengguna teknologi yang ingin mengembangkan peluang mereka di Asia.

Bagi rakyat Malaysia, MSC merupakan sandaran untuk negara berkembang maju dan bagi negara-negara jiran ianya sebagai peluang untuk sama-sama terlibat dalam teknologi multimedia. Dalam teknologi yang canggih seperti 2.5 hingga 10 giga beats, tulang belakang fibre optics digital yang boleh disambung dalam satu rangkaian luas dengan transmission data sebanyak 150 mega beats sesaat termasuk satu gateway antarabangsa bercorak 5 giga byte BPS dengan Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan lain-lain negara Asia dan ASEAN. MSC yang fizikal ini akan membawa Malaysia ke hadapan dari segi infrastruktur teknologi matlamat di rantau ini.

Setakat ini saya ingin bertanya kerajaan tentang peranan Menara Telekom yang sedia ada sekarang dalam konsep telepot untuk MSC. Konsep telepot akan dilaksanakan dan sama ada satu lagi menara telekom akan dibina di Putrajaya. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pernah melawat negara Jepun untuk membincang hal telepot ini. Jadi, apakah hasil daripada lawatan Yang Berhormat Menteri ke negara Jepun untuk tujuan melawat pusat telepot itu? Adakah konsep telepot ini perlu untuk negara Malaysia, dan apakah anggaran kosnya dan sama ada cadangannya feasible? Kita sedar bahawa satu ibu kota pentadbiran tanpa penggunaan kertas akan membawa kita ke arah kerajaan elektronik serta sekolah pintar

dengan kemudahan Internet akan dibangunkan di Putrajaya. Semua merupakan aspek fizikal Multimedia Super Corridor ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi aspek MSC yang begitu abstrak yang mungkin kurang difahami oleh kita. Aspek ini adalah dari segi conceptual dan yang begitu abstrak. Dimensi ini adalah dimensi siber yang tidak terikat kepada aspek fizikal MSC. Bagi saya, MSC ini bermakna multimedia super konsep ataupun konsep raya multimedia, dan bukan koridor fizikal. Ini adalah kerana MSC ini memang merangkumi aspek bukan fizikal yang mungkin payah difahami oleh kita yang selalu terbelenggu dalam dimensi fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, konsep kerajaan elektronik aplikasi dalam media kad pelbagai nasional atau smart kad, pusat pasaran tanpa sempadan (borderless marketing centre) dan web pembuatan seluruh dunia (worldwide manufacturing web) adalah konsep siber yang tidak tertakluk kepada aspek fizikal MSC. Konsep abstrak MSC ini adalah cara-cara yang akan membolehkan Malaysia mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh yang akan membawa industri Malaysia dari tahap industri berasaskan tenaga buruh ke tahap industri berasaskan teknologi tinggi, capital intensive atau berasaskan kepada ilmu pengetahuan. Pemindahan teknologi telah pun menjadi satu masalah di mana syarikat-syarikat asing enggan memindah teknologi mereka kepada rakyat Malaysia walaupun kadang-kadang terdapat segolongan rakyat Malaysia yang malas, ingin memperolehi teknologi atau pengetahuan baru itu.

Negara kita sudah lebih kurang dua dekad pengeluaran elektrik dan elektronik, tetapi nampaknya negara kita belum mencapai pengeksportan barangan atau produk-produk yang mempunyai tambahan nilai tempatan, dengan izin, local value added, selain daripada pemberian kerja kepada orang tempatan dan sekarang orang asing atau pekerja asing. Dalam perkataan, Perdana Menteri kita berkata, dengan izin, most of the local

value added has come mainly from testing and assembly operation with little or no national focus on finished products,' dalam ucapan di Info-tech Malaysia pada Disember 1996. Tetapi saya yakin bahawa kelompok R&D dalam MSC ini akan membawa Malaysia ke hadapan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi multimedia jenerasi yang akan datang. Ini adalah kerana buse of guarantee dan insentif-insentif yang menarik seperti kebenaran tanpa batasan, pengambilan pekerja-pekerja tempatan atau asing yang berpengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmennya apabila empat rang undang-undang siber telah dibentangkan dalam Parlimen ini. Saya percaya bahawa lain-lain rang undang-undang multimedia, Convergence Act adalah dalam persediaan. Walaupun rang undang-undang ini memang dalam status printis, saya percaya bahawa kita mesti mengambil langkah yang pertama dalam perjalanan siber yang begitu maju itu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sering timbul ialah apakah tandatangan digital atau what is digital signature? Ada yang menyatakan digital signature adalah digitise signature, dan ada yang menegaskan bahawa digital signature adalah kod atau nombor sahaja. Dalam Rang Undang-undang Tandatangan Digital, tandatangan digital bererti, dengan izin, 'a transformation of a message using an asymmetric cryptosystem such that a person having the initial message and signer's public key can accurately determine; whether the transformation was created using the private key that correspond to the signer's public key; and whether the message has been altered since the transformation was made.'

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, definisi masih sukar hendak mengetahui apakah itu tandatangan digital. Ini telah menimbulkan satu lagi soalan apakah sistem kripto tak simetri

atau apakah asymmetric cryptosystem itu? Setakat ini saya ingin bertanya apakah teknologi inscription atau description yang disyaratkan sebelum sesebuah syarikat dilantik sebagai pihak berkuasa perakuan atau certification authority untuk menyimpan kunci awam. Sama ada kemudian akan mensyaratkan supaya teknologi encryption adalah teknologi yang canggih mengandungi sekurang-kurangnya sistem 64 bit atau 128 bit sebelum certification authority itu dilesenkan. Saya khawatir kerana jika syarat ini tidak dikenakan, teknologi yang ketinggalan zaman atau obsolete akan dipindahkan ke negara kita. Kalau teknologi inscription ini bukanlah satu teknologi yang terkini, keselamatan sistem tandatangan ini tidaklah terjamin.

Undang-undang siber khasnya tandatangan digital memang membawa lebih soalan daripada jawapan. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kita membantah rang undang-undang ini. Sebaliknya, saya menyokong secara umum semua rang undang-undang siber yang telah dibentang sehingga sekarang. Cuma kita mesti memainkan peranan kita membantu kerajaan mengatasi masalah yang timbul daripada keraguan dan mengurangkan apa jua kelemahan yang berbangkit. Mungkin ada lagi butir-butiran yang perlu dikemaskan. Kita mesti menerima hakikat bahawa dalam teknologi maklumat yang sentiasa berubah dan berkembang, memang payah hendak mewujudkan akta siber yang sempurna tanpa apa jua kelemahan. Oleh sebab itu, apabila kita bersama-sama menggubalkan akta siber khasnya Akta Tandatangan Digital, memang mempunyai banyak soalan daripada jawapan.

Berkaitan dengan hal ini, saya ingin bertanya tentang beberapa aspek mengenai Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini. Yang pertama, kebanyakan orang mempunyai satu tandatangan sahaja dalam sistem conventional. Tetapi dalam sistem tandatangan digital, seseorang boleh mempunyai beberapa tandatangan digital. Saya

difahami bahawa seseorang boleh memperolehi lebih daripada satu tandatangan digital. Jika ini adalah benar, ini boleh membawa banyak masalah atau kekeliruan di kalangan elektronik commerce atau dalam surat perjanjian elektronik.

Pada pendapat saya, seseorang cuma dibenarkan satu tandatangan digital sahaja.

Saya juga difahami bahawa sebuah institusi atau syarikat boleh memperolehi satu tandatangan digital iaitu tandatangan digital korporat. Saya berpendapat bahawa sesebuah syarikat atau institusi tidak boleh mempunyai satu tandatangan digital korporat. Ini adalah kerana cara pengesahan dan tanggungjawab seseorang wakil atau pegawai syarikat telah jelas dan ini akan membawa banyak penyalahgunaan kuasa atau cara tanggungjawab. Oleh kerana tandatangan digital korporat mesti disahkan dan diakui oleh lembaga urusan masing-masing, ini bererti ahli-ahli lembaga akan tahu tentang kod serta kunci dan sebagainya. Jika salah seorang daripada mereka membongkarkan rahsia kod private key itu, semua orang yang tahu kod itu layak menggunakan tandatangan digital itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu sistem yang lebih selamat ialah mengikut cara konvensional di mana seseorang cuma mempunyai satu tandatangan digital sahaja. Jadi, jika surat perjanjian untuk syarikat atau institusi yang memerlukan lebih daripada satu tandatangan digital bagi satu pihak, beberapa kunci mesti digunakan. Tetapi saya tidak tahu sama ada sistem komputer atau software yang sedia ada boleh membenarkan keadaan seperti ini, tetapi sistem ini adalah lebih selamat dan terjamin.

Satu lagi perkara adalah berkenaan dengan sesuatu dokumen elektronik atau kertas yang lebih agung. Jika kedua-dua dokumen yang agak sama tetapi sebenarnya mempunyai sedikit perbezaan yang penting, mana dokumen yang lebih agung jika kedua-dua dokumen kertas atau dokumen elektronik itu adalah sama dari segi tarikhnya. Saya

berharap pihak berkuasa dapat menimbangkan segala kemungkinan yang boleh timbul dalam keadaan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pihak berkuasa ingin menyelesaikan masalah jika seseorang pelanggan telah meninggal dunia tanpa memberitahu sesiapa pun tentang kunci persendiriannya. Bagaimana seorang anak atau cucu pelanggan yang meninggal dunia itu mempunyai apa jua dokumen untuk membolehkan anak atau cucu itu memastikan sama ada perjanjian itu adalah sah. Saya ingin tahu sama ada satu authorisation code atau bukti bertulis atau completion code akan dikeluarkan selepas transaction atau perjanjian akan dijalankan melalui tandatangan digital dan selepas proses verification oleh pihak berkuasa, pengakuan atau certification authority kerana sistem verification ini telah pun diamalkan dalam sistem ETC atau kad kredit.

Apa pula jika seorang pelanggan lupa kunci persendiriannya ataupun kunci persendirian dicuri atau hilang? Jika seorang pelanggan lupa kunci persendirian, bagaimana dia atau pihak berkuasa ingin memastikan bahawa dokumen-dokumen yang ditandatangani digital itu adalah sah ataupun jika dia ingin membatalkan surat perjanjian itu, memang setakat ini mungkin tiada banyak jawapan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian tentang rancangan dan jadual untuk melaksanakan tandatangan digital ini. Apakah tempat fizikalnya sama ada tandatangan digital ini akan dilaksanakan di MSC sahaja? Apakah bidang aplikasi seperti bidang perbankan jual beli di electronic commerce, termasuk melalui Internet yang akan dilaksanakan secara perintis dan juga secara peringkat. Mungkin kita perlu menghadkan bidang aplikasi yang dilaksanakan secara ujian sahaja.

Saya khawatir jika sistem tandatangan ini dilaksanakan secara besar-besaran, timbulnya lebih banyak masalah yang tidak dapat dilaksanakan. Jadi, apakah rancangan kerajaan dalam hal ini? Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa sistem tandatangan digital adalah satu sistem yang lebih baik dan selamat daripada sistem yang sedia ada melalui ETC atau kad kredit dan yang serupa dengannya. Biarlah percubaan dimulakan dan berharap satu sistem yang lebih sempurna dapat diwujudkan selepas ujian yang dijalankan dan pengalaman diperolehi.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong.

**4.05 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya mega maya (cyberspace) hanya merupakan bursa maklumat tanpa sempadan yang terbesar. Kini, mega maya juga menjadi medan perniagaan, perdagangan dan perindustrian tanpa sempadan yang menjalankan transaksinya secara elektronik. Dalam erti kata yang lain, mega maya telah mewujudkan aktiviti cyber economy. Jumlah transaksi komersialnya dijangka mencapai lebih RM375 bilion pada tahun 2000 dan meningkat kepada RM2,500 bilion di tahun 2010.

Malaysia tidak mahu ketinggalan di dalam aktiviti ekonomi mega maya seperti ini. Sebab itulah Malaysia mewujudkan Serambi Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor. Sebab itulah di dalam usahanya memasuki era cyber economy, Malaysia membentuk persekitaran undang-undang siber yang bertujuan membantu syarikat-syarikat multimedia menjalankan kegiatan perniagaan masing-masing sama ada di Serambi Raya Multimedia, di lain-lain serambi kecil multimedia di peringkat negeri atau di mana-mana sahaja pusat perindustrian di seluruh negara. Satu dari undang-undang siber tersebut

ialah Undang-undang Tandatangan Digital yang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan tandatangan digital di dalam operasi cyber economy kini masih di peringkat permulaannya di seluruh dunia. Ia digunakan di dalam beberapa urusan yang terhad. Contohnya, tandatangan digital hanya digunakan di dalam urusan pemesanan barang, urusan perniagaan saham atau stok dan urusan kontrak secara kecil-kecilan di Amerika Syarikat. Di United Kingdom, tandatangan digital ini digunakan di dalam urusan preskripsi perubatan, urusan perundingan kontrak serta di dalam urusan perbankan melalui Internet.

Di Australia dan Germany, tandatangan digital hanya digunakan di dalam urusan perniagaan saham. Di Sweden, tandatangan digital hanya digunakan oleh sektor kerajaan di dalam urusan kontrak dan pembelian barangan. Di Perancis, tandatangan digital hanya digunakan di dalam urusan perbankan melalui Internet. Di Denmark pula, tandatangan digital hanya digunakan di dalam urusan permohonan dan perolehan sesuatu maklumat.

Sementara itu, hanya 6 negeri di Amerika Syarikat yang menerima tandatangan digital sebagai valid ataupun sah. 14 lagi negeri di Amerika Syarikat masih di dalam proses menggubal undang-undang mengenai tandatangan digital.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan di atas membuktikan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara membangun yang akan mempunyai Undang-undang Tandatangan Digital. Ia juga merupakan satu-satunya negara di Asia yang mempunyai undang-undang khusus mengenai tandatangan digital. Jepun belum mempunyai undang-undang mengenai hal ini. Kesemua negara ASEAN yang lain juga belum mempunyai undang-undang mengenai tandatangan digital.

Hakikat ini seharusnya membanggakan semua rakyat jelata dan warga korporat di Malaysia. Hakikat ini juga sewajarnya mendorong lebih banyak lagi syarikat multimedia asing untuk memulakan operasi masing-masing di Serambi Raya Multimedia tidak lama lagi.

Saya pasti Kerajaan Malaysia menggubal undang-undang tandatangan digital ini dengan niat yang positif. Bukannya dengan niat berlumba-lumba dengan mana-mana pihak, biarpun dengan mana-mana jiran di dalam ASEAN mahupun dengan mana-mana sahabat di Asia. Oleh itu, janganlah Malaysia dicemburui. Janganlah Malaysia dikhianati. Janganlah Malaysia cuba dipersenda-sendakan oleh mana-mana pihak, khususnya oleh mana-mana jiran tetangga di dalam ASEAN ataupun di kawasan Asia-Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan hakikat ini kerana sebilangan negara jiran dan juga segolongan negara di Asia-Pasifik sering memberi publisiti negatif terhadap Malaysia. Mereka berbuat demikian untuk memburuk-burukkan Malaysia di mata dunia. Mereka berbuat demikian supaya tidak banyak para pelabur yang tertarik menanam modal di negara ini. Contoh terbaru mengenai publisiti negatif terhadap Malaysia ini dilakukan oleh akhbar *Straits Times* Singapura pada 29hb. April 1997 dan juga *Sydney Morning Herald* di Australia pada 3hb. Mei 1997.

Dalam konteks ini, izinkan saya mengulangi kekecewaan saya terhadap *Straits Times* Singapura. Sewaktu membahaskan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini baru-baru ini, saya telah mengecam Lee Kuan Yew. Saya mengecam Lee Kuan Yew di atas kenyataan di dalam suatu affidavitnya yang mengatakan bahawa Johor adalah sebuah negeri yang jadi sarang jenayah.

Kini, isu Lee Kuan Yew sudah hampir lenyap dan kemarahan rakyat Malaysia terhadap Lee Kuan Yew juga semakin reda. Tetapi nampaknya, akhbar *Straits Times* Singapura seolah-olah berusaha menjolok sarang tebuhan. Di dalam terbitan 29hb. April 1997, *Straits Times* Singapura telah menyenaraikan fakta, gambar dan statistik mengenai jenayah yang berlaku di Johor dari tahun 1995 hingga ke bulan April 1997. Ini dia, Tuan Yang di-Pertua. [*sambil menunjukkan kepada Dewan*]

Segala fakta, gambar dan statistik berkenaan memang benar kerana ianya diambil dari sumber laporan akhbar-akhbar di Malaysia dan Singapura. Soalnya ialah mengapakah laporan itu disiarkan setelah kontroversi kenyataan Lee Kuan Yew mengenai Johor baru-baru ini? Tidakkah berita yang berjodol, dengan izin, "*The facts about crime in Johor*" itu berniat serong dan jahat?

Memang saya insaf bahawa sesuatu akhbar mempunyai kebebasan untuk melaporkan apa sahaja yang difikirkan relevan. Tetapi, pada waktu yang sama, saya juga percaya bahawa sesuatu akhbar juga wajar memainkan peranan memupuk semangat kejiranan di antara satu negara dengan jiran tetangganya. Dalam konteks ini, saya maksudkan semangat kejiranan di antara Malaysia dengan Singapura.

Jadi, apakah motif akhbar *Straits Times* Singapura apabila melaporkan senarai kes-kes jenayah di Johor baru-baru ini? Inikah bentuk pelepasan dendam terhadap kecaman Malaysia kepada Lee Kuan Yew baru-baru ini? Inikah caranya *Straits Times* Singapura memupuk semangat kejiranan dan semangat terbaik-baik di antara Malaysia dan Singapura menerusi persuratkhabaran?

Tuan Yang di-Pertua, memang pemimpin Malaysia mahu mengkesampingkan sahaja isu ini. Tetapi, sebagai seorang Wakil Rakyat dari Johor, saya berhak untuk bersuara di dalam hal ini. Oleh itu, saya menyeru semoga akhbar *Straits Times* Singapura

insaf bahawa laporannya pada 29hb. April 1997 adalah bertujuan serong. Meminjam kata-kata Johan Jaaffar, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan di dalam *Mingguan Malaysia* semalam: “*Statistik jenayah yang disiarkan oleh Straits Times Singapura itu memang bagus untuk tujuan propaganda. Tetapi belum tentu membawa makna kalau disiarkan untuk menyokong pemimpin yang masih hidup dalam igauan dan bayangan lampau.*”

Oleh itu, saya harap *Straits Times* Singapura akan memberhentikan kesemua laporan serong terhadap Malaysia pada masa ini dan pada masa akan datang. Saya yakin bahawa rakyat Malaysia tidak akan bertindak radikal terhadap laporannya baru-baru ini. Namun begitu, janganlah akhbar berkenaan terus mencuba-cuba untuk menguji kesabaran rakyat jelata Malaysia seluruhnya menerusi laporan yang bertujuan memburukkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Pada waktu yang sama, izinkan saya mengulas laporan *Sydney Morning Herald* pada 3hb. Mei 1997 yang memetik Setiausaha Sukan Komanwel, Arthur Tunstall sebagai berkata bahawa Malaysia telah menggunakan wang dan pengaruh lain untuk mengatasi Adelaide dalam memperolehi hak sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998. Tuduhan tersebut adalah tidak benar. Ia lebih merupakan fitnah dan prasangka buruk akhbar Australia terhadap Malaysia. Laporan sebegini terhadap Malaysia memang lazim dilakukan oleh beberapa akhbar Australia sebelum ini. Ia dilakukan secara konsisten. Motifnya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memperkecil-kecilkan kecapaian ataupun ‘achievement’ Malaysia di dalam apa bidang sekalipun.

Saya meminta maaf sekiranya saya mengambil masa mengenai masalah akhbar asing terhadap Malaysia, bagaimanapun, saya lahirkan suara di atas dengan harapan bahawa akhbar-akhbar serta majalah antarabangsa tidak akan cuba mempersenda-

sendakan usaha Kerajaan Malaysia menjadikan Koridor Raya Multimedia atau Serambi Raya Multimedia sebagai wadah perindustrian multimedia yang berwibawa dan unggul di Asia dan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini, laporan antarabangsa mendapati bahawa tandatangan digital memang kurang bermasalah. Sehingga hari ini, hanya terdapat dua kes percubaan memalsukan tandatangan digital. Kedua-dua percubaan tersebut gagal kerana penciptaan tandatangan ini menggunakan sistem multiple crypto yang digunakan untuk menggerakkan serta memindahkan tandatangan digital. Jika hakikat ini boleh dijadikan sandaran kepada kejayaan tandatangan digital setakat ini, maka saya yakin bahawa aplikasi tandatangan digital yang akan dilaksanakan menerusi 'cyber commerce' di Malaysia juga akan, insya-Allah, beroleh kejayaan. Namun begitu, janganlah hakikat kejayaan 'digital signature' setakat ini seperti yang saya sebutkan tadi akan menjadikan pihak pengguna tandatangan sedemikian dan juga pihak berkuasa pemerakuan berlesen (licensed certification authority) jadi, bersikap sambil lewa terhadap aspek-aspek keselamatan.

Di dalam hal ini, saya berharap pengawal pihak berkuasa pemerakuan (controller of certification authorities) hendaklah memastikan supaya mereka yang dilantik sebagai pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah dari individu atau organisasi yang berintegriti tinggi. Lesen hanya wajar dikeluarkan kepada pihak ini setelah ianya memenuhi segala syarat-syarat yang membuktikan integriti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya izinkan saya menyorot seksyen 27(1) dan 27(2) di dalam rang undang-undang ini. Kedua-dua peruntukan ini memerlukan penggunaan 'sistem yang boleh dipercayai' oleh pihak pemerakuan berlesen dan juga oleh pihak pelanggannya. Saya pasti bahawa seksyen ini memerlukan pihak yang menyimpan kunci

persendirian, iaitu pemilik tandatangan digital dan juga pihak yang menyimpan kunci awam ataupun pihak berkuasa pemerakuan berlesen supaya mempunyai perkakasan dan perisian komputer yang selamat dari pencerobohan dan penyalahgunaan.

Saya harap aspek 'sistem yang boleh dipercayai' seperti yang terkandung di dalam seksyen 27(1) dan 27(2) akan diperjelaskan lagi di dalam proses pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang ini kelak. Saya minta perkara ini diperjelaskan kerana aspek-aspek 'sistem yang boleh dipercayai' sebenarnya membabitkan aspek-aspek keselamatan sesuatu sistem komputer. Sebagaimana yang telah saya huraikan pada 28hb. April 1997, iaitu sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Jenayah Komputer, aspek keselamatan sesuatu sistem komputer tidak terjamin 100%. Maksudnya, para pakar keselamatan komputer mutakhir memperakukan bahawa tidak ada mana-mana sistem komputer yang selamat 100%.

Mengambil kira perakuan seperti di atas, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah pihak berkuasa pemerakuan berlesen dan pihak pelanggan tandatangan digital akan dipersalahkan dan dikenakan tindakan mahkamah sekiranya kunci awam dan kunci persendirian yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu tandatangan digital itu dicerobohi oleh pihak ketiga? Jika hakikat ini tidak menjadi kesalahan, siapakah yang akan dipersalahkan dan dikenakan tindakan undang-undang dalam konteks ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah besar yang mungkin timbul dari pelaksanaan Undang-undang Tandatangan Digital di masa akan datang adalah penerimaannya secara antarabangsa. Masalah ini mungkin wujud kerana hari ini belum lagi terdapat sebarang piawaian dunia ataupun 'world standard', dengan izin, mengenai tandatangan digital. Soal 'world standard' tandatangan digital ini masih lagi diperbincangkan dan dipolemikkan di sebilangan negara-negara maju di Barat.

Pada waktu yang sama, seperti yang saya tegaskan di peringkat awal ucapan ini, belum semua negara di dunia ini mempunyai undang-undang tandatangan digital. Ini pastinya menghalang penggunaan tandatangan digital secara komprehensif di merata dunia di dalam urusan 'cyber commerce'.

Oleh itu, saya memohon semoga Kerajaan Malaysia melaksanakan beberapa inisiatif serantau dan juga inisiatif sejagat mengenai perundangan siber termasuklah Undang-undang Tandatangan Digital seperti yang kita bahaskan sekarang. Maksud saya, Kerajaan Malaysia harus menggunakan hubungan bilateral ataupun multilateral untuk mempengaruhi sahabat-sahabat dan juga organisasi antarabangsa dan negara-negara yang belum mempunyai undang-undang dan aplikasi tandatangan digital supaya berbuat demikian. Jika tidak, penggunaan tandatangan digital termasuklah dari industri multimedia di Serambi Raya Multimedia Malaysia, pastinya akan terhad dan akan berhadapan dengan beberapa halangan. Jika inisiatif serantau ataupun sejagat ini tidak dipelopori segera oleh pihak Malaysia, saya pasti penggunaan tandatangan digital di Malaysia dan di seluruh dunia akan hanya berhadapan dengan masalah yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau.

**4.22 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997.

Rang Undang-undang ini merupakan satu lagi usaha untuk membekalkan infrastruktur perundangan bagi kita melaksanakan Projek Multimedia Super Corridor yang telah kita perkenalkan dan banyak diperkatakan. Sebelum saya pergi secara khusus kepada rang undang-undang ini, izinkan saya mengatakan sedikit tentang konsep Korridor Raya Multimedia ini yang begitu banyak diperkatakan dan disiarkan sekarang ini.

Saya merasakan bahawa pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengusahakan pembangunan Multimedia Super Corridor ini masih lagi mempunyai banyak ruang untuk memperjelaskan konsep Multimedia Super Corridor ini kepada umum dan juga kepada pihak yang ingin mengetahui tentangnya.

Saya merasakan bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan konsep ini dan kita memperkenalkan beberapa rang undang-undang untuk menyokong usaha pembangunan ini berlakunya satu fenomena, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan sesuatu, maka timbul banyak 'echo'. Semua orang bercakap berkenaan Multimedia Super Corridor sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap berkenaan Multimedia Super Corridor, tetapi umumnya saya mempunyai tanggapan bahawa terdapat begitu banyak kekaburan tentang apakah dia sebenarnya konsep yang hendak dilaksanakan melalui Multimedia Super Corridor ini.

Jadi, saya merasakan bahawa MDC sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif untuk memperjelaskan apakah dia bendanya MSC ini dan memperjelaskan juga tujuh bidang utama yang telah diperkenalkan untuk melaksanakan konsep ini daripada Smart Government, Sekolah Bistari, Telemedicine, Manufacturing Web dan apa benda sampai ada tujuh bidang yang hendak dilaksanakan di bawah konsep Multimedia Super Corridor ini supaya tidaklah menjadi sesuatu fenomena orang hanya memperkatakan

tentang perkara ini mengguna perkataan multimedia. Sekarang ini kita pergi ke kampung, mereka juga bercakap berkenaan multimedia, pada hal multimedia itu hanyalah merupakan kemampuan sebuah komputer untuk berinteraksi dengan lebih daripada satu media, visual dengan suara, sebagai contoh. Tetapi, untuk mendidik awam dengan lebih baik, untuk memahami tentang perkara ini, saya sangatlah berharap supaya Multimedia Development Corporation dan juga kementerian memainkan peranan yang lebih untuk menjelaskan konsep ini dan sekali gus ianya akan menuntut satu kehendak di kalangan rakyat untuk memahami apakah dia keperluan-keperluan yang patut ada kepada rakyat Malaysia untuk kita mendapat manfaat yang sebanyak mungkin apabila terlaksananya Multimedia Super Corridor ini.

Saya merasakan bahawa sekarang ini terdapat satu tanggapan yang begitu 'simplistic' tentang Multimedia Super Corridor ini, mereka semua memperkatakan tentang MSC, mereka bercakap fasal komputer, fasal hendak main dengan komputer dan fasal Internet. Kalau bercakap fasal Internet, dia tidak bercakap fasal benda lain, dia masih bercakap tentang 'world wide web', hendak melihat homepage. Tidak ada orang yang bercakap fasal keluasan Internet itu sendiri dan tidak ada orang yang bercakap tentang keperluan dari segi latar belakang matematik untuk menjalankan 'programming' dan juga pembangunan perisian, tidak ada orang bercakap tentang pra-syarat untuk kita membekalkan asas-asas matematik yang kuat kepada pelajar dan juga orang yang berminat untuk terlibat dalam perkara ini.

Kita harus sedar bahawa MSC ini bukanlah satu pembangunan yang fizikal semata-mata. Bukan sahaja keghairahan itu ditumpukan kepada usaha untuk membangunkan 'cyber city' secara fizikal, usaha untuk membekalkan perkakasan dan juga hardware dalam projek ini tetapi yang lebih penting dan yang lebih bermakna untuk

MSC ini ialah kalau rakyat kita nanti dapat menyertai dalam konsep ini, dalam menjadi penjana untuk membangunkan 'applications' dan juga menulis program-program untuk kita bersaing sekali di dalam dunia dan rakyat Malaysia sendiri menjadi golongan yang berkemampuan untuk memperluaskan sempadan takrif multimedia ini.

Semua ini memerlukan penjelasan yang terperinci, memerlukan penyebaran maklumat yang baik oleh semua pihak tetapi khususnya oleh MDC. Saya khuatir kalau kita tidak memberi tumpuan yang luas, kalau kita hanya menumpukan kepada konsep fizikalnya, maka kita tidak akan mendapat manfaat yang banyak. Kita juga harus sedar bahawa pihak yang sebenarnya yang akan mendapat manfaat daripada sini ialah mereka yang dapat membangunkan perisian-perisian tertentu dan juga 'applications' yang tertentu untuk digunakan sama ada untuk konsep sekolah bistari ataupun untuk konsep 'paperless government' dan sebagainya.

Satu daripada perkara yang harus difikirkan ialah kalau kita hendak melahirkan individu yang mempunyai kreativiti dan juga kemampuan untuk menulis program dan membangunkan perisian ini, kita harus fikir tentang apakah persekitaran yang perlu ada dan apakah ciri-ciri yang perlu kita pupuk di kalangan rakyat kita, pelajar-pelajar ataupun mereka yang mahu terlibat dalam bidang ini.

Ini berkaitan dengan suasana dalam kampus universiti itu sendiri. Kita faham dan kalau mereka yang faham tentang orang yang menulis program ini, 'programmers' dan juga mereka yang terlibat dengan 'simulation' ataupun yang terlibat dengan benda yang lain untuk membuat perfileman ataupun lain-lain yang mendigitalkan segala benda ini, mereka merupakan manusia yang kreatif selain daripada mempunyai kemampuan dan kemahiran yang tertentu.

Proses kreativiti ini memerlukan persekitaran yang tertentu. Satu daripada masalah yang kita lihat dalam universiti-universiti tempatan sekarang ini ialah suasana universiti itu tidak memupuk satu proses kreativiti. Ia seolah-olah tidak ada satu toleransi kepada mereka yang tidak berada di aliran utama kampus. Orang yang menulis program ini, kalau kita kenal, mereka memang pelik sedikit, ada yang sesetengah itu yang lelaki bertocang, yang tidak mandi tiga hari, yang duduk dalam makmal membuat debug programnya sampai tiga, empat, lima hari. Jadi, ini merupakan individu yang sebenarnya berkemampuan untuk melahirkan aplikasi dan juga menulis program yang mampu mendefinisikan sempadan Multimedia Super Corridor ini.

Jadi, suasana kampus dan institut-institut pengajian tinggi di negara kita ini harus dilihat semula dan untuk membenarkan keunikan dan kepelikan peribadi setengah daripada mereka yang terlibat dalam bidang ini diterima. Bukanlah kita, saya satu orang yang hendak menentengahkan satu konsep 'bohemian' dalam kampus tetapi kalau kita betul-betul hendak melahirkan individu yang mampu terlibat secara yang mengerti dalam bidang ini, kita hendaklah membenarkan - orang kata - individu pinggiran yang berada di hujung-hujung, yang tidak duduk di dalam arus utama kampus ini untuk berfungsi dan membekalkan dia dengan insentif dan memperakui kemampuan mereka dalam bidang ini.

Seterusnya sesuai juga dengan penekanan kita untuk mendapat manfaat yang sebanyak mungkin daripada MSC ini, kita hendaklah mulai daripada sekarang dan sesuai juga dengan tuntutan untuk negara mewujudkan seribu saintis untuk tiap-tiap sejuta penduduk pada tahun 2000, saya berasa khuatir sekarang ini pada peringkat ilmu yang asas dalam bidang sains dan teknologi khususnya, penguasaan pelajar kita dalam bidang yang asas seperti matematik, fizik, kimia dan juga biology agak berkurangan sekali. Saya hendak tumpukan kepada bidang matematik sebenarnya kerana ia berkaitan secara

langsung dengan konsep Multimedia Super Corridor ini dan juga khususnya dalam rang undang-undang ini berkenaan dengan tandatangan digital.

Asas kebanyakan bidang dalam teknologi adalah matematik dan kita takut sekarang ini - kalau kita tengok berapa universiti yang kita ada, hanya ada di kalangan Jabatan Matematik di dalam universiti di seluruh negara kita. Tidak semua universiti dalam negara kita ini ada Jabatan Matematik. Kalau kita tidak mempunyai ahli-ahli matematik yang cukup banyak, yang kebanyakannya terlibat dalam penyelidikan ataupun pengajaran dalam bidang-bidang yang begitu abstrak, yang orang sekarang dalam zaman kita begitu applied dan practical ini kita memandang rendah pula kepada orang yang theoretical ini. Jadi, kalau kita tidak ada membentuk satu densiti, satu critical mass ahli matematik dalam negara kita ini, maka kita tidak akan mampu untuk menjadi penjana kepada programming ataupun kepada bidang-bidang teknologi yang lain.

Saya sarankan kepada Kementerian Pendidikan, misalnya kepada institusi pengajian tinggi yang ada supaya memberi penekanan kepada soal pembentukan satu masyarakat ahli matematik dalam negara kita ini yang kukuh. Kita takut sekarang ini dalam pada kita mengkorporatkan universiti dan menekankan kepada soal menjadikan pendidikan sebagai satu komoditi dan melihat pendidikan sebagai satu perniagaan serta menilai kepentingan sesuatu bidang mengikut nilai komersialnya dan sebagainya, perkara-perkara seperti ini kalau kita tidak jaga akan mempunyai kesan yang cukup buruk ke atas bidang-bidang yang asas ini seperti bidang matematik. Siapalah yang hendak menghargai dan memahami apa yang hendak dibuat oleh seorang ahli matematik yang mempunyai kepakaran dalam teori nombor? Siapalah yang hendak mengiktiraf kepakaran mahupun memahami apa yang dibuat oleh seorang ahli matematik yang mempunyai kepakaran dalam algebra abstrak? Siapalah yang hendak menghormati, mengiktiraf

ataupun memahami apa yang dibuat oleh seorang ahli matematik yang mempunyai kepakaran dalam struktur digital? Tetapi kita harus faham keseluruhan teknologi di belakang tandatangan digital ini adalah dari segi kriptografinya. Ini adalah berasaskan kepada bidang-bidang matematik yang saya katakan tadi - pada bidang teori nombor, pada bidang algebra abstrak dan bidang algebra Boolean dan juga sedikit sebanyak ada topologi dalamnya.

Jadi, itu adalah merupakan asas-asas di belakang teknologi yang memungkinkan wujudnya, apa yang kita panggil, tandatangan digital ini. Jadi, ini menunjukkan ada perkaitan yang begitu rapat di antara bidang-bidang pengajian ini dan juga teknologi yang hendak kita ketengahkan ini, yang hendak kita gunakan untuk membangunkan konsep Multimedia Super Corridor yang saya maksudkan tadi. Jadi, itulah maksud saya apabila kita bercakap tentang Multimedia Super Corridor, orang semua dok bercakap fasal komputer, komputer tetapi orang tidak memberi penekanan, kefahaman yang lebih asas dan lebih dalam untuk memastikan bahawa kita boleh pergi dengan jayanya ke dalam konsep ini.

Saya takut nanti, kalau kita tidak memberi penekanan yang sebenar-benarnya, maka apabila terlaksananya MSC dan Cyber City ini, maka yang terbangun hanya yang fizikal - bangunan-bangunannya sahaja - tetapi manfaat kita untuk membolehkan rakyat Malaysia untuk terlibat dalam proses ini tidak akan menjadi kerana orang lain yang akan berkemampuan untuk datang ke sini dan mendapat manfaat daripada kemudahan-kemudahan yang ada dibekalkan di sini tetapi rakyat kita sendiri tidak boleh hendak melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi khusus kepada rang undang-undang ini. Sebelum saya pergi kepada perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan, saya sekali lagi ingin

menegur pihak kerajaan menerusi Kamar Peguam Negara yang bertanggungjawab untuk membekalkan draf rang undang-undang ini. Kita - saya sendiri dan beberapa ahli - telah beberapa kali menegur tentang rang undang-undang yang dalam Bahasa Melayu ini. Kalau kita tengok rang undang-undang ini sekali lagi, dulu kita sudah cakap terdapat begitu banyak penggunaan perkataan-perkataan yang dikira sebagai perkataan Melayu tetapi teruk sangat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya faham bahawa apabila kita meluluskan rang undang-undang dalam Parlimen ini, maka ianya menjadi undang-undang dan mahkamah akan menggunakan undang-undang ini dan memahami maksud Parlimen di belakang meluluskan rang undang-undang ini untuk menghakimi di mahkamah. Kita faham dari segi, kadang-kadang Kamar Peguam Negara kata hendak kena pakai istilah ini sebab hendak ada 'clear legal interpretation' dan sebagainya tetapi kalau kita lihat sekali lagi, ini perkara yang mungkin remeh tetapi saya ingin juga tegur.

Perkataan seperti 'mesej' 'repositori', 'fee', 'instal', 'konklusif' dan yang paling mengejutkan ialah - ada satu - saya pun terkejut dalam konteks saya sudah terkejut banyak kali, saya pun terkejut, misalnya dalam seksyen 54 - pembatalan atas 'demis pelanggan' - 'demise' - kira itu penggunaan 'demise of the client', jadi 'demis' itu digunakan perkataan demis dalam bahasa Melayu. Lepas itu dalam seksyen itu pula diguna pula "apabila menerima suatu salinan terperaku sijil kematian pelanggan" tetapi yang dekat para itu guna perkataan 'demis', 'relif', 'punitif'. Jadi, saya tidak mengemukakan cadangan untuk pindaan secara rasmi untuk dipinda perkara-perkara ini tetapi sekali lagi saya ingin menegur supaya di masa-masa akan datang apabila kita mengemukakan rang undang-undang yang akan menjadi sebuah undang-undang, apabila kita lulus dalam Dewan ini yang dirujuk oleh mahkamah untuk menghakimi segala

masalah yang akan masuk dalam rekod - bukan sahaja rekod Parlimen - tetapi rekod dalam perbicaraan mahkamah.

Jadi, orang kata dalam bahasa Inggerisnya 'for posteriority sake', kita kena jagalah sedikit cara kita tulis rang undang-undang ini. Walaupun saya faham bahawa kegunaan bahasa yang kena dan tepat itu kadang-kadang menjadi masalah tetapi carilah yang munasabah sedikit. Fasal kita rasa kalau kita memperkenalkan perkataan-perkataan yang baru dengan mengetepikan pembentukan istilah dalam Bahasa Melayu, maka bahasa itu pun lama-lama akan mati. Dan sampai sekarang ini kalau hendak baca rang undang-undang ini, kalau kita tidak faham bahasa Inggeris, maka kita tidak boleh hendak faham. Kalau emak saya baca - emak saya tidaklah buta huruf tetapi dia seorang yang bersekolah juga tetapi pada tahun 40-an dan 50-an dahulu - dia pun hendak faham tidak boleh sebab banyak bahasa Inggeris dalam ini.

Jadi, perkara ini janganlah dianggap sebagai satu perkara yang remeh kerana ini satu perkara yang serius dan saya harap sangatlah! Sudah banyak kali dan bukan satu rang undang-undang, banyak rang undang-undang tetapi setiap kali dijawab hanyalah kata ini AG terpaksa buat, jadi saya pun rasa sedih jugalah. Misalnya, Dewan Bahasa dan Pustaka pun patutnya memainkan peranan yang lebih aktif untuk melihat rang undang-undang ini dari segi bahasa, kalau tidak bahasa Melayu itu akan mati kerana kita mengakui bahawa bahasa itu tidak berkemampuan untuk melahirkan perkataan-perkataan yang mempunyai terjemahan yang tertentu dan kalau kita tidak memberi usaha untuk membangunkan bahasa itu dan memperkenalkan perkataan-perkataan dari bahasa lain, maka bahasa itu sendiri akan mati. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua yang khusus tentang rang undang-undang ini ialah saya berpendapat bahawa teknologi di belakang tandatangan digital ini adalah satu teknologi

yang cukup terbukti dari segi kemampuan yang tidak boleh dicelup atau diciplak. Kalau kita faham tentang teknologi ini kita mendapati sebenarnya bahawa ianya lebih selamat daripada tandatangan menggunakan tandatangan di atas kertas kerana ia menggunakan beberapa kaedah yang telah disebut dalam pembentangan hari itu. Secara teorinya adalah satu yang agak selamat, susah orang hendak memalsukan tandatangan digital ini berbanding dengan orang boleh memalsukan tandatangan di atas kertas.

Jadi, sistem keselamatan di atas tandatangan digital ini bergantung kepada sistem keselamatan pada sistem komputer yang digunakan oleh certification authority dan juga sistem komputer yang digunakan oleh pengguna - kalau tidak bocor di sistem komputer pengguna, kalau tidak bocor di sistem komputer di pihak berkuasa yang mengesahkan itu, maka secara teorinya amatlah susah untuk orang memecah sistem keselamatan ini tetapi sistem keselamatan ini mempunyai dua sendi yang lemah iaitu satu sendi di sebelah pengguna dan satu sendi di sebelah certification authority. Kalau orang boleh menembusi sistem keselamatan komputer pengguna dan juga certification authority, maka keseluruhan sistem keselamatan untuk tandatangan digital ini akan luput sama sekali.

Ada peruntukan di dalam rang undang-undang ini yang ada seksyen-seksyen yang tertentu yang menuntut untuk pengguna dan juga untuk certification authority menggunakan sistem komputer yang selamat dan boleh dipercayai. Seksyen 27 untuk certification authority dan juga seksyen 27(2) untuk pelanggan tetapi ini merupakan dua sendi yang lemah kerana kita percaya bahawa certification authority adalah merupakan badan yang dalam rang undang-undang ini akan dinilai setiap tahun dan sebagainya. Dan kita boleh mengesahkan bahawa mereka menggunakan sistem yang boleh dipercayai, tetapi mungkin kalau ada kelalaian dari segi pengguna walaupun ada seksyen 27(2) ini tetapi kalau boleh berlaku pencerobohan dalam sistem komputer yang digunakan oleh

subscriber, maka susah, walaupun terdapat juga dalam rang undang-undang ini kalau terjadi pencerobohan, maka certification authority mempunyai liabiliti hanya setakat yang dinyatakan dalam sijil yang dikeluarkan tetapi kalau kita tengok itu pula, sistem ini tidak menggalakkan orang mengguna digital signature dan pelanggan berasa takut hendak guna kaedah ini walaupun secara teorinya saya setuju adalah selamat. Kalau terjadi apa-apa liabiliti, certification authority hanya liable setakat amaun yang diberi dalam sijil kepada saya sebagai pelanggan.

Jadi, ini adalah perkara yang saya faham. Untuk memperkenalkan penggunaan ini, kita harus bermula di satu tahap yang tertentu. Tetapi saya ingin penjelasan sedikit tentang macam mana kita hendak menggalakkan kegunaan tandatangan digital ini dalam konteks - liabilitinya banyak jatuh balik ke atas pelanggan. Sekarang ini kalau saya berhadapan dengan kemungkinan sistem keselamatan komputer saya boleh dicerobohi dan orang boleh mencuri private key dan menggunakan private key tersebut untuk melakukan kontrak dengan satu pihak yang lain tanpa saya mengetahuinya. Selepas itu terjadi apa-apa perkara jenayah yang mana saya ada bertanggungjawab. Saya yang kena bayar, certification authority kena juga bayar tetapi kena setakat had yang tertentu. Mungkin saya akan mengatakan, 'apa susah sangat, lebih baik saya pergi ke peguam buat macam sekarang ini: sign, 'notarise' - lagi selamat, liabilitinya very clear and well define'. Itu satu perkara.

Saya juga nampak dalam Rang Undang-undang ini misalnya dalam seksyen 62 sampai 67 bahawa tandatangan digital ini apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini, tandatangan digital akan terpakai untuk semua undang-undang lain di dalam negara kita yang ada setakat ini. Maknanya apa juga undang-undang yang sedia ada sekarang

yang memerlukan pengesahan dari segi tandatangan, cap jari ataupun apa jenis lagi yang dicakapkan di dalam akta ini. Ertinya kesemua benda itu boleh didigitalkan, maknanya kesemua rang undang-undang itu hendaklah memperakui tandatangan digital sebagai satu yang sah untuk menggantikan tandatangan atau cap jari. Jadi, ini bermakna bahawa rang undang-undang ini sebenarnya mempunyai implikasi yang begitu luas.

Pada mula-mulanya saya mempunyai tanggapan bahawa kita hanya membentangkan rang undang-undang ini untuk membolehkan cyber commerce berjalan dalam skop yang agak terhad, tetapi dengan adanya seksyen 62 sehingga 67, ini bermakna semua bentuk tandatangan, cap jari ataupun identiti boleh diberi dalam bentuk digital. Maknanya wasiat boleh digital, terpakai untuk semua urusan yang dalam undang-undang syarikat. Kita digitalkan perjanjian jual/beli tanah dan sebagainya. Ini sebenarnya baru saya sedar bahawa Rang Undang-undang ini adalah sesuatu yang begitu luas implikasi dan kegunaannya setelah kita luluskannya nanti..

Jadi, saya rasa Rang Undang-undang ini sebenar-benarnya merupakan tunjang kepada kerangka perundangan untuk kita laksanakan multimedia super corridor, kerana apabila diluluskan ianya boleh diguna dalam semua undang-undang yang ada di dalam negara kita hari ini. Tetapi kalau ia mempunyai skop yang sebegitu, sekiranya orang tidak pakai, maka undang-undang itu akan menjadi tidak berapa mencapai matlamatnya juga. Mungkin orang takut hendak menggunakannya kerana liabiliti yang saya katakan tadi kemungkinan orang boleh mencerobohi sistem keselamatan komputer yang pengguna menggunakannya. Walau bagaimanapun, saya ingin juga penjelasan daripada kementerian tentang subsidiary legislation yang akan dikemukakan atau peraturan-peraturan yang perlu diadakan setelah kita luluskan Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ialah mungkin remeh. Mungkin patut saya bangkitkan pada masa Jawatankuasa, tetapi saya akan bangkitkan sekarang juga. Ada beberapa seksyen dalam Rang Undang-undang ini yang saya rasa pelik juga, sebab Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini yang memberi kuasa untuk memperakukan tandatangan dalam bentuk digital, tetapi seperti seksyen 11 Penyerahan balik lesen - misalnya. Para 3 dinyatakan di situ tentang bila hendak serah balik lesen itu. Saya merasa pelik sebab di seksyen 11(3) yang berbunyi:

“11(3) Pihak berkuasa pemerakuan berlesen itu hendaklah, tidak lewat dari empat belas hari selepas tarikh yang disebut dalam subsekeyen (2), menyebabkan supaya penyerahan balik itu disiarkan dalam rekod penzahiran pihak berkuasa pemerakuan pihak berkuasa pemerakuan.....”

Eh, dua kali ya.

“..... pihak berkuasa pemerakuan yang berkenaan .....”

Ini patut ada pindaan.

“..... dan diiklankan dalam sekurang-kurang satu akhbar harian kebangsaan bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian kebangsaan bahasa Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.”

Jadi, saya faham maksud, tetapi walaupun demikian saya ingat ada ‘typo’ di dalam maksud ini. Ini menuntut bahawa penzahiran itu dilakukan dalam satu media cetak, tetapi tidak ada keperluan untuk penzahiran dilakukan dalam bentuk digital. Sepatutnya ada satu keperluan di sini yang memerlukan penzahiran dilakukan di dalam bentuk digital. Maknanya satu akbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian

bahasa Inggeris, tetapi tidak perlulah penzahiran itu dibuat dalam Internet. Apabila kita melakukan sesuatu ini untuk memperakui digital ini, penzahiran itu sepatutnya dilakukan di dalam Internet sebagai salah satu daripada medium yang penting. Medium yang diperlukan di sini adalah terhad kepada medium bercetak. Perkara yang sama juga timbul dalam seksyen 17 berkenaan dengan Pembaharuan Lesen - seksyen 17(3) serupa jugalah. Kali ini betul tidak ada 'typo' macam tadi, tadi ada 'typo'. Ini satu lagi, sepatutnya 'typo' macam ini kalau betul 'typo' tidak patutlah ada typographical error apabila dibawa ke dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu semasa saya membuat dissertation sampai tidak ada 'typo' baru boleh hantar. Semasa saya menjadi pensyarah dahulu pun selagi ada 'typo' kita tidak hendak tengok kertas sampai pelajar sempurnakannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan tandatangan digital ini khususnya dengan usaha kita untuk memperkenalkan atau mengiktirafkan tandatangan digital dan menggunakan teknologi yang ada serta menjadi satu negara yang ke hadapan dalam hal ini, di dalam mempelopori bidang teknologi maklumat ini, saya akan akhiri dengan menyebut tentang kegunaan digital teknologi ataupun teknologi maklumat dalam Dewan ini sendiri.

Saya telah timbulkan pada masa Ucapan Terima Kasih kepada Titah Di-Raja tentang rasa tidak puas hati dengan tingkat penggunaan teknologi maklumat untuk kita Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli-ahli Parlimen keseluruhannya dan juga di Parlimen ini sendiri.

Saya telah menimbulkan misalnya kenapa tidak kita menggunakan teknologi yang ada sekarang, teknologi maklumat untuk soalan misalannya., Tidak perlulah kita kemukakan soalan dua minggu sebelum tarikh hari pertama mesyuarat, kita boleh

kemukakan soalan dua minggu sebelum hari yang kita hendak tanya. Kita boleh mempercepatkan perjalanan mesyuarat untuk Soalan Jawab-Mulut. Kita boleh membentuk satu organisasi yang lebih baik supaya tidaklah jadi seperti kawan saya daripada Tambun tadi. Beliau membangkitkan soalan nombor 9 - selepas itu menteri menyatakan soalan nombor 9 sudah dijawab pada minggu lepas. Jadi, kalau kita menggunakan teknologi yang ada maka tidaklah terjadi kes macam itu, kalau soalan itu sudah dijawab pada minggu lepas, tidak payahlah soalan itu ditimbulkan lagi. Oleh itu, tidak terjadilah seperti kawan saya daripada Tambun bangkitkan, dia kata macam itu dan kemudian menteri kata soalan itu sudah dijawab. Jadi, dia pun kelam-kabut datang ke Parlimen sebab barangkali dia ada appointment lain, hendak bangkit tanya soalan itu, selepas itu menteri mengatakan sudah dijawab. Jadi, kalau kita menggunakan teknologi maklumat atau teknologi yang ada dengan lebih baik dalam Dewan ini, maka kita boleh memperkemaskan perjalanan mesyuarat.

Saya juga merasakan bahawa Dewan Rakyat ini hendaklah menjadi badan contoh dari segi kegunaan teknologi maklumat ini. Kita adalah merupakan badan yang meluluskan undang-undang ini, kita hendaklah berada di hadapan dari segi kegunaan teknologi ini. Tetapi hari ini kita masih lagi terkebelakang dari segi kegunaan teknologi maklumat ini. Jadi, teknologi yang kita guna ini agak tua sedikit, macam lampu ini *[sambil memegang lampu]* yang baru diganti, tetapi lampu ini teknologi yang sudah lama. Saya juga biasa menegur tentang cara penjadualan kita hendak bangun bercakap ini, kita boleh menggunakan teknologi maklumat ini dengan memperkenalkan penjadualan bercakap yang lebih teratur untuk menjalankan mesyuarat kita.

Kita ada homepage, tetapi kita tidak ada kemampuan untuk meletakkan rang undang-undang dalam homepage. Jadi pihak DAP merasa seronok sebab dia letak satu

rang undang-undang dalam homepagenya, selepas itu Ketua Pembangkang mencanang ke sana, ke mari sebab dia membuat benda itu. Kita sepatutnyalah berkerjasama dengan Parlimen dan memperkukuhkan kegunaan teknologi maklumat di Parlimen ini sendiri supaya Parlimen ini menjadi contoh kepada seluruh negara, kepada rakyat umumnya pihak swasta mahupun jabatan-jabatan kerajaan, bahawa kita berkemampuan untuk menggunakan teknologi ini mempertingkatkan kecekapan untuk kita menjalankan tugas kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat apabila kita luluskan undang-undang ini, walaupun saya menimbulkan sedikit kemusykilan tentang beberapa perkara, tetapi pada asasnya saya sangat bersetuju tentang kita memperkenalkan rang undang-undang ini. Ada banyak juga negeri dalam Amerika Syarikat yang sudah pun ada rang undang-undang sedemikian rupa, ada beberapa negara di Eropah yang telah pun memperkenalkan rang undang-undang yang seperti ini, tetapi kita rasa bahawa di rantau Asia ini, bahawa kita adalah merupakan di antara negara yang pertama yang sebenarnya memperkenalkan rang undang-undang yang mengiktirafkan tandatangan dalam bentuk digital ini. Jadi, saya mempunyai harapan yang cukup tinggi dan saya cuma berharap semoga perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Multimedia Super Corridor ini diperjelaskan dengan lebih baik dan kita memahami apakah dia keperluan-keperluan yang sebenar, yang asas untuk kita boleh mendapat manfaat yang paling banyak daripada pelaksanaan keseluruhan konsep Multimedia Super Corridor ini. Saya bukan tidak setuju, tetapi hendak menimbulkan kesedaran, cuma saya hendak mengulangi bahawa saya berharap sangat supaya Multimedia Development Corporation ini rancak sedikit kegiatannya.

Ada terdapat banyak kilang di kawasan saya, baru-baru ini ada sebuah kilang yang mempunyai wang yang banyak, dia hendak beri duit kepada sebuah jabatan dalam

universiti dalam kawasan Parlimen saya untuk membeli komputer, tetapi dia tidak hendak terlibat dalam MSC ini, dia hendak memberi sebagai usaha untuk dia dapat nama. Dia tidak mahu terlibat dalam MSC, tetapi dia hendak beri supaya dia boleh beri dalam satu daripada application area itu, jadi dia pilih Sekolah Bistari. Jadi, mereka hendak takrif Sekolah Bistari yang sebenarnya sebelum mereka memberi peruntukan ataupun hadiah wang ini. Tetapi mereka mempunyai masalah untuk mendapatkan pihak yang boleh menjelaskan kepada mereka dengan secara detail, dengan terperinci, apakah yang dimaksudkan dengan Sekolah Bistari supaya mereka dapat memberi hadiah kepada jabatan dalam universiti yang tersebut yang sesuai dengan tuntutan pelaksanaan Sekolah Bistari.

Jadi, apabila saya berhadapan dengan perkara ini, saya merasa bahawa penjelasan tentang keseluruhan konsep Multimedia Super Corridor ini adalah masih lagi kurang jelas kepada banyak pihak. Setelah MDC pergi ke US, pergi ke Japan dan sebagainya, sekarang MDC kena concentrate ke dalam negara Malaysia ini bagi memastikan bahawa semua pihak dalam negara ini memahami perkara-perkara ini.

Selain daripada taklimat yang dibuat pada minggu lepas yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Bersama Ahli-ahli Parlimen ini, tidak ada kesempatan lain yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri oleh MDC untuk berinteraksi dengan mereka untuk memperjelaskan tentang konsep ini. Saya berharap di masa-masa akan datang mereka lebih rapat dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk memperjelaskan apa juga perundangan dan juga persekitaran yang berkaitan dengan perundangan yang mereka mahu kemukakan di dalam Dewan ini dan memerlukan sokongan kita untuk kita meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan yang tinggi yang sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**5.03 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong hendak bercakap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu bukan caranya, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Dia tidak ada di sini, boleh cakap jugakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tidak ada di sini, tidak bangun pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan bercampur-baur, gembira kerana dengan adanya undang-undang seperti ini, aktiviti-aktiviti MSC boleh bermula, dan bimbang disebabkan oleh kesusahan untuk menjaga keselamatan sistem tandatangan digital. Bolehkah sistem kripto yang tak simetri ini dipecahkan. Saya akan mengambil masa mungkin 15 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya ada orang-orang lain hendak mengambil bahagian, Tuan Yang di-Pertua. Berilah peluang sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat buat ramalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tengok tadi sama seperti undang-undang siber yang lain, Rang Undang-undang Tandatangan Digital berada dalam kaedah 'cuba-cuba'.

Malahan tandatangan digital adalah sangat rumit. Salah satu sistem matematik, krypto tak simetri, dengan pemakaian algoritma telah digunakan untuk mewujudkan tandatangan digital. Sistem digital komputer adalah diperlukan untuk merekakan kod ini. Ada yang mengatakan bahawa seseorang itu mungkin mengambil beribu-ribu tahun untuk memecahkan sistem ini. Di bidang kriptografi setelah sesuatu kod atau tulisan rahsia dipecahkan, ia adalah tidak berguna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan komunikasi dan transaksi elektronik, tandatangan digital hendaklah mempunyai pemerakuan dan ketidaktolakan, authentication and non-refudiation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tandatangan digital mengandungi satu pasangan kunci yang telah pun disebutkan berkali-kali, kunci persendirian dan kunci awam bagi membuktikan identiti pengarang yang menghantar sesuatu mesej secara elektronik serta memastikan mesej yang telah dihantar itu telah diubah atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat, Akta Tandatangan Digital telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1hb. Mei, 1995 di Utah State. Ada lima state yang lain. Kemudian ia dimasukkan lalu digubal, diluluskan dan dikuatkuasakan semula pada 29hb. April, 1996. Ini merupakan satu enakmen seumpama ini yang pertama di dunia. Memandangkan ia adalah susah hendak dikuatkuasakan, isi kandungannya dibatal, dipinda dan diluluskan semula dalam tempoh satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita belum tahu sama ada undang-undang digital di Utah ataupun undang-undang seperti ini di Malaysia yang kebanyakannya mengandungi isi kandungan yang sama berbanding dengan rang undang-undang yang sama di Utah. Apabila undang-undang ini dikuatkuasakan kelak, sama ada ini berkesan ataupun tidak, kita belum pasti. Pengawal pihak berkuasa pemerakuan merupakan salah satu pihak

berkuasa yang penting untuk mengawal pihak berkuasa pemerakuan berlesen. Setakat ini terdapat beberapa pihak berkuasa bukan rasmi di dunia seperti Verisign, RSA Data Security dan PGP Keyserver Network yang mengesahkan kunci-kunci dalam Internet. Pengawal boleh mendalami aktiviti-aktiviti badan-badan bukan rasmi ini untuk memahami operasinya lalu menyerapkannya apa yang berkesan untuk penguatkuasaan undang-undang ini di Malaysia.

Memperlihatkan adanya masalah kekurangan pengalaman dalam undang-undang ini di dunia, saya akan menekankan bahawa pendidikan dan Unit Kriptografi, terutamanya di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Kementerian Dalam Negeri (Polis) mestilah diadakan. Pendidikan adalah terpenting sekali bukan sahaja untuk pihak-pihak berkuasa, bahkan juga bagi orang awam yang hendak menggunakan tandatangan digital untuk urusan-urusannya, khasnya urusan-urusan perdagangan. Sudah tentu ada segelintir orang yang akan menyalahgunakan tandatangan digital yang akan menyebabkan kerugian yang besar, mungkin berjuta-juta atau berbilion-bilion ringgit akan hilang. Bagaimana kita dapat mengurangkan bakal penjenayah ini?

Saya hendak memetik seorang Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad, dalam sebuah novelnya bertajuk 'Sutan Baginda'. Beliau mengesahkan hal orang politik yang sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk kepentingan politik. Politik bagi Sutan Baginda sudah menjadi nafsu amarah yang hanya mengejar kekuasaan untuk mengisi perut. Akhirnya, Sutan Baginda mengalami sakit jiwa di hujung hidupnya. Menurut Shahnnon Ahmad, kalau dia rela senang sahaja, suruh dia ikut kelas Fardu Ain selama sebulan. Segala keangkuhannya lenyap, sedikit demi sedikit tok guru bersih nafsu amarahnya, nafsu lawamahnya, nafsu mulhimahnya. Bagi Shahnnon Ahmad, kelas Fardu Ain merupakan salah satu cara untuk mengatasi nafsu dan niat jahat. Bagi penganut-penganut agama

Budha, Hindu, Kristian dan Sikh mereka mempunyai amalan-amalan masing-masing. Dan terpenting sekali ialah nilai-nilai moral dan spiritual yang baik sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah disemaikan dalam kehidupan rakyat Malaysia untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia IT ini. Mudah-mudahan dengan nilai-nilai yang baik ini rakyat Malaysia tidak akan menyalahgunakan tandatangan digital. Adalah diharapkan bahawa orang-orang di luar Malaysia mempunyai nilai-nilai yang serupa.

Selain daripada pendidikan secara menyeluruh mengenai tandatangan digital, undang-undang siber dan nilai-nilai moral dan spiritual, saya mempercayai bahawa bagi pihak-pihak berkuasa, kepakaran dalam kriptografi dan pengawalannya adalah peri mustahaknya. Sekarang pihak berkuasa mempunyai keyakinan bahawa kod algoritma, sistem kriptografi tak simetri ini mustahil hendak dipecahkan. Tuan Yang di-Pertua, otak-otak manusia mewujudkan kod ini dan otak-otak manusia juga akan memecahkannya. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'it is made by man and it can and will be unmade by man.'

Tuan Yang di-Pertua, Profesor Derrick De Kerckhove dari Universiti Toronto, Kanada mengatakan, "masalahnya ialah orang ramai merendahkan otak-otak mereka secara menyeluruh. Ini berlaku kerana besar kemungkinan mereka membuat perbandingan yang salah dengan komputer-komputer atau dengan jenis komputer yang salah. Mereka berfikir bahawa otak-otak kita adalah tidak begitu pantas. Memang, ini adalah benar, sekurang-kurangnya jika dibandingkan dengan komputer-komputer digital. Tetapi otak-otak kita tidak perlu begitu pantas. Cukuplah baginya menjadi pintar, iaitu diwayar dan diadakan pertaliannya dengan sangat sempurna. Sebenarnya, keupayaan-keupayaan memproses maklumat semula jadi kita adalah jauh lebih besar daripada yang diakui...." Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "The problem is that people completely

under estimate their brains. That is probably because they make the wrong comparison with computers or with the wrong kind of computers. They think that our brains are not fast enough. And of course that is true, at least in comparison with digital computers. But, our brains do not need to be fast, it is enough that they be clever, that is, extremely well-wired and connected. In reality our natural information processing capacities are much larger than we acknowledge.....”

Tuan Yang di-Pertua, saya mempercayai bahawa otak-otak manusia dapat memecahkan kod kriptografi tak simetri ini tak lama lagi, bukan beribu-ribu tahun. Dalam sejarah kriptografi, usaha memecahkan kod-kod Jerman, Itali dan Jepun ketika Perang Dunia Kedua mencatatkan kejayaan yang cemerlang. Salah satu faktor yang mengakibatkan kekalahan Jerman, Itali dan Jepun ialah rahsia ketenteraan mereka telah terbongkar dengan lebih awal. Ini jelas menunjukkan kepintaran otak-otak manusia.

Saya akan petikkan, Tuan Yang di-Pertua, bukti-bukti yang menunjukkan kod sistem kriptografi tak simetri ini tak lama lagi boleh dipecahkan. Ultra bagi Pihak Berikat The Allies, merupakan sebuah organisasi memecahkan kod-kod dan tulisan-tulisan rahsia Jerman, Itali dan Jepun, the Axis, dari tahun-tahun 1940 hingga 1945. Ia adalah dibahagikan kepada dua seksyen. Seksyen 1 menghadapi semboyan, signal dari mesin-mesin tulisan rahsia cipher, Enigma dan Geheimschreiber, Jerman. Seksyen 2 menangani kod-kod dari tentera Jepun. Pada masa itu Jepun mungkin mempunyai lebih daripada 50 jenis kod dan tulisan rahsia, sedangkan Jerman memperolehi kira-kira 200 jenis dari Enigma dan Geheimschreiber. Jerman Nazi mempercayai bahawa sistem enigma tidak boleh dipecahkan sepertimana yang dipercayai oleh pihak kerajaan sekarang. Angkatan Tentera Jerman, Wehrmacht dan Tentera Udaranya Luftwaffe, tidak mengesyaki sistem perisikan mereka boleh dicerobohi. Ultra yang merupakan klasifikasi keselamatan British

telah memecahkan kira-kira 100,000 mesej dan setengah juta kod yang kecil Jerman dalam tempoh perang tersebut.

Pada lewat tahun-tahun 20-an, mesin enigma telah direka untuk tujuan perniagaan. Angkatan tentera Jerman membeli hak-haknya ke atas mesin itu untuk tujuan-tujuan ketenteraan. Tetapi segelintir orang Jerman, Perancis dan Poland yang menentang Nazi telah mula mengenal sistem enigma. Seorang Poland membuat mesin yang agak serupa dengan enigma yang dikenali dan dikemukakan kepada para kriptografer British. Para kriptografer ini ialah ahli-ahli matematik universiti yang merupakan tulang belakang sistem perisik Ultra. Sistem enigma telah dipecahkan tanpa pengetahuan Jerman. Sementara itu, British menggunakan sistem Typex yang tidak dicerobohi.

Tuan Yang di-Pertua, kerahsiaan Ultra dan ahli-ahlinya dari pelbagai negara tidak dibongkarkan sehingga 30 tahun selepas Perang Dunia II. Para kriptografer mencerobohi sebahagian besar daripada kira-kira 200 kunci Enigma. Kita hanya mempunyai satu atau dua jenis kunci, public key dan private key sahaja, bukan 200 kunci. Dari 21hb. Mei 1940 hingga tahun 1945, mereka bertungkus lumus untuk memecahkan kunci-kunci Enigma. Daripada golongan perisikan yang besar ini, fungsi-fungsi decryption, pemecahan kod, terjemahan dan perkhidmatan perisikan telah diasingkan untuk meningkatkan kualiti perisikan bagi penggunaan operasi. Para kriptografer memperolehi kemahiran untuk memecahkan kunci-kunci Enigma dengan perlahan-lahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

***mempengerusikan Mesyuarat]***

Maklumat-maklumat daripada Ultra telah membolehkan British memenangi perang laut dan memusnahkan U-boat-U-boat kapal-kapal selam Jerman yang

mengancam pelayaran kapal-kapal di lautan. Banyak pertempuran telah dimenangi oleh pihak Berikat.

Tuan Yang di-Pertua, di perang Pasifik, pihak Berikat menggunakan maklumat dari Ultra seksyen 2 dan Magic, perisikan Amerika. Perkongsian kedua-dua perisikan khas ini telah memainkan peranan yang penting. Ketika pihak Berikat lemah, Jepun telah menyerang Pearl Harbour di Hawaii. Kunci-kunci kod Jepun susah hendak dicerobohi. Selepas Pearl Harbour, kod Jepun JN-25 telah ditembusi dengan perlahan-lahan. Kod ini telah bermula sejak tahun 1939.

Tuan Yang di-Pertua, kod-kod yang ada mungkin tidak secanggih yang digunakan oleh tandatangan digital sekarang tetapi saya percaya kod-kod yang digunakan oleh pihak Jepun, pihak Jerman memang canggih juga. Kod-kod tentera darat Jepun, kod-kod pengangkutan air tentera laut Jepun, Japanese Navy's Water Transport Codes dan kod atache tentera Jepun yang telah dipecahkan memberi perisikan yang bernilai kepada tentera Amerika.

Perang laut Midway telah dimenangi oleh Amerika kerana kunci-kunci kod Jepun JN-25, telah dipecahkan oleh Ultra dan Magic. Persiapan Jepun untuk pertempuran laut ini telah diketahui terlebih dahulu. Empat kapal induk pesawat udara, aircraft carriers Jepun tenggelam. Percubaan Jepun untuk mencerobohi Australia telah diberhentikan. Maka Jepun menghadapi kekalahan. Ada yang berpendapat bahawa pendedahan Ultra mengenai tentera Jepun di tanah airnya telah bertambah banyak dan ketekadan tentera Jepun untuk menentang tentera pihak Berikat menjadi satu faktor yang menyebabkan Amerika menggunakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki.

Tuan Yang di-Pertua, Admiral Yamamoto Isoroku (1884-1943), seorang pegawai tentera laut Jepun yang bertanggungjawab untuk serangan Pearl Harbour pada 7hb.

Disember 1941, telah dibunuh pada 18hb. April 1943. Ultra telah menembusi kod tentera Jepun dan mengetahui jadual perjalanannya. Pesawat pejuang yang dinaiki Yamamoto telah ditembak jatuh oleh pesawat-pesawat Amerika di Bougainville.

Tuan Yang di-Pertua, unit kriptografi mestilah ditubuhkan di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan kerjasama unit-unit kriptografi di Angkatan Tentera dan Pasukan Polis. Asalkan rahsia tentera dan polis tidak terdedah, kerjasama ini boleh dijayakan untuk mengawalseliakan sistem tandatangan digital. Memandangkan penggunaan sistem kriptografi tak simetri ini adalah sangat luas dan melibatkan pengguna-pengguna luar wilayah, pengawalseliaan ini memang amat susah. Unit kriptografi mestilah mengetahui dengan cepat ketika sistem ini dipecahkan. Ini bermakna pakar-pakar kriptografi hendaklah dilatih untuk unit tersebut.

Rang undang-undang ini mempunyai banyak seksyen untuk mengendalikan tandatangan digital daripada seksyen 8 yang membolehkan pengawal melesenkan pihak berkuasa pemerakuan hingga seksyen 70 yang mengatakan pengawal boleh memberi pengiktirafan perkhidmatan penanda tarik atau masa. Semua ini merupakan selok belok untuk menyelenggarakan sistem tandatangan digital dengan baik. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong akan menumpu perhatian kepada beberapa perkara undang-undang untuk memelihara hak-hak para pengguna.

Keadilan dan keselamatan transaksi melalui tandatangan digital memerlukan kerahsiaan, pemerakuan dan ketidaktolakan. Selain daripada penjagaan keselamatan sistem tandatangan digital, penyelarasan dan kerjasama di antara pihak berkuasa pemerakuan dan Bank Negara, institusi-institusi kewangan dan pasar-pasar raya haruslah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempunyai mesej atau perutusan untuk disampaikan, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan menggulung sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) tubuhkan unit kriptografi untuk mengawalseliakan semua aktiviti ‘incryption’ dan ‘decryption’ sebagai salah satu langkah untuk menjaga keselamatan tandatangan digital dan seterusnya membantu menjayakan Koridor Raya Multimedia;
- (ii) kerjasama dengan unit kriptografi, Kementerian Pertahanan dan unit kriptografi Polis mungkin boleh diadakan tanpa menjejaskan kerahsiaan tentera atau kerahsiaan Polis;
- (iii) sistem pendidikan mestilah mempunyai nilai-nilai moral dan spiritual yang mesti disemaikan di kalangan rakyat Malaysia; dan
- (iv) kita perlu mengadakan treaty atau perjanjian antarabangsa supaya undang-undang tandatangan digital serta semua undang-undang siber dapat dikuatkuasakan dengan berkesan di luar wilayah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap Yang Berhormat, ada Usul. Sila!

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri**

**bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.00 malam.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.00 malam.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.00 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TANDATANGAN DIGITAL 1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Silakan Tanjong.

**5.23 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa memperkenalkan rang undang-undang siber Rabu lepas, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menghuraikannya sebagai satu undang-undang yang membolehkan perdagangan dilakukan atau a “Commerce Enabling Law’ demi membantu dan mempercepatkan, melicinkan perdagangan serta transaksi elektronik.

Sama seperti rang undang-undang siber pertama yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini Rabu yang lepas iaitu Rang Undang-undang Jenayah Komputer, Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini menampakkan empat kelemahan dasar:

- (i) ia didraf tanpa melalui proses perundingan serta input awam;
- (ii) perspektif pengguna atau consumer and user tidak dipentingkan;
- (iii) keengganan Kamar Peguam Negara untuk bersetuju menerima sebarang pindaan ke atas rang undang-undang ini di Parlimen dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa, sikapnya ini bagaikan Kamar berkenaan adalah pihak paling berupaya atau ‘omissions’ dan langsung tidak boleh dikalahkan dalam segi pendrafan perundangan;
- (iv) keadaan di Parlimen Malaysia yang menyedihkan di mana melainkan dalam keadaan yang sungguh jarang berlaku, rare occasions dan sehinggakan sekarang saya tidak dapat memberi satu contoh yang ada rare occasion semacam itu, menteri seringnya bertukar peranan menjadi kakitangan kepada Kamar Peguam Negara semasa membentangkan rang undang-undang untuk dibahas di Parlimen di mana tidak ramai menteri yang berpengetahuan dalam tajuk berkaitan atau memahami rang undang-undang berkaitan ataupun memiliki kekuatan politik atau political muscles yang dapat

benar-benar menjadi political masters kepada Kamar Peguam Negara.

Di dalam demokrasi berparlimen, para menteri mestilah menjadi policy masters sementara Kamar Peguam Negara dan para civil service memegang kepada peranan mereka sebagai pelaksana dasar atau 'executors of policy' termasuklah pendrafan undang-undang baru, tetapi perhubungan seperti ini telah terbalik di Malaysia di mana para menteri menyerahkan kuasa mereka sebagai ketua dasar dan bertukar menjadi kakitangan Kamar Peguam Negara serta sektor perkhidmatan awam merampas hak Parlimen dalam memainkan peranan perlembagaannya sebagai tahap mutakhir dan paling penting dalam proses perundangan di mana pindaan demi memperbaiki rang undang-undang ini seharusnya merupakan perkara yang biasa. Sebaliknya peranan Parlimen dalam penggubalan undang-undang telah menurun menjadi satu 'rubber stamp'. Ada pindaan Committee stage tidak boleh, nanti, satu affront kepada omissions Peguam Negara.

Di manakah tajuk, di manakah kedudukan Ahli Parlimen? Bukan budak-budak - policy makers, tetapi kita tidak berlagak sebagai policy makers, kita berlagak sebagai budak-budak Kamar Peguam Negara.

Kecuaian-kecuaian dasar sosial dan perundangan yang nyata yang berlaku dalam Rang Undang-undang Tandatangani Digital adalah lebih ketara lagi dari kecuaian yang terdapat dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer dan menunjukkan kelemahan besar serta bahayanya kita menjelajah ke kawasan yang baru dengan minda yang tertutup, sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan sekarang, mendraf undang-undang yang berkaitan dengan teknologi baru dengan cyberspace, dengan mindsets serta konsep perundangan yang lama.

Saya akan menyentuh kecuaiannya-kecuaiannya dasar, sosial dan perundangan nyata yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Tandatangani Digital di dalam ucapan saya nanti. Tetapi sebelum itu, saya ingin mengutarakan rasa terkejut saya terhadap cara kerajaan, khususnya Kamar Peguam Negara, dalam kerja pendrafan undang-undang siber untuk negara dan dunia, berlagak seperti mereka adalah satu-satunya kuasa yang paling berwibawa dalam soal authority, dalam soal undang-undang siber di Malaysia.

Biarlah kita merendahkan diri dan mengakui bahawa tiada seorang pun di Malaysia sama ada dalam Kamar Peguam Negara ataupun lain-lain tempat di negara ini, malah di mana-mana negara di dunia ini pun, yang dapat menganggap dirinya sebagai pakar ataupun authority dalam soal undang-undang siber memandangkan kebaruan tajuk ini serta perubahan yang begitu pantas sekali dalam dunia IT setiap hari.

Ini menyebabkan penyertaan dan perundangan awam yang menyeluruh demi mengumpul pengetahuan dan pengalaman semua rakyat Malaysia yang memiliki kepakaran ataupun minat khas dalam bidang IT lebih penting lagi, sekiranya Malaysia ingin memiliki undang-undang siber yang paling baik di dunia.

Rang Undang-undang Tandatangani Digital sama seperti Rang undang-undang Jenayah Komputer, merupakan satu daripada beberapa undang-undang siber yang diwujudkan untuk menarik minat syarikat-syarikat IT dan multimedia supaya menjayakan projek MSC kita dan supaya membolehkan Malaysia melompat kuantum dari ekonomi berasaskan industri second wave menjadi ekonomi berasaskan maklumat third wave.

Dalam Bill of Guarantees yang menunjukkan bahawa MSC adalah, dengan izin, a gift from the Malaysian Government kepada dunia dan khususnya kepada syarikat-syarikat

IT/multimedia antarabangsa, kerajaan telah berjanji bahawa MSC akan menjadi, dengan izin, a regional leader in intellectual property protection and cyberlaws.

Bagaimanakah caranya pula kerajaan melakukan kerja mendrafkan undang-undang siber pertama di dunia MSC ini? Dalam kes Rang Undang-undang Jenayah Komputer, kita kenakan hukuman yang paling berat di dunia ke atas mereka yang melakukan jenayah komputer, mengenakan hukuman 12 kali lebih tinggi dari hukuman di Britain ke atas kesalahan yang sama iaitu kesalahan akses kepada komputer material tanpa kuasa. Hukuman ini adalah dua setengah kali lebih tinggi dari hukuman di Singapura ke atas kesalahan yang sama dan kita juga menjadi negara pertama yang membuat statutory presumption di mana seseorang yang menjaga ataupun mengawal sebarang atur cara, data ataupun mana-mana maklumat lain yang beliau tidak berkuasa untuk memilikinya akan dianggap sebagai mendapat akses tanpa kuasa selagi beliau tidak dapat membuktikan sebaliknya - satu presumption yang menjenayahkan majoriti pengguna komputer di negara ini.

Selepas membaca Rang Undang-undang Tandatanganan Digital ini, saya mendapat satu tanggapan bahawa rujukan (term of reference) yang diberikan kepada pendraf undang-undang siber ini bukannya menerusi pembelajaran dari negara-negara lain demi menghasilkan satu undang-undang siber yang paling baik di dunia, tetapi hanya untuk menghasilkan satu undang-undang siber yang dapat menarik hati para syarikat IT/multimedia antarabangsa bahawa MSC serta undang-undang siber ini memang satu hadiah khas untuk mereka tetapi bukannya kepada rakyat Malaysia sendiri.

Saya bersungguh-sungguh mengharapkan pembentukan satu Jawatankuasa Undang-undang Siber Parlimen di mana semua rang undang-undang siber akan dihantar untuk disemak sebelum dikemukakan di Parlimen bagi perbahasan umum demi

mengelakkan berlakunya kecuaiian-kecuaiian dasar, sosial dan perundangan ketara sebagaimana yang berlaku di dalam Rang Undang-undang Tandatangani Digital ini.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa semasa saya mengkritik Rang Undang-undang Tandatangani Digital ini, samalah seperti mana saya mengkritik Rang Undang-undang Jenayah Komputer dulu, saya bukannya membantah rang undang-undang siber tetapi hanya mengharapkan negara kita memang dapat menghasilkan undang-undang siber yang paling baik di dunia - bukannya undang-undang yang paling baik bagi syarikat-syarikat IT/multimedia antarabangsa sahaja tetapi lebih penting lagi undang-undang siber yang paling baik untuk rakyat Malaysia dan generasi yang akan datang. Isu tandatangan digital adalah penting untuk Malaysia sekiranya kita ingin menjadi sebuah masyarakat maklumat.

Pada masa penggunaan Internet yang meluas serta kadar yang begitu dramatik ini, banyak usaha telah dilakukan untuk menjadikan rangkaian sedunia ini sebagai medium perdagangan dan perniagaan berpotensi. Salah satu kajian telah meramalkan bahawa dalam tahun 1995, pengguna telah membelanjakan US\$2.2 bilion membeli barangan dan perkhidmatan melalui Internet.

Tambahan lagi, Jabatan Perdagangan US juga meramalkan bahawa transaksi online akan berjumlah sebanyak US\$600 bilion dalam tahun 2000 dan dalam bulan Januari 1997, para peserta utama dalam bidang perdagangan dan pembayaran, termasuk visa, mastercard, Pacific Bell, Ameritech, Microsoft dan IBM antara lainnya, telah masing-masing mengutarakan hasrat untuk membekalkan perkhidmatan yang direka dan dimajukan khas dalam bentuk pelaksanaan perdagangan elektronik.

Sebenarnya keseluruhan erti makna perdagangan elektronik (electronic commerce) pun salah namanya, satu mis-nombor kerana perkara ini sebenarnya tidak melibatkan

banyak elektronik, kalau ada pun sedikit sahaja unsur-unsur elektronik. Apa yang diperkata-katakan selama ini sebenarnya adalah perdagangan digital (digital commerce). Perdagangan elektronik ataupun oleh kerana biasa digunakan perdagangan elektronik ataupun digital ini adalah perubahan dari transaksi dan proses berdasarkan kertas kepada proses berdasarkan digital di mana kata-kata tercetak di atas kertas telah digantikan dengan kod-kod binari satu dan zero. Untuk membolehkan Internet bertukar peranannya menjadi medium perdagangan yang sesuai, kita perlukan cara-cara untuk memastikan supaya pengirim dan penerima satu dan zero ini dikenali ke satu tahap yang boleh dipercayai dan sesetengah pihak yang berniat jahat tidak dapat dengan mudahnya mengubah jalinan-jalinan satu dan zero ini dalam perjalanan mereka dari pihak pengirim ke pihak penerima.

Sementara perdagangan runcit (retail) sebagai contohnya, penjualan wine ataupun ros menerusi Internet semestinya akan menjadi sebahagian dari perdagangan digital masa depan, mereka ini hanyalah merupakan bahagian yang kecil sahaja. Wujudnya lingkungan luas perkhidmatan (perkhidmatan perundangan, kewangan dan perakaunan, perkhidmatan kesihatan) yang dapat dibekalkan menerusi cara yang lebih berkesan melalui bantuan rangkaian terbuka. Wujud juga soal yang penting mengenai komunikasi di antara negara dan warganya.

Sungguhpun perdagangan elektronik runcit kini boleh dan hingga satu tahap akan boleh di masa depan berkembang di atas rangkaian terbuka (open network) seperti Internet kerana mereka wujud pada hari ini tanpa memerlukan teknologi yang meluas atau mendalam dalam usaha membekalkan perkhidmatan pengesahan, keselamatan dan integriti pemesanan bertaraf tinggi tetapi ini hanya berkesan ke atas trafik perdagangan

berlingkungan sempit yang diwakili oleh transaksi runcit khasnya majoriti pembeli-pembeli kad kredit.

Sekiranya perdagangan elektronik ingin berkembang di atas Internet, maka adalah perlu untuk menangani keprihatinan yang dibangkitkan oleh penggunaan rangkaian terbuka dalam soal memenuhi keperluan trafik perdagangan yang lebih luas lingkungannya.

Wujudnya jumlah besar maklumat yang direkod, disimpan dan disalurkan di dalam industri penjagaan kesihatan. Maklumat berkenaan dicipta dan digunakan oleh penyerta yang pelbagai jenis termasuk profesional perubatan (dokter, kakitangan jururawat dan para medical), hospital, klinik, syarikat-syarikat insurans, agensi-agensi persekutuan, daerah, tempatan dan negeri. Perkara yang sama juga wujud dalam industri-industri kewangan dan perakaunan serta profesion perundangan.

Pengumpulan maklumat yang sebegini membentuk komponen besar perhubungan perniagaan dan membentuk lingkungan yang lebih luas dalam perdagangan elektronik. Jenis-jenis maklumat yang pelbagai ini memerlukan penjagaan yang bertaraf lebih tinggi.

Dalam perdagangan runcit, apa yang penting adalah kesemua transaksi berjalan dengan lancar dan memuaskan sungguhpun berlaku juga masalah sekali-sakala tetapi trafik dalam lingkungan yang lebih luas pula mempunyai nilai intrinsik yang lebih berkaitan dengan soal sulit (confidential). Maklumat-maklumat perubatan, kewangan dan perundangan harus dilindungi dari terjatuh ke dalam tangan pihak yang tidak berhak memilikinya. Keadaan semula jadi Internet serta lain-lain rangkaian terbuka biasanya tidak sesuai untuk membawa pengairan kandungan sebegini. Malah, menurut pendapat-pendapat mereka yang berada dalam dunia perundangan, mengikut keadaan Internet kini yang kekurangan ciri-ciri membekalkan penjaminan kerahsiaan, integriti dan pengesahan

yang sebaiknya, maka ia bukannya medium penghantaran maklumat-maklumat penting yang sesuai.

Sepuluh isu penting telah dikenal pasti sebagai akan membawa impact penting ke atas evolusi perdagangan elektronik sama ada ia dapat menangani persoalan-persoalan yang nyata dari pihak korporat, kerajaan serta individu serta sama ada perdagangan elektronik dapat dilaksanakan dengan menjaga kepentingan yang pelbagai bagi pihak pengguna dan peniaga. Soal tandatangan digital wujud dalam dua dari sepuluh isu penting dalam perdagangan elektronik tahun 1997 yang dihuraikan sebagai akan menjadi tahun penting dalam pemajuan electronic commerce. Sepuluh isu penting berkenaan adalah:

- (i) Privasi - bagaimanakah kerahsiaan maklumat misalnya, nombor-nombor kad kredit, kredensial dan sebagainya dapat dilindungi dalam proses transaksi elektronik? Apakah isu-isu perundangan termasuk persoalan incryption yang akan memberi pengaruh ke atas keselamatan dan kerahsiaan data? Adakah tandatangan digital dan kunci awam dapat membekalkan perlindungan privasi yang memadai?
- (ii) Sekatan Perdagangan Antarabangsa - bagaimanakah Internet yang langsung tidak terkawal ini akan memberi kesan ke atas perdagangan yang dikawal ketat khususnya dalam isu transaksi elektronik? Adakah kerajaan akan mengenakan sekatan perdagangan ke atas electronic commerce antarabangsa? Haruskah perdagangan elektronik dikenakan sekatan-sekatan dagangan sebagaimana yang berlaku dalam perdagangan tradisional? Adakah wujudnya pengawalan antarabangsa yang berusaha

untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu perdagangan elektronik antara sempadan?

- (iii) Kontrak - ke tahap apakah undang-undang komersial dan kontrak masa kini dapat digunakan ke atas kontrak-kontrak berasaskan elektronik bagi urusan transaksi? Adakah tandatangan digital berkuasa undang-undang di dalam kontrak sebegini?
- (iv) Pembayaran - apakah cara-cara terkemuka bagi penyelesaian transaksi di atas Internet? Apakah isu-isu liabiliti yang menyelubungi pembayaran tunai elektronik serta kad kredit yang selamat?
- (v) Liabiliti - adakah pembekal perkhidmatan Internet (ISP) perlu bertanggungjawab ke atas isu harta intelektual, isi kandungan dan keselamatan berkaitan dengan perdagangan elektronik yang berlaku di atas rangkaian mereka? Siapa yang akan bertanggungjawab ke atas kegagalan prosedur-prosedur inscription ataupun pengesahan?
- (vi) Pencukaian - bagaimanakah cukai-cukai penjualan, tarif dan duti import akan dinilai di atas transaksi-transaksi yang berasaskan elektronik?
- (vii) Penipuan dan hak-hak pengguna - bagaimana menyelesaikan masalah perselisihan mengenai penipuan di atas transaksi on-line dan memberikan perlindungan secukupnya kepada pengguna dari penipuan dalam transaksi perdagangan elektronik?
- (viii) Harta intelektual - adakah wujudnya perlindungan yang secukupnya kepada harta intelektual yang dihantar menerusi Internet serta perdagangan elektronik?

- (ix) Standard dan operasi setara - apakah usaha kerajaan masa kini untuk menstandardkan cara perdagangan elektronik dijalankan? Adakah usaha-usaha sedemikian membantu ataupun berkonflik dengan usaha-usaha swasta dan korporat? Apakah isu-isu penting dalam soal operasi setara antara sempadan?
- (x) Keadilan dan kecapaian - adakah perdagangan elektronik merupakan pilihan kepada mereka yang boleh menanggung komputer-komputer yang mahal dan dengan ini menyebabkan mereka yang tidak berkeupayaan dalam segi ekonomi tidak berpeluang untuk menggunakan pilihan baru ini, sesuatu keadaan yang tidak wujud dalam perdagangan runcit yang berasaskan telefon masa kini? Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Digital Signature Act) menggunakan model di Utah sebagai satu model. Utah ialah satu negeri di United States iaitu tempat yang pertama di dunia untuk mengadakan Digital Signature Act yang ditandatangani menjadi undang-undang pada 9hb. Mac, 1995 dan tentulah keuntungan yang diberikan oleh satu "public key infrastructure (PKI) dengan izin, yang dilaksanakan oleh Digital Signature Act Utah banyak, khasnya satu public key infrastructure (PKI) yang berjalan dan berfungsi dengan baik akan memberi kepercayaan kepada individu-individu, peniaga-peniaga dan kerajaan untuk melakukan urusan sama ada personal, kewangan atau undang-undang melalui open network semacam Internet.

Selain daripada Malaysia yang mengikuti contoh Utah ada sedozen negeri-negeri di United States sudah ada menggunakan dan menerima Digital Signature Act, dengan izin, sebagai putative model act. Tetapi sangat jelas bahawa sungguhpun The Utah Digital Signature Act ialah satu putative model act ia ada banyak masalah dan

menimbulkan banyak soalan. Dalam dua tahun ini oleh kerana kali yang pertama Digital Signature Act Utah adalah came into force iaitu pada Mac 1995 ada terdapat banyak tulisan sarjana scholarly work yang menyoalkan beberapa aspek yang pokok mengenai dasar di belakang Utah Digital Signature Act. Kritik yang terbesar terhadap Utah Digital Signature Act ialah mengenai masalah liability allocation yang dianggap tidak sesuai oleh kerana mengenakan dengan izin, potentially unlimited risk on users of digital signatures dan ignoring, ignoring and important policy of consumer protection. Ini Utah Digital Signature Act ada dikritik oleh kerana mengabaikan satu prinsip utama ialah untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna dan Utah Digital Signature Act pun ada dikritik oleh kerana, dengan izin 'for limiting the liability or certification of authorities as undermining the economic integrity of the public key infrastructure (PKI) implemented by the act.

Penggubal-penggubal rang undang-undang ini di hadapan Dewan yang mulia ini perlu memberikan penjelasan kenapa sungguhpun ada begitu banyak reservation mengenai Utah Digital Signature Act, di mana pengguna-pengguna yang menyertai dalam infrastruktur ini di bawah Utah Digital Signature Act menghadapi satu risiko mengenai liabiliti yang lebih besar apabila dibanding dengan situasi keadaan-keadaan seperti ini di tempat-tempat yang lain dan menghadapi, dengan izin, to face greater and evidentiary burden in resolving disputes that arise under the act.

Kita perlulah faham dan apabila kita mengabaikan perlindungan pengguna sebagai satu perkiraan utama public policy, penggubal-penggubal rang undang-undang kita sudah menjejaskan matlamat yang ada diisytiharkan oleh kerajaan ialah untuk memupuk dan melicinkan perkembangan satu public key infrastructure. Oleh kerana akhirnya kalau kepentingan pengguna-pengguna tidak dilindungi, pengguna-pengguna tidak akan

mengguna sistem ini yang mengenakan dengan izin, potentially unlimited liability kepada pengguna-pengguna. Mereka tidak menggunakan dan sistem yang kita akan luluskan akan gagal apabila tidak diterima oleh pengguna-pengguna oleh kerana mereka menghadapi satu risiko virtually unlimited liability.

Di bawah Digital Signature Act pengguna-pengguna (subscribers), Digital Signature Act adalah satu standard, of reasonable care in preventing disclosure of their private encryption key, dengan izin, tetapi tidak jelas apakah ini 'standard of reasonable care'? Tidak jelas, unsur-unsur standard of reasonable care apabila dibandingkan dengan standard atau tanggungjawab certification authority, kita boleh baca dalam Rang Undang-undang sangat detail - sangat detail, tetapi mengenai 'standard of reasonable care' untuk pengguna-pengguna, dengan izin, virtually silent when it comes to determining what constitutes reasonable care on the part of subscribers in safeguarding their private keys. Ini bererti bahawa kita perlu tunggu mahkamah untuk meletakkan satu 'standard of reasonable care' yang tentu akan membelanjakan wang yang banyak. Pengguna-pengguna yang biasa bolehkah mereka memikul beban ini?

Apabila kita menggunakan digital signature pengguna-pengguna biasa guna bukan corporates sahaja dan kalau mereka perlu pergi ke mahkamah untuk menjelaskan sama ada mereka bertanggungjawab atau tidak bertanggungjawab, sama ada mereka ada mematuhi kepada 'standard of reasonable care' akhirnya mereka mungkin menghadapi kerugian yang lebih besar daripada pembayaran peguam-peguam. Sebab itu mahkamah akan menghadapi masalah sungguhpun in the long run mungkinlah satu 'standard of reasonable care' selain daripada banyak dispute, banyak judgement diadakan mungkin akan settle down, tetapi untuk sementara kekurangan satu standard yang jelas ini dan akan mengakibatkan keputusan-keputusan yang inconsistent oleh mahkamah-mahkamah -

inconsistent. Oleh kerana teknologi yang baru, masalah teknologi yang baru, yang berubah bila-bila dan inilah tentu akan memberi satu beban yang berat kepada mahkamah khasnya kepada pengguna-pengguna yang tidak mampu mendapat kebolehan kewangan yang lain-lain untuk mendapat keadilan dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu ilustrasi, sebenarnya saya tidak tahulah, sepatutnya penggubal undang-undang tahu ini sudah didebat dengan hebat dalam dunia mengenai Digital Signature Act, pro and cons, merit and demerit, sama ada menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan inilah daripada satu scholarly article yang ada membuat analisa mengenai Digital Signature Act Utah dan kita tengok Utah oleh kerana ini menjadi contoh kita dengan izin, to illustrate the difficulties that the allocations of liability and evidentiary burdens under the Utah Act pose for subscribers who utilize digital signatures under the act, consider the hypothetical example, adapted from an example provided by the drafters of the Utah Act, mereka pun ada berbincang - drafters of Utah Act. Sebenarnya Utah Signature Act ialah result perundingan di antara Kerajaan Utah dengan American Bar - di sini tidak ada. Di sini Peguam Negara sahaja, tidak pun berbincang dengan orang ramai bagaimana undang-undang ini bila berjalan masalah yang akan dihadapi tengok satu hypothetical example:

*Cedric, a licenced certification authority, duly issues a certificate to Susan, who accepts it. Cedric publishes the certificate in a recognized repository. Susan's private key, which corresponds to the public key in the certificate, is kept on a floppy disk. Irving, a malicious computer hacker, releases a computer virus on the Internet that finds its way onto Susan's computer. Subsequently when Susan uses her private key, the virus program surrepticiously sends a copy of Susan's private key to Irving. Irving*

*immediately uses the private key to cash \$10,000 electronic check drawn upon Susan's account payable to a numbered, anonymous account in a state having rigorous bank secrecy laws. Irving disappears and cannot be found. As soon as Susan learns of the fraud she revokes her certificate.*

According to Utah Act dan mengikut apa yang kita mahu luluskan, under the act Susan will be liable for the loss caused by the forgery if she failed to exercise reasonable care in safeguarding her private key. The act provides no guidance as to whether the failure to protect one's computer from a virus constitutes a breach of the duty of reasonable care. Virus comes in, virus attack, duplicate the private key and sent out to the maker of the virus. Siapa yang bertanggungjawab? Susan - Susan must obtain the services untuk lawan, apa Susan mahu buat, obtain the services of an Attorney well-versed in computer technology and go to court. Susan must overcome the presumption that the electronic check signed with her digital signature is valid and binding upon her. The electronic check will have the status of an acknowledge document, so clear and convincing evidence is required to challenge its validity. Susan must show that in fact she did not affix the digital signature in question. Furthermore, she must show that she did not breach her duty of care in allowing Irving, the criminal, to obtain her private key. If Susan is unsuccessful after this time - consuming an expensive process, then Susan will bear \$10,000 loss and lawyer's fee may be \$50,000. Lawyer's fee mungkin \$50,000.

Sebab itulah allocation liability and evidentiary burden imposed by the Utah Act put user of digital signatures who are victimise by fraud in a position that is disadvantageous compared to several analogous situation. Consumers who participate in the infrastructure developed under the Utah Act subject themselves to a far greater risk of liability than they face in other electronic transaction such as credit card or debit card

transactions. Kenapa kita ikut Utah? Adakah kita bincang, adakah orang ramai perlu bincang? Kenapa ikut Utah, dan tidak fikir mengenai option yang lain.

Sebagai contohnya, the liability allocations and evidentiary burden of the Utah Act contradict the spirit, and in certain circumstances (such as the example of Susan and Irving, supra) the letter, of consumer-protection statutes, such as the Electronic Fund Transfer Act as EFTA in United States and the Truth-in-lending Act. Moreover, a defrauded consumer challenging the practice of a certification authority in court faces more difficult evidentiary burden than a defrauded consumer challenging the practice of notary. The liability allocations and burden of proof imposed by Utah Act most closely resemble the law relating to telecommunication “toll fraud” which itself has been highly controversial.

Sebab itulah kita perlu kaji good and bad of Utah Digital Act sebelum kita luluskan Utah Two. Dalam ucapan saya, saya akan berkata, Utah Two lebih teruk daripada Utah One. Ini kita perlu kaji. Di sini saya teruskan, ‘certain transactions utilizing digital signatures will likely be governed by the liability rules of the Electronic Fund Transfer Act. Consumers’ right in this class of transaction contrast sharply with the right that the Utah Act provides to consumers. To illustrate the potential applicability of the EFTA to transactions utilizing digital signatures, reconsider the hypothetical involving Susan and Irving.

According to the analysis provided by the drafters of the Utah Act, Susan were likely be liable for the loss caused by the forgery if she fails to exercise reasonable care in safeguarding her private key. While this may be true as far as the Utah Act goes, this analysis fail to consider the applicability of the Electronic Fund Transfer Act, which under this scenario, would like preempt the Utah Act and limit Susan’s liability to \$50.00

and impose the bulk of the loss upon the financial institution, as well as shift the burden of proof in any dispute away from Susan and onto financial institution.

Nampaknya, dalam United States untuk kredit kad, kalau ada fraud adalah maksimum di mana pengguna perlu tanggungjawab, \$50.00 sahaja. Shift ada cap. Di sini tidak adalah. Tidak ada tidak mengapalah, sekarang kita mahu lagi ikut Utah Act, di mana kita beri perlindungan kepada pengguna-pengguna dalam sistem tandatangan digital. Inilah kita perlu dapat penjelasan. Kita kata kita tidak mahu ikut contoh-contoh yang tidak begitu baik, tetapi di sini satu contoh tanpa kajian yang halus, yang dalam, kita mahu ikut. Dengan izin, 'the liability allocation and evidentiary burdens imposed by the Utah Act perhaps most closely resemble the law concerning telecommunications toll fraud. Di sini pun ada, toll fraud entails a third party criminal hacker gaining remote access to a private branch telephone exchange, and placing unauthorized long distance calls they are billed to the owner of the system. The magnitude of the resulting fraud can be enormous.

Ini selalu berlaku. Ada bill telefon datang RM800.00, RM2,000, RM4,000 sungguh pun tidak pernah buat panggilan-panggilan itu. Siapa bertanggungjawab? Mengikut Telecommunication, seorang telephone subscriber bertanggungjawab. Itulah sistem liability selain daripada telecommunication company, Telecom hendaklah merciful. Mengikut undang-undang, liability ialah pengguna, dan dengan izin, 'ever case of this system of liability' bahawa pengguna bertanggungjawab. Argue that the customer is the party with the ability to prevent fraud from occurring, semacam sekarang ini. Digital signature, subscriber bertanggungjawab oleh kerana he must keep private key, barulah pengguna ada private key boleh mengelakkan fraud berlaku, kalau ada apa-apa fraud berlaku dia bertanggungjawab.

Every case of this system of liability argues that the customer is the party with the ability to prevent fraud from occurring and thus imposing liability on the customer creates incentives to minimize fraud. The PBX owner, telephone company owner has primary care, custody, and control of PBX equipment and thus can best take preventative steps to eliminate fraud. This liability scheme and its underlying rationale have proven controversial. In the United States this is controversial. One commentator notes that few telecommunications issues in recent years have created more concern... than PBX toll fraud problem.

Like a law of telecommunication toll fraud, the Utah Digital Signature Act places a significant risk of liability on a subscriber customer with the rationale that the subscriber is best positioned to prevent fraud (by safeguarding the subscriber's private key and thus will have an appropriate incentive to do so).

In a toll fraud arena the liability standard imposed on customer is strict liability. Under the Utah Digital Signature Act yang kita ikut seratus peratus dalam perkara ini, the standard imposed on subscribers is ostensibly a negligence standard. However as discussed already the burden on the subscriber who is attacking a fraudulently signed digital document is an onerous one. If a criminal hacker breaks in to a subscriber's computer system, gains access to a subscriber's private key and creates a large number of facially valid but fraudulent electronic documents that a subscriber will face enormous practical hurdles in challenging those electronic documents. Thus, for many subscribers, particularly those who lack the resources necessary to pursue their rights in court, the Utah Act imposes a *de facto* strict liability standard kita buat. Sekarang mahu buat - sama. Kita diminta imposed a *de facto* strict liability standard. Sebenarnya apa yang ikut, kita perlu faham, a telecommunication toll fraud model is effective as an analogy for a

public key infrastructure in some respects because it introduces an actor who is ignored in the Utah Act and in the credit card model and notary model, considered 'supra' the equipment manufacturer.

Dalam digital signature system ada lagi satu player, equipment manufacturer. Bukan sahaja certification authority, bukan sahaja subscriber, tetapi lagi satu player equipment manufacturer, apa tanggungjawabnya? Lagi, bukan sahaja equipment manufacturer as a player, ada player the hardware and the software juga they are players in this digital system. The hardware and software used to create digital signatures is a critical weak point in the framework of a public key infrastructure. Sebab itu, ada dalam Utah Act memberi kuasa kepada division yang bertanggungjawab ialah apa yang kita ada controller, ada tanggungjawab to review software for used in creating digital signatures and publish reports concerning software untuk monitor development. Tetapi kita tidak ada dalam rang undang-undang ini. Kita mahu kurangkan tanggungjawab pihak yang berkenaan, tambahkan risiko kepada pengguna-pengguna. Itu satu contoh, di mana saya kata Malaysia Digital Signature Act ikut Utah sudah menjadi Utah Two dan Utah Two lebih teruk daripada Utah One dari segi melindungi dan menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Ini kita perlu faham, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sistem itu sangat selamat. Adakah selamat? Kalau tidak selamat, siapa yang ada risiko. Cryptographic algorithms are at the call of a public key infrastructure. For these algorithms to fulfill their promise, it is absolutely assential that they be implemented correctly. This is not an easy task. For example, the Netscape Navigator World Wide Web browser uses the RSA public key algorithms for encryption. A criminal who wanted to decrypt a message encrypted using Netscape's system and who didn't have the

key would theoretically need a supercomputer and thousands of years in order to decipher it. Dari segi itu, selamat. Bila encrypt, selamat, oleh kerana prime numbers dan perlu beratus trillion dollars computer time untuk break a private key by using a public key.

Tetapi ada cara-cara yang lain untuk break the code. Contoh, 'however in September in 1995 two Berkeley graduate students discovered a flaw in Netscape's implementation of RSA algorithms, which allowed them to decrypt encrypted message in a matter of second. Similarly, in March 1996 a security flaw in a Java programming language was announced a flaw which would allowed an attacker to surreptitiously add and remove data from the computer of visitors to a website which exploited the flaw. This flaw conceivably would allow a criminal to capture a visitor's private key as described in Susan Irving hypothetical. A theoretical virus born attack on the private key of a PGP uses is also happen.

Baru-baru ini bulan Mac lalu Microsoft pun ada berlaku flaw di mana university student boleh masuk, dan membahayakan semua private key yang ada menggunakan sistem digital signature. Apa keadaannya selepas itu? The liability allocation of the Utah Act of course can be subject to the same criticism that has been directed at the liability rule embodied in the law of toll fraud. Subscribers bear an immense amount of risk under the Utah Act. If electronic documents are fraudulently signed with a subscriber's digital signature, that subscriber faces a substantial possibility that he or she will bear any resulting loss. To some degree, a subscriber can prevent fraud by taking steps to safeguard the subscriber private key. However, a private key can be discovered in way that are totally outside the control of a subscriber. Kalau begitu, apa buat?

A private key can be discovered in way that are totally outside the control of a subscriber. Siapa responsible, kenapa semua pengguna responsible? Kenapa tidak a

portion responsibility antara pengguna, antara equipment manufacturer, antara hardware, software manufacturer dan juga certification authority. Kenapa begitu manja-manja kepada certification authority.

Oleh kerana hardware or software used to generate key pairs is flawed, private key could be easily discovered. Dan generating key pairs is a notoriously tricky process. Kita Ahli Parlimen mahu pass law ini adakah kita faham bagaimana kita membahayakan pengguna-pengguna di negara kita dan sebenarnya kita ini, in the context of toll fraud, one toll fraud, victim said. "PBX owners should not be responsible for 100% of the toll fraud if we don't control 100% our destiny," equipment manufacture dan lain-lain.

Dan telecommunications trunk system, the same of principle applies in a public key infrastructure. The heavy burden of liability with the Utah Act places on subscribers is inappropriate in light of the fact that there is a substantial likelihood of fraud occurring which is not the result of the subscribers negligence, but instead based on faulty hardware or software, some measure of liability risk should explicitly be placed on hardware and software providers in order to ensure that adequate care is taken to prevent this sort of fraud.

Inilah mustahak, adakah kerajaan faham ini? Kenapa kerajaan tidak mahu membukakan perkara ini untuk public discussions? Dan adakah kita melihat perbincangan-perbincangan, cara-cara lain yang ada diutarakan bagaimana boleh mengatasi masalah ini? Saya kemukakan ini bukan oleh kerana kita bantah atau tak mahu, because signature check the prove, tetapi kita mahu satu sistem digital signature yang adil kepada semua pihak khasnya kepada pengguna-pengguna semacam telephone fraud ada cadangan, ada tujuan oleh kerana ada cadangan supaya mengadakan satu sistem di mana ada adequate warning diberi dalam digital signatures.

Subscribers must be informed by their hardware or software provider about the steps that they should take to adequately protect their private keys and they must be informed about the liability exposure that they faces when participating in the public key infrastructure.

Dan lagi adakah mengenai dispute resolution mechanism, apa dispute resolution mechanism yang adil kepada pengguna-pengguna, subscribers who challenge a digital signatures as fraudulent. Public sepatutnya ada opportunity to immediately appeal to an arbitrator or 'expert agency' with expertise in electronic transactions. If that subscriber can show that they did not affix the digital signature in question and that they adhered to clearly articulated guidelines in protecting the private key, then that subscriber should not bear the full brunt of the loss yang kita cadangkan dalam undang-undang who bear the full brunt of the loss? The recipient of a facially valid digitally-signed documents should not necessarily fully bear the loss either, otherwise reliance on digitally-signed documents will be chilled and the benefit of the public key infrastructure loss. Instead. the arbitrator could apportion the loss between the hardware/software provider, the repository, the certification authority and the subscriber, depending on the relative degree of fault.

If a software system is cracked, for example, enabling the fraud, then the software provider should be liable. Bukan pengguna, is a software system can be cracked, kenapa pengguna (subscriber) bertanggungjawab? Likewise if a certification authority or repository causes a loss, they should be responsible dan bukan pengguna.

Lagi satu masalah sulit yang akan timbul, one difficult question arises when no entity is clearly at fault. Apa buat lagi? Undang-undang kita subscriber, pengguna mati. Tetapi sebenarnya no entity is clearly at fault that is when subscriber, certification

authority, recipient, software/hardware provider and repository all perform as well as can reasonably be expected and yet a loss still occurs.

Siapa yang bertanggungjawab? Undang-undang kita kata pengguna. In such the situation the loss should fall on the recipient. Ikut cadangan ini the party that chose to rely on the fraudulent digitally signed the message.

This party is best able to assess the risks associated with the relying on any particular message.

If the potential risk of loss is high, this party can make 'out of band' contacts (i.e. telephone or in-person contacts) with the ostensible sender to obtain assurances about the authenticity of the message or can chose not to rely on the message at all.

Lagi satu aspek ialah insurans, mungkin satu aspek di mana boleh address problem of loss semacam ini. Adakah ini dalam undang-undang kita? Adakah kerajaan menggalakkan insurans untuk menghadapi masalah risiko-risiko yang wujud apabila ada sistem digital signature? Tidak! Langsung tidak. Mungkinlah private insurance market would not develop immediately. However because of lack of the pattern of loss experience and other factors.

Tetapi, oleh kerana kita mewujudkan sistem ini, kerajaan tentu adalah bertanggungjawab untuk mengkaji semua possibilities. Inilah kita harap perlulah kajian yang mendalam dan tentu tidak dapat kajian yang mendalam kita mengikut Utah Act sahajalah dan kita perlu faham bahawa digital signature bukan unbreakable, boleh break, apabila break siapa bertanggungjawab?

Ini satu aspek rakyat seluruh negara pun perlu faham, dengan izin, it is easy to envision a scenario in which a certify authority's private key is compromise. Inilah certify authority's private key compromise, bukan subscriber's private key.

Certify authority's private key ini dahsyat oleh kerana ia control sebegitu banyak subscriber. Apabila subscriber's private key compromise seorang dan apa berlaku apabila certified authority's private key compromise. Semua pelanggan-pelanggan at risk. It is easy to envision the scenario. Their wish of certified authority's private key is compromise. One way that just occurred is through break force crypt analysis a factoring attack - difficultlah, tetapi possible. That is a criminal could simply dedicate that immense amount of computing power needed and break the underlined algorithm discovering a certified authority's private key from analysis of the certified authority's public key.

Ini susah! Alternatively a criminal could threaten blackmail or torture an employee of the certification authority, ini sangat senang. A criminal could threaten, blackmail or torture an employee of the certification authority, forcing the employee to surrender the CA's private key.

A process describe as a rubber hose crypt analysis or the criminal could break the CA employee. Break a purchase key attack or a incompetent employee can simply reveal the key accidentally or a flaw in the hardware and software utilized by the CA could be discovered and exploited. A compromise of a CA's private key could be catastrophe. A publication from RSA laboratory.- RSA is a actual signature firm, knowing that is extremely important their private key of the certified authorities of thought security because compromise would enable undetectable forgeries.

A criminal who discovered private key of certification authority could produce an unlimited number of a stansively valid certificate. The criminal could enter into fraudulent transaction under a whole of assume names or could create certificate in the

names particular individuals or corporation and impersonate those individual or corporations electronically.

Moreover once a CA's private key was compromise and the correspondence public key revoke all certificates issued by that CA would be invalid.

All of the subscribers who utilized that CA will be forced to obtain new certificate. The cost associated to compromise CA's key dramatically outweigh the cost associated with the compromised subscriber's key.

Dan dahsyat dan dari Utah mereka ada satu suitable guarantee di mana sekurang-kurangnya kurang kerugian yang boleh berlaku apabila CA's private keys compromise.

A criminal with the certification authority's private keys could cause an immense amount of financial damage imposing huge losses of a number innocent parties. These innocent parties will be unable to recover their full losses from the negligence certification authority if the total of his losses was greater than amount of that certification authority suitable guarantee. a suitable guarantee is either or surety bond or an irrevocable letter of credit that mix certain administrative specification and it is design to facilitate recovery of any charge obtain against the CA.

If the Utah division of corporation and commercial code is empowered to determine an amount appropriate for a suitable guarantee in a rule making proceeding. In like of the burden a suitable guarantee places upon license certification authority and the assurance financial responsibility is provided a person who rely on certificate issued by licensed certification authorities.

The act states there are suitable guarantee may also provide that a total annual liability on the guarantee to all person making claims based on its may not exceed the

face amount of the guarantee. Financial institution acting as certification authorities are exempted from the requirement of posting a suitable guarantee.

Apa yang mustahak di sini ialah sekurang-kurangnya dalam Utah kalau berlaku certificate authority's private key compromise yang berlaku kerugian extensive ramai orang adalah bond yang CA perlu taruh sebelum itu di mana boleh menjadi satu fund untuk membayar ganti rugi sungguhpun bukan kesemuanya sebahagian mungkin, oleh kerana adalah terhad, tetapi peruntukan ini ditarik keluar daripada rang undang-undang untuk Malaysia.

Kenapa? Ini satu protection untuk pengguna-pengguna pun sudah dikritik oleh kerana tak cukup, di Utah tak cukup, tetapi kita tarik keluar tak mahu protection itu. Itu contoh yang kedua, Utah II kita luluskan itu lebih teruk daripada Utah I.

Lagi ada contoh yang lain. Dan saya rasa cukuplah. Apabila kita mahu rang undang-undang digital signature, kita perlu ada satu rang undang-undang digital signature yang terbaik sekali. Tengoklah okay, negara yang lain ada digital signature, kita patut boleh mendapat faedah daripada pengalaman mereka, apa yang baik kita ikut, apa kelemahan-kelemahan kita elakkan, tetapi di sini, we have followed the worst in the Utah Digital Signature remove whatever a little safeguard are there, sungguhpun itu sudah dikritik sebagai tak cukup perlindungan kepada pengguna-pengguna, kita pun keluarkan peruntukan-peruntukan ini.

Ialah, kepada syarikat-syarikat IT dan multimedia antarabangsa tengok, wah! Itu sangat baiklah, lebih baik daripada Utah, semacam computer crime di Malaysia, lebih baik daripada United States, lebih baik daripada United Kingdom, 12 kali lebih teruk penalti bila dibandingkan dengan United Kingdom, United States, two-and-the-half times more severe than Singapore.

Tetapi tidak guna. Digital Signature Law, wah! lebih baik untuk international IT dan multimedia company. Langsung tidak kira kepentingan pengguna-pengguna, apa yang ada dalam Utah tidak cukup pun tidak mahu. Apa ini? Bagaimana kita boleh luluskan peruntukan-peruntukan semacam ini dan saya ada kemukakan sepuluh pindaan, saya ada beri notis untuk kemukakan sepuluh pindaan. Semuanya oleh kerana pihak yang berkenaan - drafter of the Digital Signature Act - sama ada sudah keluaran perlindungan yang sedikit yang diberi oleh Utah Digital Signature Act atau mahu memperkenalkan ciri-ciri yang sebenarnya bukan kepentingan negara atau rakyat dan saya harap dalam Committee Stage kita boleh bincang.

Tetapi, inilah kita mahu dapat penjelasan, kenapa kita ada ini? Kita patut ada best cyber laws untuk rakyat, untuk dunia - bukan untuk international multimedia IT companies. Dan sebenarnya kita pun perlu bincang Digital Signature Act daripada segi yang lain - public interest - ada isu-isu yang lain semacam liabilities kita bincang tadi. Lagi masalah privacy, masalah kos. Sebagai contoh privacy - privacy related issues yang mungkin boleh berlaku semacam apabila kita ada on-line data bases di mana ada public inscription key yang dinamakan repositories di mana kita stall dan boleh retrieve sijil-sijil dan maklumat-maklumat yang lain yang ada bersangkutan paut dengan tandatangan digital tentulah certification authority itu ada dapat unrestricted access kepada semua maklumat mengenai transaksi yang boleh berlaku. Semua maklumat sensitif antara peniaga atau individu certified authority akan tahu. Sebagai contohnya, kalau syarikat A antara satu, dengan izin, if a company A send a digitally sign message to company B, company B must verify the digital signature by connecting to a license certification authority. This process would lead an electronic foot prints. Could the owner of the recognised

repository disclosed the fact that A and B were corresponding? What if A and B were discussing a possible merger or other transaction with significant consequences in the security's market. Adakah kita buat peruntukan semacam keadaan ini dalam undang-undang kita, yang ada repercussion begitu besar? Atau cost issue, another public interest issue, social equity dalam masyarakat maklumat oleh kerana kos sistem digital signature. Semua overhead institution yang ada bersangkutan paut dengan mewujudkan untuk meneruskan infrastruktur PKI ini tentulah akan di 'pass' kepada orang ramai supaya satu keuntungan boleh dibuat dan akibat daripada itu semua akses kepada hardware, software komputer yang mahal itu tentulah tidak dalam kebolehan mereka yang miskin.

Tetapi ini satu masalah sosial equity. Adakah mereka yang berpendapatan rendah dinafikan untuk menyertai public key infrastructure? Adakah mereka ditolak daripada penyertaan - participation in the public key infrastructure and become the sebenarnya information have not in our society. Inilah semua isu-isu yang nampaknya kerajaan tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya sungguhpun ada masa berbuat begitu dengan Digital Signature Act Utah. Sebenarnya pun ada timbul, tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong ada mengatakan dan mencadangkan bahawa kerajaan ambil inisiatif antarabangsa untuk lain-lain negara pun ada digital signature, kalau tidak mereka tinggal ke belakang, mundur dan tidak boleh mencapai satu standard antarabangsa untuk digital signature dan sebab itu electronic commerce tidak boleh maju.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Itu silap. Bukan oleh kerana tidak ada Digital Signature Law tidak ada digital signature system. Ada! Sebenarnya dalam sistem Utah, sungguhpun Digital Signature Act Utah ada sistem untuk melesenkan Digital Certification Authorities (DCA) tetapi ia masih benarkan DCA yang tidak mahu berlesen di bawah undang-undang ini. Bererti

bahawa membenarkan licence DCA dan unlicence DCA sebenarnya ada banyak encryption organisation di mana semacam Pretty Wood Privacy (PEP) sudah menjalankan tanggungjawab sebagai satu DCA. Ini tidak bererti bahawa perlu undang-undang, sebenarnya ada perbincangan sama ada mengadakan undang-undang untuk DCA baik atau tidak baik. Oleh kerana teknologi yang berubah kita mahu digital signature system ada teknologi yang terkini, yang boleh dielakkan dari dicerobohi dan kalau adalah satu legislation mengenai digital signature yang mengatakan itulah sistem digital signature yang kita mahu mungkin ini “stylefull growth of technology”. Apa kita mahu yang free market? Ini bererti sungguh pun tidak ada digital signature law tidak bererti tidak ada digital signature system. Saya percaya Singapura tidak ada digital signature law tetapi ada digital signature system digunakan.

Apa tanggungjawab kerajaan dalam satu era teknologi yang semacam itu? Ialah sama ada mengadakan satu iklim untuk membenarkan pertumbuhan teknologi ini atau kita perlu berjaga-jaga tanpa jangan mengadakan undang-undang yang akhirnya stylefull technology growth dan akhirnya kita tidak boleh bersaing dengan negara-negara yang lain oleh kerana negara-negara yang lain boleh menggunakan teknologi yang lebih canggih oleh kerana mereka tidak di ‘stylefull’ oleh undang-undang. Kita patut bincang. Kita mahu digital signature law tetapi kita perlu negara ada satu public discussion. Sampai sekarang tidak ada apa-apa public discussion. Isu-isu yang saya kemukakan langsung tidak timbul dalam mana-mana.

Ini, saya haraplah untuk kebaikan negara, untuk kebaikan kita boleh quantum leap, jangan ambil tindakan yang akhirnya membelakangkan usaha kita untuk menjadi satu information super power. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

**6.38 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kepong dan Ketua Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk mendapat the best cyberlaws, dengan izin, dalam negara ini, apa yang perlu diingati, apa yang perlu diberi perhatian yang baik adalah, bolehkah undang-undang ini berkuatkuasa dengan baik bila peruntukan bagi hukuman adalah terlalu tinggi? Ada satu peruntukan di mana hukuman adalah denda setengah juta Ringgit Malaysia dan sepuluh tahun penjara.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah untuk mengadakan pegawai-pegawai yang berpengalaman. Pegawai-pegawai yang layak, pegawai-pegawai yang mengerti rang undang-undang seperti ini. Apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, terlalu practical, tidak seberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang mengerti apa yang dikatakan olehnya tadi. Ketua Pembangkang telah mengambil masa yang panjang untuk menyuarakan bagi kepentingan negara maksud rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada - dan ini adalah berbangkit apabila Rang Undang-undang Jenayah Komputer dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan diluluskan baru-baru ini. Ini adalah dalam konteks penguatkuasaan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang khasnya saya merujuk kepada seksyen 86(1) yang berbunyi “Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah akta ini boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis pendakwaraya”. Peruntukan yang sama wujud dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997. Untuk memberi kesan dan expression, dengan izin, yang baik bolehkah kami pihak pembangkang mendapat satu perjanjian. Perjanjian oleh

pendakwaraya bahawa budi bicara hendaklah diletak dalam tangan dia mengikut Perkara 145(3) Perlembagaan Negara digunakan dengan baik?

Tuan Yang di-Pertua, lebih baik jika Peguam Negara diberi peluang untuk menduduki dalam Dewan yang mulia ini apabila rang undang-undang seperti ini dibentangkan. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara tidak menghadiri persidangan Dewan ini sendiri tetapi melalui kakitangannya. Lebih baik jika Peguam Negara ada di sini untuk mendengar apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini dan jika perlu memberi melalui nota-nota kepada menteri pandangannya kerana Peguam Negara bukan seorang yang boleh mengambil bahagian di dalam perbahasan Dewan yang mulia ini. Lebih baik jika boleh, Tuan Yang di-Pertua, barangkali kerajaan harus mempertimbangkan cadangan saya - dan ini adalah satu cadangan - sepertimana wujud keadaan dalam Dewan-dewan Undangan Negeri dalam negara ini di mana Penasihat Undang-undang bagi negeri adalah ditempatkan di dalam Dewan Undangan Negeri untuk mendengar pandangan-pandangan khasnya pandangan mengenai isu-isu undang-undang untuk memberi nasihat kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar bagi negeri-negeri.

Di Pulau Pinang, saya ada pengalaman apabila saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri itu di mana apabila satu isu undang-undang ada dibangkitkan Ketua Menteri terus mendapat kerana Penasihat Undang-undang duduk di sebelah Ketua Menteri.

Tetapi di sini, langsung tidak ada keadaan seperti itu dan kerap kali Peguam Negara di hadapan umum ada menyatakan bahawa beliau ada dihentam, beliau ada dikritik dalam Dewan yang mulia ini dan tidak mendapat satu peluang untuk menjawab, lebih baik dia diberi peluang itu. Jika itu tidak boleh diterima oleh kerajaan, saya mencadangkan, Tuan

Yang di-Pertua, bahawa keadaan seperti dahulu sebagaimana ada iaitu Peguam Negara menjadi satu, dengan izin, political appointment, kerana tidak ada bermakna untuk mendapat sophisticated dengan izin undang-undang seperti ini. Bukan penjenayah sebagai Bentong Kali, Botak Chin dan sekarang apabila penjenayah sophisticated akan wujud, apa yang perlu adalah untuk mendapat satu sophisticated Peguam Negara dan pegawai-pegawai yang boleh menguatkuasakan undang-undang ini dengan baik - tidak boleh ada keadaan di mana Peguam Negara diberi satu peluang untuk salah guna kuasa.

Baru-baru ini walaupun peruntukan dalam Perkara 145(2) yang berbunyi dengan ringkas, 'Peguam Negara menjadi satu penasihat utama kepada Kabinet dan kerajaan.' Tetapi nampaknya bukan dia yang memberi nasihat kepada Perdana Menteri atau Kabinet atau kerajaan, tetapi sebaliknya Perdana Menteri yang memberi arahan atau penasihat kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, Kabinet bersidang pada hari Rabu, tetapi pada hari Khamis saya baca dalam surat khabar di mana Peguam Negara melalui pegawainya Tun Majeed menyatakan bahawa rayuan akan difailkan atas hukuman yang ada dijatuhkan atas rakan saya dari Kota Melaka iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Adakah Kabinet mengambil keputusan pada hari Rabu dan mengarahkan Peguam Negara untuk mengumumkan bahawa dia akan membuat satu rayuan atas hukuman yang dijatuhkan dan hukuman itu adalah bagi Akta Hasutan, pertuduhan terbahagi kepada dua bahagian mengenai Akta Hasutan. Pembelaan ada diterima oleh Yang Ariff Hakim yang mengendalikan kes itu, bagi setengahnya apa yang ada dihukum adalah denda sebanyak RM5,000, walaupun ada peruntukan untuk memenjarakan, tetapi RM5,000 denda adalah terlalu tinggi, maksimum....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara itu subjudice ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** .....sekarang.....

**Tuan R. Karpal Singh:** .....belum kerana satu rayuan tidak ada difailkan oleh sesiapa pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara ini saya tahu dan Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri akan mengemukakan rayuan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ..... 'akan' Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya 'akan' mengemukakan, jikalau kita membahaskan perkara ini akan memberikan kesan kepada rayuan kelak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, dalam fahaman saya jika tidak ada satu rayuan, tidak boleh menjadi perkara itu subjudice.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara ini kedua-dua pihak telah pun berkata, namun....

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengumumkan, tetapi tidak ada bertindak dengan tepat untuk memasuki satu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu pun sudah menjadi subjudice, kerana jikalau sekiranya perkara itu 'akan' dirayukan tentu telah pun dirayukan kelak, maknanya apa yang kita bercakap sekarang ini ialah subjudice, haraplah Yang Berhormat bercakap.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, bukan bagi substance merit perkara itu, tetapi peranan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat .....

**Tuan R. Karpal Singh:** ..... Peguam Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat berkata RM5,000 itu terlampau tinggi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah substance, Yang Berhormat, kerana itu terpulang kepada Mahkamah Rayuan ataupun barangkali Mahkamah Federal mengatakan RM5,000 itu tinggi ataupun kurang, terpulang kepada mereka itu. Itu adalah substance.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua,.....ini bermakna keputusan Tuan Yang di-Pertua perkara ini walaupun tidak ada notis rayuan tetapi ia subjudice.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, setelah saya mendapat tahu bahawa kedua-dua pihak sedang berura-ura hendak membuat rayuan, maka saya memutuskan bahawa perkara ini adalah sub judice.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun keputusan itu Tuan Yang di-Pertua, tidak ada disokong oleh authority, tetapi saya tidak ada pilihan lain, terpaksa terima. Tetapi saya harap Peguam Negara apabila berkuatkuasa peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini berkuatkuasa saya harap dia akan menggunakan budi bicaranya dengan baik untuk menentukan dengan izin, oppression is given to the provision bagi rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab. Ya.

**6.52 ptg.**

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mentakab, Bukit Bendera, Parit Sulong, Balik Pulau, Kepong, Tanjong dan Jelutong yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 dan telah memberi teguran, pandangan dan cadangan yang membina. Kesemua perkara ini akan diambil kira dan diberi pertimbangan yang serius bila kita melaksanakan Akta tersebut pada masa akan datang kelak.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan mengenai keselamatan dan kelemahan 'asymmetric cryptosystem' yang digunakan dalam sistem tandatangan digital ini. Pada hakikatnya tiada sistem kriptografi tak simetri yang boleh dikatakan tidak boleh dipecahkan. Walau bagaimanapun, sekiranya sistem keselamatan yang sewajarnya dipakai, pemecahan sistem kriptografi boleh dikatakan computationally infeasible.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kriptografi yang dipakai ini boleh dikatakan adalah merupakan sistem dan teknologi yang terkini, selamat dan reliable pada masa sekarang untuk digunakan oleh orang awam. Sistem teknologi yang sama juga digunakan oleh beberapa negara yang mempraktikkan Undang-undang Tandatangan Digital ini. Walau bagaimanapun, piawaian ataupun standard yang akan digunakan tidak ditentukan dalam akta ini dan ianya akan ditentukan dalam peruntukan-peraturan yang akan ditentukan kemudian. Kalau pada satu masa depan di mana bila sistem yang saya sebutkan tadi outdated ataupun sesuatu piawaian dunia yang telah pun diterima oleh seluruh dunia, maka pihak kerajaan akan memberikan pertimbangan untuk meminda akta yang saya sebutkan ini.

Yang Berhormat dari Mentakab ada membangkitkan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan....

**Dato' Chan Kong Choy:** .....kelemahan tentang salahgunaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Chan Kong Choy:** Sistem kriptografi,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Chan Kong Choy:** Panjang jawapan saya. Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa dalam Jawatankuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Tandatangan Digital hanya memperkenalkan dan memperuntukkan pengiktirafan tandatangan digital. Segala salahguna maklumat atau data akan dikendalikan melalui peruntukan-peruntukan di bawah Akta Jenayah Komputer.

Yang Berhormat dari Mentakab juga merujuk kepada Fasal 68 dan 69 mengenai kehendak atau prasyarat bagi pengendalian repositori khususnya dari segi langkah keselamatan yang perlu diambil. Beliau juga menyoalkan tentang liabiliti dan hak-hak liabiliti sekiranya pencerobohan berlaku.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa butir-butir terperinci bagi pengendalian sesuatu repositori akan diadakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini termasuk syarat kelayakan. Syarat kelayakan ini termasuklah sistem keselamatan dan sistem keselamatan yang akan dipakai serta sistem yang akan digunakan. Pada hakikatnya repositori hanya menyiarkan ataupun publish, dengan izin, maklumat yang certification authority ataupun controller mengarahkan supaya disiarkan dan dalam mana-mana situasi fakta kes akan menentukan siapakah yang berliabiliti sama ada pengguna CA ataupun repositori.

Yang Berhormat dari Mentakab juga menyoal tentang tanggungjawab certification authority (CA) untuk menjaga kunci persendirian dengan selamat, tidak dinyatakan dalam akta dan dalam hal demikian, apakah akibatnya jika kunci persendirian certification authority terdedah sama ada kerana kecuaiian, unsur jenayah ataupun salahguna lain. Adalah menjadi satu fundamental ataupun teras kepada kekesanan sistem tandatangan digital bahawa certification authority (CA) hendaklah menjaga kunci persendiriannya

dengan selamat. Sesebuah CA hanya akan dilantik jika ia merupakan seorang yang akan menjalankan tugasnya secara bertanggungjawab. Tanggungjawab ini akan merupakan salah satu syarat lesen sebagai CA. Kegagalan mematuhi syarat lesen ini akan menyebabkan pembatalan lesennya. Akibat yang akan timbul sekiranya kunci persendirian CA dicerobohi adalah tanggungjawab kepada faktor sesuatu kes. Sesebuah CA boleh terdedah kepada tuntutan sivil oleh pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Balik Pulau menyentuh tentang apakah justifikasi bagi perletakan beban liabiliti ke atas pengguna, tidakkah ini akan tidak menggalakkan penggunaan tandatangan digital?

Dimaklumkan bahawa pelangganlah yang memang bertanggungjawab bagi keselamatan kunci persendiriannya. Dalam hal ini, pelanggan adalah dalam kedudukan terbaik untuk mengawal sesiapa sahaja dan untuk transaksi apakah kunci persendiriannya itu digunakan. Oleh hal yang demikian, dalamimbangan perkara ini lebih wajar beban diletakkan kepada pengguna ataupun pelanggan.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab juga merujuk kepada Fasal 41, iaitu didapati bahawa tanggungjawab jelas diletakkan kepada pelanggan, tetapi tiada peruntukan seumpamanya bagi certification authority, dan apakah rasional bagi perbezaan antara kedua-dua ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanggungjawab seorang pelanggan dan tanggungjawab sesebuah pihak berkuasa perakuan (CA) adalah amat berbeza. Misalnya, seseorang pelanggan bertanggungjawab memberi maklumat kepada sesebuah pihak CA. Manakala sesebuah pihak CA ini bertanggungjawab menggunakan satu sistem yang boleh dipercayai menyiarkan maklumat-maklumat yang diberi oleh pelanggan, bertindak menurut arahan-arahan pelanggan dengan cepat dan sebagainya.

Tanggungjawab sesebuah CA ada juga diperuntukkan dalam Seksyen 27 hingga Seksyen 37.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera menyoalkan tentang apakah akan berlaku jika pelanggan mati dan sebagainya tanpa mendedahkan kunci persendiriannya kepada mana-mana pihak. Apakah akan terjadi kepada dokumen yang telah ditandatangani. Untuk menjawab soalan ini, mengikut Seksyen 54, pihak CA hendaklah membatalkan sesuatu perakuan setelah menerima sijil kematian pelanggan ataupun mendapat keterangan sah yang lain mengenai kematian seseorang pelanggan ini, dan dokumen-dokumen ditandatangani secara digital adalah sah dan boleh dipakai.

Tentang soalan apakah akan berlaku jika pelanggan lupa kunci persendirian ataupun hilang kunci persendirian, dan apa akan dilakukan sekiranya dia hendak membatalkan sesuatu perjanjian yang ditandatangani secara elektronik. Bagi semua ini, pelanggan boleh meminta sesebuah ataupun sesuatu CA untuk membatalkan ataupun ianya digantungkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada merujuk kepada tujuan dan rancangan menubuhkan teleport di Malaysia selepas lawatan Yang Berhormat Menteri di Jepun. Beliau juga bertanya sama ada satu lagi telekom tower akan dibina di Cyberjaya? Pada masa ini kerajaan belum bertujuan untuk menubuhkan teleport di Malaysia ataupun untuk membina satu lagi telekom tower di Cyberjaya.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Kepong juga ada bertanya tentang rancangan kementerian bagi melaksanakan digital signature iaitu dari segi penubuhan pihak berkuasa, tempat penubuhan dan sebagainya. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, proses menggubal sesuatu undang-undang akan mengambil masa. Oleh yang demikian, tujuan membawa rang undang-undang- ini untuk kelulusan Parlimen

adalah untuk mengadakan sesuatu an abling law yang berkenaan dengan digital signature yang diperlukan untuk pelaksanaan Multimedia Super Corridor. Perkara-perkara yang terperinci mengenai pelaksanaan ataupun penguatkuasaan sedang dirancang dengan kaitan khusus kepada keperluan-keperluan MSC sebagai satu permulaan.

Sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu unit penyelidikan dan pembangunan khususnya berkaitan dengan teknologi kripto ini. Pada dasarnya kerajaan mengelakkan penubuhan agensi-agensi baru untuk menjalankan fungsi-fungsi baru memandangkan ia akan melibatkan perbelanjaan dan sumber yang besar. Oleh yang demikian, kerajaan akan mengendalikan fungsi-fungsi baru berikutan dengan digital signature. Ini dikendalikan oleh agensi-agensi yang sedia ada, termasuk kementerian saya dan juga pihak MIMOS.

Yang Berhormat dari Bukit Bendera mencadangkan supaya MSC difahamkan sebagai satu konsep dan bukannya sebagai sesuatu kawasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun MSC adalah satu konsep, ianya dilaksanakan di kawasan yang tertentu, di mana ujian-ujian tertentu akan dijalankan. Aktiviti-aktiviti ini akan dibentangkan ke kawasan-kawasan lain kalau sekiranya perlu pada masa yang akan datang. Maka ianya perlulah dikenal pasti sebagai satu kawasan juga.

Yang Berhormat dari Balik Pulau juga menyuarakan rasa kebimbangan bila konsep wawasan dan manfaat tentang MSC tidak berapa diperjelaskan kepada semua pihak. Ia mungkin akan menimbulkan salah faham dan salah tanggapan bagi semua pihak. Kerajaan dan MTC memang menyedari supaya ditingkatkan tahap penerangan mengenai wawasan, konsep dan faedah dalam membangun dan melaksanakan MSC. Ini penting bagi memastikan sokongan pada syarikat dan rakyat Malaysia. Beberapa langkah penerangan sedang dan akan diambil iaitu termasuk mengadakan majlis-majlis dialog,

mengadakan forum dan seminar, mewujudkan homepage khas di Internet dan siaran melalui semua jenis media.

Tuan Yang di-Pertua, tentang beberapa istilah yang digunakan dalam tek Bahasa Kebangsaan tidak memuaskan seperti mesej, fees dan sebagainya, perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa istilah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah diambil daripada istilah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh tentang tiada peruntukan nyata mengenai standard of care yang dikenakan ke atas pengguna. Standard of care yang terpakai, yang tersirat dalam peruntukan akta ialah standard kecuaiian. Ini juga merupakan standard yang diterimapakai di beberapa bidang kuasa jurisdiction yang lain kerana ia merupakan standard yang paling sesuai diamalkan dalam hal keadaan yang sedia ada. Yang Berhormat dari Tanjong juga menyentuh tentang penerimapakaian model dan polisi Akta Tandatangan Digital Utah tanpa mengambil kira walaupun terdapat kritikan terhadap beberapa aspek akta ini seperti perletakan liability.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang memang diketahui semasa keputusan dibuat untuk menerima pakai model Akta Utah. Beberapa kelemahan telah pun diperbiaki. Beberapa perkara lain tidak diubah secara radikal kerana disedari bahawa implimentasi perkara ini tidak terhad kepada Malaysia sahaja, tetapi melibatkan seluruh dunia. Apa-apa tindakan yang diambil perlu mengambil kira kesannya secara menyeluruh. Apa yang pasti ialah permasalahan dalam perkara ini akan berterusan kerana ini merupakan bidang baru yang menggunakan teknologi baru bagi setiap remedy yang paling sesuai dalam hal keadaan

yang diterimapakai. Dalam apa hal jua pun, jenis transaksi berlainan akan dikawal selia oleh perundangan khusus dan tertentu, umpamanya perundangan perbankan.

Dimaklumkan juga bahawa penggunaan tandatangan digital dalam perdagangan adalah secara sukarela, tertakluk kepada penerimaan penggunaannya oleh semua pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi. Jika pihak-pihak itu memilih untuk tidak menggunakannya, mereka tidak perlu menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini adalah merupakan hasil kajian pakar-pakar undang-undang dalam bidang yang berkenaan termasuk mereka dari Kamar Peguam Negara, kementerian dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan dan berkaitan, dan juga termasuk beberapa orang pakar dari luar negara yang telah mengambil bahagian secara langsung dalam penggubalan akta yang sama di negeri-negeri yang lain. Maka semua aspek dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi memang telah pun diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga merupakan satu bidang baru....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Chan Kong Choy:** .....dan sehubungan itu, kerajaan akan mengamalkan sikap terbuka terhadap sebarang cadangan dan pandangan yang dikemukakan bagi memperbaiki dan memperlengkapkan lagi rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya hendak habiskan. Berdasarkan kepada perkembangan teknologi dan pengalaman-pengalaman di negara lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 2 -**

**7.15 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, dalam rang undang-undang ini ada satu pindaan untuk Fasal 2(1) tambahkan interpretasi selepas definisi memegang kunci bersendirian secara sah: “suitable guaranty”, means either a surety bond executed by a surety firm authorized to do business or an irrevocable letter of credit issued by a financial institution authorized to do business with satisfies all the following requirements:-

- (i) it is issued for the benefit of claimants under this act and is conditioned upon the certification authority conducting business as required by this act;
- (ii) it is in an amount equal to or exceeding the greater of either:-
  - (a) 100% of the largest recommended reliance limit of a certificate to be issued or published by the filing certification authority during the term of the certification authority’s licensed; or

- (b) at least 35% of the recommended reliance limits of all certificates published by the filing certification authority which have not expired or being revoked;
- (iii) it state that it is issued for filing pursuant to this act;
- (iv) it spesifies a term of efectiveness extending at least as long as the term of the license to be issued to the certification authority; and
- (v) it is in a form approved by the controller.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa adalah dalam penggubalan Rang Undang-undang Tandatangan Digital bahawa kerajaan ada mempelawa pakar-pakar asing untuk memberi sumbangan mereka selain daripada Kamar Peguam Negara dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Kalau begitu, wang yang kita belanjakan atas pakar-pakar asing ini semua wang yang sia-sia, waste a public funds, semua waste of public funds dan kita mahu tahu berapa pakar-pakar asing yang datang dan apa perbelanjaan atas tugas mereka, oleh kerana saya ada meneliti rang undang-undang ini dengan Akta Utah dengan sangat teliti, saya percaya lebih teliti daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana saya boleh membincangkan dengan setiap clause di dalam Akta Utah dan dalam rang undang-undang ini.

Bolehkah kita mengetahui satu contribution yang dibuat oleh foreign expert yang ada dalam rang undang-undang yang tidak ada dalam Akta Utah? Bolehkah satu contribution sahajalah, kita buang beratus ribu ringgit tak mengapalah, satu contribution. Apa yang ada berbeza ialah sudah ada dalam Akta Utah yang sudah dikritik bahawa tidak memberi perlindungan yang cukup kepada pengguna-pengguna tetapi ada perbezaan kepada Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini ialah bahagian-bahagian yang

telah dikritik sebagai tak cukup memberi protection kepada pengguna-pengguna ditarik keluar. Inilah pindaan saya sebagai satu contoh mengenai suitable guarantee.

Ini ada di dalam Utah Act tetapi tidak ada dalam Rang Undang-undang Tandatangani Digital, apa sebabnya? Semua boleh kita 'copy' daripada Utah Digital Signature Act tetapi ini tak mahu 'copy'. Kenapa? Ini untuk memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna supaya ada satu bond, supaya Certificate of Authorities (CA's) ada bertanggungjawab, ada satu bond di mana apabila ada kerugian ditanggung oleh subscribers atau pengguna-pengguna, mereka apabila sue certificates of authority dan menang, tetapi kita tidak mahu paper judgement. Ada wang di sana, ini ada peruntukan dalam Utah Act tetapi kita tidak mahu memberi perlindungan yang begitu minimum kepada pengguna-pengguna Malaysia.

Kita patut boleh memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna Malaysia lebih baik daripada pengguna-pengguna Amerika, kita sekarang ini dalam 'top of the world' tetapi kita melihat pengguna-pengguna Malaysia tidak ada hak yang lebih daripada pengguna-pengguna Amerika, kenapa? Ini satu contoh! Ini ada dalam Utah Act, kenapa keluar daripada rang undang-undang ini selain daripada peruntukan ini tak baik.

Ha! Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berkata peruntukan ini tak baik, saya boleh terima. Bolehkah kata tak baik? Ini untuk menjaga kepentingan pengguna oleh kerana sudah ada mengenai maximum reliance limit. Maximum reliance limit di mana CA's tanggungjawab kewangan mereka kepada subscribers adalah 'are kept' maksimum, sungguhpun kerugian lebih dari yang dihadapi oleh subscriber, lebih daripada kept itu dia terhad. Okay, ini pun tidak adil.

Tetapi sekurang-kurangnya sungguhpun ada kept, adalah satu surety guarantee menunjuk ada wang. Kalau tidak, paper judgement dan sebab itu saya katakan, apa guna foreign experts, tak payah foreign experts, sesiapa yang baca meneliti Rang Undang-undang Tandatangani Digital boleh melihat semua daripada Utah Act, kenapa mahu membuang masa, membuang wang rakyat untuk membawa foreign expert melihat dan membaca, tidakkah ada kakitangan, pegawai Peguam Negara yang faham untuk membaca Utah Act. Perlu membawa foreign experts datang untuk membaca Utah Act.

Ini malu! Jatuh maruah rakyat Malaysia! Tidak ada apa-apa benda yang baru di dalam sini. Dan ini saya rasa janganlah, kita ada membaca dan kita ada mengkaji tidak ada satu benda yang baru, yang sebenarnya lebih baik daripada Utah Act. Sebab itu saya katakan rang undang-undang atau Akta Tandatangani Digital yang kita akan luluskan ialah menjadi Utah II tetapi Utah II yang lebih teruk daripada Utah 1. Kenapa?

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dua, tiga tahun sudah lepas, it should be better, we are getting worst. Sebagai contoh, tadi Yang Berhormat dalam Seksyen 2(1), Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai asymmetric cryptosystem sebagai landasan untuk digital signature, dia kata kalau masa depan ada teknologi yang sudah tukar bahawa kita boleh pinda undang-undang, tentulah kita boleh pinda undang-undang, dua atau satu tahun tetapi masalahnya ialah ini tidak sepatutnya menjadi sikap kita apabila meluluskan undang-undang.

Apabila kita meluluskan undang-undang, kita patut boleh kata bahawa ini adalah yang terbaik sekali. Bukan dia boleh menunggu bila-bila kalau perlu kita tukar, oleh kerana apabila Utah Digital Act diluluskan pada tahun 1995, masa itu asymmetrical

cryptography ialah teknologi masa itu, tetapi sekarang undang-undang yang terkini semacam California yang baru-baru ini diluluskan, Digital Signature Act, baru-baru ini dalam bulan April. Trend sekarang ialah tidak terikat kepada asymmetrical cryptography, oleh kerana adalah didapati lebih bijaksana bahawa dalam merangkakan satu digital signatures system, kita tidak mahu teknologi spesifik, kita teknologi neutral, apa teknologi yang baik, kita boleh gunakan.

Tidak teknologi spesifik semacam asymmetrical cryptography, oleh kerana ini yang pertama, akan membantut, stifles perkembangan teknologi yang lain dan kedua, kita perlu ada ruang untuk inovasi dan sebenarnya ada pakar-pakar yang berpendapat bahawa cara biometrik yang sekarang boleh digunakan untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu digital signature pun ada skop untuk berkembang, tetapi kalau teknologi kita spesifik, kata baru boleh digunakan teknologi asymmetrical cryptography tetapi bukan biometrik, kita stifles, kenapa? Dan sebab itu kita melihat California Digital Signature Law tidak menyebut teknologi spesifik, dengan izin, for deal signed to be valid for use by a public entity, it must be created by a technology, dia tak kata terikat kepada asymmetrical cryptography, created biotechnology that is accepted for use by the State of California, termasuk public key cryptography.

The technology known as public key cryptography is acceptable technology for used by public entities in a California, tetapi di sini kita kata, barulah public key cryptography boleh digunakan, kenapa? It suppose to be cutting edge of the world, we should be using this, bukan ikut orang lain yang sudah rickless, itulah kenapa foreign experts datang membuat reccomendation yang semacam ini? World moving ahead we are still going behind.

Sebab itu, perkara ini satu perkara of public interest perlu buka, ini satu perkara yang baru dalam information technology, dari apa-apa segi, apa-apa undang-undang, teknologi yang baru tidak diketahui oleh semua orang, mungkin lain-lain orang, tak siapa berani kata authority expert, tetapi kalau kita buka perbincangan kepada orang ramai yang faham, yang fasih, yang berminat, dengan izin, everybody can give a little contribution untuk kebaikan negara, kenapa close mind? Bagaimana kita boleh mengembangkan era IT kalau kita terusmenerus ada fikiran yang tertutup seperti sekarang. Macam perkara ini apa yang kita sedang bincangkan patut menjadi satu perbincangan orang ramai untuk beberapa bulan, kita tak mahu, tutup ini - pass, if it chambers say 'yes', means 'yes'.

Saya tak tahulah sama ada saya buang masa di sini, tetapi saya harap pandangan-pandangan yang saya telah kemukakan khasnya di masa depan kalau kita berminat mengenai IT tomorrow, kita perlu mind set yang baharu. Oleh kerana kita terikat kepada teknologi yang lama, bukan baik untuk negara kita. Sekian, itulah cadangan dan pindaan.

**Tuan Pengerusi:** Timbalan Meneri jawab.

**7.28 mlm.**

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana telah mengemukakan beberapa pandangan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang baru-baru ini telah memberikan perhatian yang cukup serius kepada perkembangan IT di dalam tanahair kita dan saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah memainkan peranan yang lebih membina selepas 30 tahun, ini merupakan satu perkara yang baik dan saya haraplah ini akan diteruskan.

Saya hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong, bukanlah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sahaja meneliti tentang segala perkembangan dalam bidang IT termasuk penggubalan rang undang-undang, kerana peruntukan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai jaminan yang sesuai ataupun suitable guaranty. Sememangnya tidak ternyata dalam rang undang-undang sebagaimana yang terdapat dalam Akta Utah.

Ini adalah kerana ia didapati hal perkara ataupun subject matter yang lebih sesuai, ini pandangan pakar dari Malaysia, ia lebih sesuai diuruskan dalam peraturan-peraturan yang akan ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri melalui Fasal 91(1B)

Pada hakikatnya seperti di Utah, perletakan satu jaminan sesuai ataupun suitable guaranty dalam bentuk bon dan sebagainya akan dijadikan satu daripada syarat untuk mendapatkan lesen dalam peraturan-peraturan certification authority. Itu adalah kerana kestabilan ataupun kedudukan kewangan certification authority yang kukuh adalah perkara yang amat penting dan berhubung dengan trustworthiness - kebolehpercayaan - maka saya berpendapat bahawa pindaan ini tidak perlu.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, ada tokok tambah lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mahu tambah lagi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekurang-kurangnya kata bahawa peruntukan ini yang ada dalam Utah legislation sungguhpun tidak ada dalam Utah II legislation akan didapati dalam peraturan-peraturan yang akan dikeluarkan di bawah akta ini. Saya harap bahawa dalam pengumpulan peraturan-peraturan mengenai surety guaranty bahawa kritik-kritik yang ada dibuat, tadi saya ada sebut bahawa perlu ada satu contoh di mana dalam Akta Utah di mana ada satu cap atau satu maksima yang sebenarnya tidak adil kepada pengguna-

pengguna yang diambil kira dan kita tidak mahu ikut seratus peratus. Kita perlu satu surety guaranty tetapi lebih baik daripada apa yang ada dalam Utah Act dan kita tidak perlu satu sikap condescending bahawa kita sekarang lebih membina. Selepas 30 tahun DAP sentiasa membina untuk kebaikan negara, sebab itu ada integration, sebab itu Perdana Menteri sekarang mengakui assimilasi tidak sesuai, kalau ikut MCA, habis! Assimilasi sudah dijalankan.....

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, diingatkan bahawa sekarang berada dalam.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap Timbalan Menteri jangan mempolitikkan perkara ini oleh kerana 'tick-for-tack', you ask for it you'll get it.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada apa-apa yang relevan pada....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu relevan oleh kerana dia kata, dia timbul mengenai lebih membina. Itulah relevan.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kerusi di sini, bukan di sebelah sana.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Diingatkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Itu membina dan.....

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Membina itu memang tidak ada tertera dalam peruntukan yang..

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya jawab apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri kata. Saya ada hak untuk jawab apa yang dia bangkitkan.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cuma boleh soal bukan hendak jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan soal. Saya jawab.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, itu.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam peringkat Jawatankuasa saya ada hak untuk cakap lebih daripada satu kali.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu memang salah, Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau ada apa-apa yang hendak bangkitkan lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu bangkit apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Saya ada hak untuk menjawab bukan sahaja menyoal oleh kerana ini peringkat Jawatankuasa. Saya ada hak.....

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....untuk bercakap lebih dari satu kali.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu sebabnya saya beri Yang Berhormat peluang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, baik.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi, Yang Berhormat kena bawa diri dengan tertib, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tentu tertib, tentu tertib dan saya haraplah kita boleh menumpukan isu ini, jangan mempolitikkan oleh kerana apa-apa supaya kita boleh balik ke pangkal jalan dan saya pun harap bahawa teguran-teguran yang saya berikan tadi mengenai teknologi jangan ia mengikat kita kepada teknologi yang spesifik, bahawa kita ambil satu sikap teknologi neutral, boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada apa-apa hendak jawab?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tidak ada apa-apa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak ada. Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu; hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 3 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada, tapi ini typing mistakes. Fasal 3, sebab itu saya cari 3(1)...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak apa Yang Berhormat, okay, tidak apa.

**Tuan Lim Kit Siang:** 3(1).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tengok nanti, di sini, 3(4), hapuskan perkataan-perkataan "*tertakluk kepada apa-apa arahan tentang dasar am dan perintah yang diberikan atau yang dibuat oleh Menteri.*" Saya buat cadangan ini oleh kerana ini adalah satu isu untuk mengendalikan satu perkara, mewujudkan satu sistem tandatangan digital dan kita perlu memberi kuasa yang sepenuhnya kepada pengawal dan tidak elok di mana menteri yang ada tanggungjawab yang lain perlu diheret untuk perjalanan perkara ini termasuk apa itu general policy. Digital signature apa timbul general policy? General policy ialah kita mahu mewujudkan sistem digital signature; kedua, untuk menggunakan

teknologi spesifik ialah asymmetrical cryptography, apa lagi general policy dan orders as may be given or made by the Minister.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, biar saya mencelah sedikit. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat, itu bukan di bawah Fasal 3, adakah betul ataupun tidak, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** 3(4).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** 3(4).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebab yang saya terima itu kertas pemberitahu yang ada di sini, pindaan yang berkenaan, seksyen itu lain? Betulkah Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** 3(4) dalam surat saya, seksyen 3(4)- Delete the word “*subject to such directions as to general policy and orders as may be given or made by the Minister.*”

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Menteri dengan Pengawal?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu 5(4).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 5, itu seksyen 5.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini seksyen 5(1) itu pindaan yang lain. Dan di sini saya mahu cakap oleh kerana sungguhpun Tuan Yang di-Pertua ada menolak pindaan itu tetapi saya mahu ambil peluang dalam masa peringkat Jawatankuasa untuk memberi pandangan mengenai perkara ini. Bukan untuk mengemukakan pindaan oleh kerana ini adalah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ianya memang tidak muncul dalam kertas pemberitahu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada tetapi dalam surat saya ada, tetapi tidak ada dalam order paper.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau macam itu, Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh cakap nanti?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Boleh, Yang Berhormat boleh cakap, cuma bukan pindaan. Ini Yang Berhormat memang boleh mengambil bahagian dalam perbahasan. Bukan sebagai pindaan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Fasal 3. Bukan sebagai satu pindaan yang formal. Sungguhpun bukan satu pindaan yang formal saya boleh cadang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kemukakan pindaan itu, saya ada hak untuk berbuat begitu. Oleh kerana kita perlu ada satu new wave, cara yang baru untuk menjalankan tugas kerajaan kita, ialah di mana kita tidak mahu menteri, khasnya dalam perkara ini kenapa menteri mahu terlibat dan apa general policy and orders as may be given or made by the minister. Saya rasa ini semua cara lama, kuno dan kita perlulah cara yang baru kalau kita mahu wujudkan satu sistem digital signature ada satu pengawal. Beri kuasa yang sepenuhnya kepadanya oleh kerana ini sebenarnya tidak ada apa-apa policy, policy sudah ditetapkan dalam dasar ini mengenai teknologi, mengenai sistem yang diwujudkan tetapi cara untuk menjalankan dan tidak patut mana-mana ada minister. Itulah pandangan saya.

**Fasal 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 4 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Fasal 4. Saya pun ada memberi pindaan kepada Fasal 4 untuk menghapuskan Fasal 4(3) di mana berbunyi:

*“The Minister may, on an application in writing being made in accordance with this Act, exempt -*

- (a) *a person operating as a certification authority within an organisation where certificates and key pairs are issued to members of the organisation for internal use only; and*
- (b) *such other person or class of persons as the Minister considers fit; from the requirements of this section.”*

Kenapa kita perlu satu seksyen ini? Memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan sesiapa CA daripada keperluan seksyen ini? Kalau adalah syarat-syarat tertentu mengenai syarat-syarat untuk satu certification authority, mendapat kelayakan, kita semua ikut. Kenapa memberi kuasa kepada menteri untuk exempt? Ini tidak sihat. Kita mahu ikut norms yang biasa, peraturan yang biasa dan tidak patut. Saya tidak boleh faham kenapa kita perlu peruntukan untuk minister membenarkan pengecualian pelaksanaan seksyen ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan? Mungkin satu scenario atau dua kenapa satu peruntukan yang luar biasa ini dalam keadaan mengenai mewujudkan satu digital signature perlu diadakan dan cadangan saya untuk meminda tidak dimasukkan di dalam kertas pemberitahu dan saya tidak akan kemukakan tetapi kita ada hak untuk tahu kenapa perlu seksyen ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, ini adalah difikirkan perlu kalau sekiranya digital signature ini adalah digunakan secara in-house, misal kata, dalam satu bank yang sama, satu pasukan yang sama dan tidak melibatkan transaksi dengan orang ataupun pihak luar.

**Fasal 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

**Fasal 5 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang 5(1) gantikan perkataan-perkataan “Menteri” dengan “Pengawal” dan 5(2) pun gantikan perkataan-perkataan “Menteri” dengan “Pengawal”. 5(1) dan (2) berbunyi:

*“5(1) The Minister shall, by regulations made under this Act, prescribe the qualification requirements for certification authorities.*

*(2) The Minister may at any time vary or amend the qualification requirements prescribed under subsection (1) provided that any such variation or amendment shall not be applied to a certification authority holding a valid licence under this Act until the expiry of that licence.”*

Kenapa perkara-perkara semacam ini yang sebenarnya pentadbiran (administrative) perlu ministerial interference? Kita mahu kurangkan, masa IT ialah masa empowerment, bukan semua dalam tangan Minister dan sebenarnya ini tidak perlu. Kita perlu mewujudkan satu sistem di mana self-operating. Kenapa kita mahu ciri-ciri semacam ini dan kita perlu memberi controller kuasa yang penuh. Di dalam Utah Digital Act, tidak ada Secretary of State of Utah buat peraturan di mana boleh exempt, tidak! Itulah cara khas Malaysia - Minister mahu have a hand in everything - sungguhpun patut tidak ada bersangkutan paut dengan minister. Adakah sebab perlu Minister. Kenapa tidak mahu ikut Utah legislation, adakah kita tidak lebih controller, kita tidak lebih layak apabila banding dengan division yang bertanggungjawab mengenai wujud sistem digital signature supaya perlu menteri sit on everybody? Dan saya cadang.

**Dato’ Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, syarat-syarat kelayakan adalah ditetapkan dalam peraturan-peraturan dan menteri difikirkan adalah.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, minta maaf. Saya kena kemukakan ini untuk dibahas. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang

tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** 5(3) Bolehkah saya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti ada masa...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** .....mencadangkan pindaan itu cadangkan sekaligus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya atau dapat nasihatlah mahu cadang sekaligus atau mahu nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa eloklah kalau hendak ambil bahagian dalam perbincangan, terus bahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi satu pindaan, 5(3) iaitu satu subseksyen kecil yang baru:

*“The Controller shall make rules determine the amount appropriate for a suitable guaranty in line of a burden of suitable guarantee places upon licensed certification authority and the assurance of financial responsibility in provide to person who rely on certificate issued by licensed certification authorities”.*

Ini sungguhpun tidak ada di dalam kertas pemberitahu, saya rasa ini mustahak supaya.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, sebab Yang Berhormat, ini adalah perbincangan mengenai pindaan. Jadi, cuma apa yang tertera dalam.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Kalau begitu nantilah selepas itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kertas Pemberitahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sebabnya.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu sahaja boleh dibenarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....saya minta nasihat sama ada sekali gus....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu ada peluang nanti.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya balik nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tidak ada apa-apa jawapan dari kerajaan

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, seksyen 5 belum habis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ada apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi mengenai seksyen 5.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Belum lagi Yang Berhormat.

Setiausaha akan sebutkan.

**Fasal 5 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Saya ada cadangkan bahawa ada satu seksyen 5(3) yang baru, yang tadi saya sudah sebut, tidak payah saya ulangi, oleh kerana mustahak ditetapkan mengenai kuasa pengawal untuk membuat peraturan-peraturan mengenai ‘security, suitable guaranty’ supaya menjaga kepentingan pengguna-pengguna supaya apabila timbul masalah liability atau satu peruntukan elokasi yang adil dan tidak membebankan pengguna. Sekian, terima kasih.

**Fasal 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 6 hingga 19** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 20 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya ada cadang memasukkan seksyen 20(2A) yang baru seperti berikut:

20(2A)(a) Based on information gathered in the audit, the auditor shall categorize the licensed certification authority’s compliance as one of the following:

- (i) full compliance: the certification authority appears to conform to all applicable statutory and regulatory requirements;
- (ii) substantial compliance: the certification authority generally appears to comply with all applicable statutory and regulatory requirements; however, some instances of noncompliance or inability to demonstrate which were likely to be inconsequential;
- (iii) partial compliance: the certification authority appears to comply with some statutory and regulatory requirements,

but was found not to have complied or not able to demonstrate compliance with one or more statutory or regulatory requirements;

- (iv) noncompliance: the certification authority complies with few or none of the statutory and regulatory requirements, or fails to keep adequate records to demonstrate compliance with more than a few requirements, or refused to submit to an audit.”

Tuan Pengerusi, inilah lagi satu cara, lagi satu contoh di mana sungguhpun kita menggunakan Utah Digital Signature Act sebagai model, tetapi kita tidak menerima apa yang baik untuk pengguna-pengguna supaya memastikan bahawa certification authority menjalankan bidangnya dengan penuh bertanggungjawab oleh kerana kerugian yang boleh berlaku kalau adalah certification authority yang cuai, yang tidak bertanggungjawab, yang curang ialah begitu besar.

Seksyen ini yang ada dalam Utah Digital Signature Act ditinggalkan, mungkin nanti kita dengar oh! Mungkin dalam peraturan-peraturan, tetapi kenapa kita affix perkara yang mustahak semacam tadi itu patut dalam akta ibu, principal act dan bukan apabila ditegurkan ia akan didapati dalam peraturan-peraturan oleh kerana ini memberi satu mesej kepada sesiapa yang akan menjadi certification authority, bahawa kerajaan tidak begitu serius untuk monitor tanggungjawab mereka bahawa selain daripada hujah-hujah yang saya sudah kemukakan dalam ucapan saya, di mana perlindungan yang diberi kepada pengguna-pengguna di tahap yang begitu minimum apabila dibanding dengan Utah Digital Signature Act bahawa kita patutlah mempunyai satu sikap yang lebih serius mengenai tanggungjawab CA's khasnya supaya ada kriteria-kriteria apabila performance

audit diadakan, oleh kerana kita tahu banyak syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan yang cuai, selalu accountant auditors certificate, yang sebenarnya tidak mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan profesional. Sebab itulah kita perlu dalam principal act dan bukan dalam peraturan-peraturan, oleh kerana kalau ada satu DCA yang cuai, kerugian yang begitu besar, lebih besar daripada cooperative scandal, lebih besar dari cooperative scandal dalam tahun lapan puluhan.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan kenapa bahagian ini ditinggalkan - ini lagi satu contoh bahawa Akta Malaysia Utah II lebih teruk daripada Utah I.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Belum lagi Yang Berhormat. Baru sahaja dibuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tengok tidak ada orang berdiri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, butir-butir terperinci sebagaimana yang dicadangkan akan juga dimasukkan dalam peraturan-peraturan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujukan.

**Fasal 20** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 21 hingga 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 26 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Seksyen 26, saya mencadangkan memasukkan Seksyen 26A yang baru seperti berikut:

“26A. Hazardous activities by any certification authority prohibited.

- (1) A certification authority, whether licensed or not, may not conduct its business in a manner that creates a commercially unreasonable risk of loss to:
  - (a) subscribers of the certification authority;
  - (b) persons relying on certificates issued by certification authority; or
  - (c) any repository recognized .....

ini ada silap di sini.

..... Recognized under the act.

- (2)(a) The controller may publish in the repository it provides or elsewhere statements advising subscribers, persons relying on digital signatures, or public repositories about activities of a certification authority, whether licensed or not, that create a risk prohibited by Subsection (1).
- (b) The certification authority named in a statement as creating or causing a risk may protest the publication of the statement.

- (c) Upon receipt of a protest, the Controller shall:
  - (i) include with its statement a comment that a protest has been received; and
  - (ii) promptly give the protesting certification authority notice an opportunity to be heard.
- (d) Following the hearing, the Controller shall:
  - (i) rescind the advisory statement if its publication was unwarranted;
  - (ii) cancel it if its publication is no longer warranted;
  - (iii) continue or amend it if it remains warranted; or
  - (iv) take further legal action to eliminate or reduce a risk prohibited by Subsection (1).
- (e) The Controller shall publish its decision in the repository it provides.”

Tuan Pengerusi, peruntukan ini adalah baik menegaskan keprihatinan Dewan yang mulia ini, ahli-ahli Parlimen yang mahu meluluskan undang-undang ini, bahawa mereka sangat prihatin mengenai tanggungjawab DCA dan bukan serah kepada peraturan-peraturan yang dibuat oleh menteri atau sesiapa bahawa ahli-ahli Parlimen yang prihatin. Sebab itu ada satu di mana DCA - DCA yang ada berlaku apa-apa yang tidak bertanggungjawab yang bahaya kepada kepentingan orang ramai perlu ditegur secara terbuka dan serta-merta supaya perkara ini boleh dibetulkan tanpa masa dijalankan, oleh kerana dalam elektronik era, kerugian yang boleh berlaku begitu besar dan begitu pantas, dalam masa yang begitu pendek.

Saya tidak tahulah sebenarnya saya tidak boleh terima pandangan-pandangan atau penjelasan-penjelasan yang ada dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa beberapa peruntukan-peruntukan yang saya ada cadang patut dimasukkan dalam akta ini

dan semua dari Utah Act - ini pun daripada Utah Act - Digital Signature Act, tetapi ia ditinggalkan. Adakah kita perlu untuk engage foreign expert datang?

Cadangan mereka ialah “oh! ini bahagian tidak payah masuk undang-undang ibu, masuk peraturan. Itulah kerja foreign expert, itu sahaja. Kalau begitu kenapa foreign expert. Tadi saya kata, saya berani kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh memberi satu bahagian yang baru yang sebenar menjadi contribution foreign expert dan tidak ada bersangkutan-paut dengan Utah Digital Signature Act. Apa yang kita buat ialah copy word for word selain daripada gugur apa yang sepatutnya ada dalam akta ini untuk menegaskan keprihatinan Dewan yang mulia ini kerajaan kita bahawa kita mahu satu sistem yang bertanggungjawab. Apa guna foreign expert? Kita ditipu oleh foreign expert kalau kita benar-benar ada foreign expert untuk advice kita mengenai Digital Signature Act. Kalau begitu benar, saya masih tunggu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu beberapa foreign expert datang untuk advice mengenai Digital Signature Act. Siapakah mereka, berapa wang dibelanja, kenapa kita perlu mereka and what good have they done.

Sebenarnya apa input yang kita ada buat. Kalau kita mahu digital signature rang undang-undang ini yang ada, sangat senang dua hari boleh copy sahaja daripada digital signature Utah. Tidak ada apa-apa input yang baru. Tetapi to be fair, adil ada satu input yang baru dalam dunia’ masuk dalam Bahasa Malaysia. The only input as far as the Digital Signature Act is concern dan untuk masuk dalam Bahasa Malaysia dua tahun, pun mahu foreign expertkah? Input sahaja, lain tidak ada. Adakah ini cara kita mahu masuk IT? Adakah ini cara kita mahu quantum leap, no input. Kita patut rasa malu.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat ini sangat bangga. Saya rasa sebagai rakyat Malaysia, saya berdiri cakap sebagai rakyat Malaysia kita patut rasa malu. Tidak boleh dapat satu digital signature yang terbaik sekali di dunia sungguh pun ada pengalaman dari negara yang lain, kita ikut orang, apa yang baik kita gugurkan, tidak ada input, kita rasa bangga. Tidak ada rasa malu. Itulah apa yang saya baca dalam surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam National Congress 2020 ada menegaskan kita patut tahu merasa malu. Kalau kita tidak boleh rasa malu, bangsa dan negara kita akan hancur. Tidak berasa malu apabila kita patut berasa malu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ingatkan ini sepatutnya....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, jangan ada provokasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sepatutnya disentuh dalam peringkat Jawatankuasa....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sebab itulah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ....walaupun tidak ada provokasi.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....yang tidak patut dibuat. Saya harap ini serius. Kita patut ada satu sikap yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab berapa foreign expert, siapa mereka dan what good have they done. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentang oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, peruntukan sebagaimana yang dicadangkan telah pun terdapat dalam rang undang-undang iaitu Fasal 71.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 27 - 60 -**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Fasal 27(1) dan 27(2) yang mengatakan bahawa;

*'Sesuatunya pihak berkuasa pemerakuan berlesen hendaklah hanya menggunakan sistem boleh dipercayai'*

Sama juga dengan Fasal 27(2) mengatakan;

*'Seorang pelanggan hendaklah hanya menggunakan sistem boleh dipercayai untuk menghasilkan kunci persendirian.'*

Saya mendapati satu clause yang tidak jelas di sini, Tuan Pengerusi, iaitu 'sistem yang boleh dipercayai'. Oleh kerana sebagaimana saya tegaskan tadi, sistem apakah boleh dipercayai, siapakah yang menentukan sistem ini boleh dipercayai. Kalau kita menentukan supaya pelanggan mewujudkan sistem yang dipercayai dan pihak berkuasa pemerakuan berlesen mewujudkan sistem yang boleh dipercayai, siapa yang boleh certified sistem yang boleh dipercayai.

Perkara ini saya timbulkan oleh kerana ini menjadi tanggungjawab sekiranya sistem, perkakas ataupun perisian komputer itu dicerobohi dan menimbulkan satu mudarat kepada pengguna tandatangan digital. Bermakna pihak pemeraku berlesen dan

juga pihak pelanggan akan membeban tanggungjawab dan juga kerugian. Jadi, saya harap pihak Timbalan Menteri menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini dalam peringkat Jawatankuasa siapakah yang mempunyai authority, yang mempunyai kewibawaan untuk mengakui bahawa suatu sistem itu boleh dipercayai untuk mengelakkan daripada pencerobohan dan untuk mengelakkan sebarang mudarat dan juga pemalsuan kepada tandatangan digital. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Sesuatu sistem yang boleh dipercayai akan ditetapkan oleh pihak controller.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini satu isu yang sangat mustahak, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong, bukan sahaja kata ditentukan oleh controller, tetapi oleh kerana ini melibatkan apabila berlaku perkembangan yang memudaratkan kepentingan pengguna-pengguna cara untuk allocate liability dan risiko. Ini mustahak, ini bukan satu isu yang revoke, ini satu isu yang sebenarnya yang sangat urgent dan pressing apabila kita mewujudkan satu sistem tandatangan digital. Apabila berlaku breach, kerugian, bagaimana allocate liability dan risiko khususnya apabila licence certification authority should only used a trustworthy system to issue, suspend or revoke a certificate.

Kalau berlaku apa-apa intrusion atau breach, adakah peraturan-peraturan akan sangat jelas dalam perkara ini? Adakah peraturan-peraturan yang akan digubalkan akan jelas bahawa ada beberapa seksyen mengenai cara untuk, dengan izin, allocation liability dan risiko. Bolehkah kita dapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, pihak kerajaan tidak ada apa hendak menambah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada soalan, jadi saya minta satu jawapan sama ada ada atau tidak ada ataupun langsung tidak boleh jawab. Mana boleh jawab tidak ada perkara untuk tambah. Saya mahu bertanya, pertanyaan saya ialah dalam peraturan-peraturan yang akan diwujudkan dan akan digubalkan, adakah ada beberapa seksyen yang akan dengan jelasnya allocate, liability dan risiko. Mana boleh kata tidak ada perkara untuk tambah. Ada atau tidak ada atau tidak tahu.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, kesemua ini telah diliputi dalam fasal-fasal yang ada kena-mengena tentang tanggungjawab controller certification authority dan pihak pelanggan.

**Fasal 27 hingga 60** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 61 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, masukkan Seksyen 61A yang baru seperti berikut:

“61A Collection based on suitable guaranty.

(1) (a) Notwithstanding any provision in the suitable guaranty into the contrary:

- (i) if the suitable guarantee is a surety bond, a person may recover from the bond surety the full amount of a claim against the bond principal or, if there is more than one such claim during the term of the bond, a ratable share, up to a maximum total liability of the surety equal to the face amount of the bond; or
- (ii) if the suitable guaranty is a letter of credit, a person may recover from the issuing financial institution a

claim against a customer named in the credit, or, if there is more than one claim during the term of the letter of credit, a ratable share, up to maximum total liability of the issuer equal to the face amount of the credit.

- (b) Claimants may recover successively on the same suitable guaranty, provided that the total liability on the guaranty to all persons making claims during its term may not exceed the face amount of the guaranty.
- (2) In addition to the actual damages suffered by the claimant, the claimant may recover from the proceeds of a suitable guaranty, until depleted, reasonable legal fees, and court costs incurred by the claimant in collecting the claim.
- (3) (a) a claim against a surety of issuer of a suitable guaranty must be filed in writing with the Controller and the surety or issuer, within one year after the claim arose.
- (b) a claim must include a statement of the amount claimed and the basis for the claim.
- (c) An action or suit against surety of issuer of the suitable guaranty must be filed with the court within one year after the claim is filed with the Controller.
- (d) Except as prohibited by rule made by the Controller, a suitable guaranty may, by contract, alter the obligations under this subsection.

Inilah satu lagi peruntukan yang ada dalam Utah Digital Signature Act yang kita tinggalkan tanpa alasan-alasan yang baik oleh kerana tinggalkan peruntukan semuanya. Sebenarnya kalau kita lihat semua peruntukan-peruntukan yang ada dalam Utah Digital Signature Act yang ditinggalkan dalam pendrafan Rang Undang-undang Tandatanganan Digital di hadapan Dewan yang mulia ini, suitable guaranty mengenai merit audit performance certificate, mengenai hazardous activity, mengenai collection based on suitable guaranty, semua ini untuk memastikan yang pertama CDA bergerak sebagai bertanggungjawab bahawa tidak ada kecuaihan, bahawa tidak ada skandal digital signature certification authority.

Dan kedua, untuk melindungi, untuk mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna. Tetapi ini semua digugurkan. Saya rasa mesej ini yang disampaikan oleh penggubal-penggubal atau kementerian yang berkenaan sebenarnya tidak baik, oleh kerana ia memberi satu gambaran bahawa kerajaan tidak menitikberatkan kepentingan pengguna-pengguna barulah mahu impress syarikat-syarikat antarabangsa IT dan multimedia. Saya rasa ini satu permulaan untuk penggubalan cyber law yang tidak sihat, dan saya harap bahawa di masa depan tidak akan berlaku perkara semacam ini. Ini menunjukkan bahawa kita ada prihatin mengenai apa yang patut menjadi keutamaan dalam perkiraan kita ialah kepentingan pengguna-pengguna dan bukan syarikat-syarikat, kepentingan rakyat Malaysia ialah menjadi first priority untuk semua cyber law yang kita mahu gubalkan.

Dalam konteks mahu ada kepentingan keutamaan rakyat Malaysia menjadikan first priority dalam penggubalan cyber law, kita patut mengadakan sebenarnya semacam Data Protection Act, tetapi belum timbang pun, belum kaji pun. Inilah saya rasa satu sikap, satu mindset yang kita perlu ubah. Kita perlu ubah semua. Oleh kerana ini satu bidang

yang baru yang kita perlu mengadakan satu pendekatan yang lebih terkini. Peruntukan ini sebenarnya akan memberi perlindungan. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan bahawa semua ini juga akan dibuat dalam peraturan-peraturan. Tetapi sebenarnya semua ini patut masuk dalam principle act dan bukan dalam peraturan-peraturan. Tetapi saya tunggulah mengenai penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Ada apa-apa hendak ditambah, Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Perkara jaminan sesuai ataupun suitable guaranty ini juga akan diambil kira dalam peraturan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya bercakap sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat hendak berbahas?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tambahnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat cadang rang undang-undang pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat hendak mengambil bahagian berbahas?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, dalam peringkat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sepatutnya Yang Berhormat sudah selesai mencadangkan, lain orang yang bahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Saya belum kemukakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tentu akan ikut dengan teliti peraturan-peraturan yang akan dibuat dan saya harap bahawa semua jaminan yang ada dibuat akan dilaksanakan, dikotakan. Oleh kerana kita tidak mahu, kita sudah hilang satu peluang mengadakan the best Digital Signature Law in the world. Kita sudah hilang peluang itu. Inilah a great opportunity missed. Kenapa kita buat begitu, saya tak fahamlah. Kita boleh mengadakan the best Digital Signature Law in the world, we have got the worst.

Dan saya harap bahawa kekurangan-kekurangan yang saya telah sebutkan boleh diatasi dalam peraturan-peraturan bukan sahaja peruntukan-peruntukan yang ada dalam Utah Digital Signature Act boleh dikembalikan, boleh dipulihkan melalui cara peraturan-peraturan tetapi bahawa satu task force diwujudkan, ditubuhkan serta-merta dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengkaji dengan mendalam mengenai kekurangan dan kelemahan Utah Digital Act dan sekarang act kita, hujah-hujah dan perkara yang telah saya bangkitkan tadi supaya kita boleh dalam sidang Parlimen bulan Julai ada satu pindaan yang baru.

Let's have the first amendment to the Digital Signature Act in the July meeting supaya perkara-perkara yang saya telah bangkitkan mengenai satu sistem digital signature yang lebih adil daripada segi liabiliti, daripada segi risiko boleh ditangani dan saya rasa ini adalah mustahak, sungguhpun saya ada satu perkara yang tidak begitu jelas.

Sebenarnya, siapa minister yang akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan Digital Signature Act? Kalau kita ikut contoh Utah, bukan minister atau secretary of

state untuk telekomunikasi tetapi secretary of state untuk commerce, oleh kerana perkara ini ialah satu perkara perniagaan, bukan satu perkara telekomunikasi.

Saya tak tahulah, bahawa dalam negara kita ini akan menjadi satu perkara bidang kuasa telekomunikasi atau oleh kerana untuk memperkenalkan undang-undang dalam Dewan yang mulia ini semacam computer crimes, tentu bukan satu bidang minister untuk telekomunikasi iaitulah minister hal ehwal dalam negeri oleh kerana bertanggungjawab kepada polis dan computer crimes sepatutnya dibawa ke Dewan ini oleh Minister of Home Affairs, bukan Minister Telecommunications dan perkara ini pun sebenarnya, oleh kerana ini bersangkutan paut dengan perniagaan elektronik patut dibawa ke Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sungguhpun dia tidak ada, kita sudah harap boleh menjadi Menteri Besar yang baharu oleh kerana tidak ada orang yang 'clean', yang 'honest', yang capable dalam Selangor, tidak ada seorang UMNO Exco Member, Assemblymen yang bersih, yang capable - malulah, semua resignlah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Speaker!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa Assemblymen, apa EXCO Member, ini pun betul-betul malu!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap Yang Berhormat!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Pengerusi, apa ada kaitan benda ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingat kita ada kesilapan di sini. Ahli Yang Berhormat sekarang ini kita di peringkat pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, pindaan kepada perkara ini dan saya harap ialah substantialis short because they provoke it. And then it zero in. Okay, saya balik kepada, saya haraplah akan mendapat penjelasan, sebenarnya who is going to be the responsible for the Minister for Telecommunications or Minister of Domestic Trade yang baharu, yang akan menggantikan the Menteri Besar designate untuk Selangor?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada apa-apa hendak tambah Yang Berhormat?

**8.19 mlm.**

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, bahawa semua perkara yang saya sebutkan tadi akan dimasukkan dalam peraturan-peraturan yang akan ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri kemudian dan pihak kerajaan akan menentukan kementerian yang mana kemudian yang akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan undang-undang digital signature ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum tentu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi disetujukan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 61 -**

**Fasal 61** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

## Fasal 62 hingga 92 -

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Balik Pulau.

**8.20 mlm.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit tentang fasal-fasal 62 sehingga 67. Fasal-fasal ini bertujuan untuk memberi - apabila kita luluskan rang undang-undang ini untuk menjadikan tandatangan digital ini diterimapakai di sisi undang-undang sebagai menggantikan tandatangan yang sebenar ataupun dalam apa bentuk juga sama ada tandatangan bertulis ataupun cap jari.

Maka Seksyen 62 itu memperuntukkan bahawa ianya diterima sebegitu membuka pintu dari sisi undang-undang bukan sahaja melibatkan transaksi perdagangan jual beli tetapi juga melibatkan oleh kerana ia membuka pintu ini begitu luas sehingga ia melibatkan semua undang-undang, jadi, ia melibatkan bukan sahaja commerce, trading, tetapi juga apa juga bentuk kontrak yang memerlukan kita letakkan tandatangan kita dalam apa juga bentuk pun. Jadi, seksyen 62 membuka pintu.

Seksyen 63 yang berkaitan ialah:

- (1) *Unless otherwise provided by law or contract, the recipient of a digital signature assumes the risk that a digital signature is forged, if reliance on the digital signature is not reasonable under the circumstances.*
- (2) *Where the recipient determines not to rely on a digital signature under this section, the recipient shall promptly notify the signer of its determination not to rely on a digital signature and the grounds for that determination.*

Ini dia tutup pintu balik sedikit sebab dia kata, kalau ada penerima tandatangan digital itu dengan tak reasonable mengguna tandatangan itu, dia akan menerima ataupun menanggung risiko jika tandatangan itu dipalsukan. Yang saya hendak timbulkan soalan yang pertama ialah, 'if reliance on the digital signature is not reasonable under the circumstances', ini mengecilkan balik pintu tetapi meletakkan 'onus' atas penerima ataupun pengguna itu. Maksudnya pengguna dituntut oleh seksyen ini untuk membuktikan bahawa dia telah menggunakan tandatangan itu dalam keadaan yang baginya adalah reasonable dan oleh yang demikian jika berlaku sesuatu 'fraud' dia tidak menanggung risiko yang tersebut.

Jika tidak, maka seksyen ini mengatakan bahawa sipengguna tandatangan digital itu menanggung risiko, "assumes the risk that the digital signature is forged, thus assuming all liabilities that has been affected through the use of the said digital signature". Soalannya, apakah takrif 'reasonable' dengan 'tak reasonable' dalam seksyen ini?

Seksyen 63(2) ini mengatakan pula bahawa, ini patut jugalah, nasib baik ada clause ini, tetapi ini seolah-olah menutup pula penggunaan yang kita hasratkan, maksudnya mungkin terjadi satu senario yang mana semua penerima tandatangan digital ini menggunakan 63(2) ini, dia kata, dia takut hendak menanggung risiko, dia pula notify bahawa dia tak hendak pakai.

Jadi, saya takut kita buka pintu, tutup pintu ini akhirnya orang tak mahu masuk langsung dalam pintu rumah yang kita hendak bangunkan ini. Itu sahaja soalan saya Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**8.24 mlm.**

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, rang undang-undang ini adalah merupakan satu 'enabling law' untuk mengiktiraf tandatangan digital dari sisi undang-undang. Dan pada permulaan ia mungkin akan hanya digunakan untuk transaksi elektronik dan kemudiannya kalau difikirkan sesuai ia akan diperluaskan kepada bidang-bidang yang lain.

Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada rakyat yang sukarela untuk memakai ataupun menggunakannya.

**8.25 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, dalam fasal yang sama 63(2),

*(2) Where the recipient determines not to rely on a digital signature under this section, the recipient shall promptly notify the signer of its determination not to rely on a digital signature and the grounds for that determination.*

Pertama, kalau dia tidak promptly notify the signer mengenai keputusan ia tidak mahu rely on the digital signature, apa penalti adakah kesalahan, adakah penalti?

Kalau tidak ada kesalahan, tidak ada penalti, apa tujuan dan maksud mengadakan fasal kecil itu?

Dan kedua, kalau seorang recipient tidak mahu rely on the digital signature under this section, kenapa dia perlu promptly notify the signer of determination? Dia tidak mahu ada apa-apa kontrak, dia just walk away. Dia boleh just walk away, kenapa perlu promptly notify the signer, dia boleh tak mahu notify the signer. Kenapa tak boleh? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, dalam hal ini unreasonable meliputi keadaan bila notis telah diberi dalam repository bahawa pengguna ataupun subscriber telah membatalkan private 'key'nya dan third party perlu tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, itu bukan, ini effect of the digital signature. 63(1)

*(1) Unless otherwise provided by law or contract, the recipient of a digital signature assumes the risk that a digital signature is forged, if reliance on the digital signature is not reasonable under the circumstances.*

Apa-apa kontrak atau apa-apa perniagaan atau transaksi elektronik tidak berhubung kait dengan repository atau certification authority atau controller. Dan 63(2):

*(2) Where the recipient determines not to rely on a digital signature under this section, the recipient shall promptly notify the signer of its determination not to rely on a digital signature and the grounds for that determination.*

Saya mahu tanya kenapa ada peruntukan ini oleh kerana tidak bererti. Seseorang tidak mahu rely on the digital signature tak perlu mengikut undang-undang yang wajibnya, paksanya untuk notify, kalau mahu wajibkannya dan paksa dia, kalau dia tidak notify apakah kesalahan, apakah penalti. Kalau tidak melakukan kesalahan, tidak ada penalti dan tentulah itulah bebas, saya tak mahu enter into the contract, saya tidak mahu rely on this digital signature, oleh kerana mungkin saya rasa ini fault atau saya tidak percaya orang itu, itu hal yang lain, tetapi saya mahu tanya kenapa?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, dalam keadaan ini tidak ada penalti yang akan terlibat dan semua parti yang terlibat akan revert, dengan izin, kepada original ataupun ordinary position tanpa digital signature.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, masalahnya ialah kenapa kita mahu buat shall promptly notify? Ini tidak bererti bukan? Ini menunjukkan bahawa tidak bererti, shall promptly notify, tak payah notify pun. Kenapa kita meluluskan perkara yang tidak meaningless.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, tiada apa-apa? Ya!

**Fasal 62 hingga 92** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG TELEPERUBATAN 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.30 mlm.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu rang undang-undang untuk mengawal amalan teleperubatan yang bertajuk Akta Teleperubatan 1997.

Pada masa kini amalan perubatan dikawal di bawah Akta Perubatan 1971. Pada kebiasaannya amalan-amalan perubatan seperti diagnosis, pemeriksaan, rawatan dan konsultasi berhubung dengan seorang pesakit dilakukan secara actual consultation, dengan izin, di mana pesakit berada bersama dengan pengamal perubatan secara fizikal dalam sesuatu tempat seperti hospital, klinik mahupun rumah pesakit.

Konsultasi melalui telefon ataupun verbal consultation, dengan izin, di antara pesakit dengan pengamal perubatan dan di antara pengamal perubatan dan pengamal perubatan lain telah lama dipraktikkan di negara ini. Kemunculan peralatan elektronik lain seperti mesin faks juga telah digunakan oleh pengamal perubatan untuk bertukar data dan memberi atau mendapatkan konsultasi bertulis berhubung dengan rawatan seseorang pesakit. Akta Perubatan 1971 dan kod etika profesion mengawal amalan-amalan perubatan tersebut dengan memastikan hanya mereka yang berkelayakan mengamalkan perubatan di negara ini.

Perkembangan-perkembangan baru dalam bidang telekomunikasi telah membolehkan beberapa aspek amalan perubatan dilakukan dari jarak jauh dengan menggunakan peralatan elektronik yang mempunyai tiga dimensi iaitu audio, video dan komunikasi data. Amalan perubatan melalui sistem elektronik atau teleperubatan ini membolehkan seseorang pengamal perubatan ataupun seseorang pesakit di sesuatu lokasi berinteraksi dan bersemuka atau berhadapan dengan seseorang pakar di lokasi lain tanpa berada secara fizikal di samping pakar berkenaan. Pada masa-masa akan datang, ada kemungkinan perkembangan-perkembangan dan penyelidikan dalam bidang robotik dan elektronik yang sedang diusahakan di negara-negara asing kemungkinan akan menghasilkan teknologi di mana seorang pengamal perubatan boleh menjalankan pembedahan dari jarak jauh.

Kementerian berpendapat perkembangan-perkembangan dalam bidang telekomunikasi ini khususnya perkembangan-perkembangan yang telah dicapai dalam bidang teleperubatan berpotensi untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan perubatan di negara ini. Kewujudan rangkaian komputerisasi di antara hospital atau institusi perubatan di negara ini dengan institusi perubatan luar negara dan rangkaian sama yang akan

disediakan di antara pusat rujukan atau hospital besar dengan hospital daerah atau pusat kesihatan atau klinik di negara ini akan membolehkan seseorang pengamal perubatan mendapatkan nasihat atau arahan daripada konsultan atau pakar runding bagi rawatan seseorang pesakit yang memerlukannya dengan lebih mudah, cepat dan berkesan. Khidmat konsultasi rawatan ini juga boleh dipanjangkan kepada seseorang pesakit di rumahnya sendiri sekiranya pesakit tersebut mempunyai peralatan komputer yang sesuai dan disambung dengan rangkaian komputer pengamal berkenaan.

Selain daripada mempertingkatkan perkhidmatan perubatan infrastruktur yang disediakan bagi teleperubatan ini boleh digunakan bagi tujuan pembelajaran dalam bidang perubatan. Amalan-amalan perubatan yang diberikan melalui teleperubatan ini haruslah dilaksanakan dalam persekitaran yang terkawal dan teratur demi menjamin kepentingan orang ramai dan kesihatan pesakit tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Sehubungan dengan ini, kementerian mencadangkan satu akta baru yang dinamakan Akta Teleperubatan 1997 diwujudkan bagi mengawal amalan teleperubatan di negara ini. Adalah dicadangkan buat masa ini akta baru tersebut hanya meliputi pengawalan amalan teleperubatan oleh pengamal-pengamal perubatan sahaja dan pada masa-masa akan datang, akta tersebut akan merangkumi amalan kejururawatan, farmasi, pergigian dan profesion perubatan yang lain.

Kementerian mencadangkan subseksyen 3(1) bagi memastikan hanya pengamal-pengamal perubatan dibenarkan mengamal teleperubatan di negara ini. Perenggan 3(1)(a) memperuntukkan mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mempunyai sijil pengalaman yang sah mengamal teleperubatan di negara ini. Seseorang pengamal perubatan yang berdaftar penuh dibenarkan

berinteraksi secara terus dengan pesakitnya melalui teleperubatan dari dalam ataupun dari luar negara. Beliau adalah tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 dan Kod Amalan Profesion Perubatan Majlis Perubatan Malaysia sepenuhnya dan adalah bertanggungjawab ke atas pesakit secara langsung.

Perenggan 3(1)(b) memperuntukkan pengamal perubatan yang tidak berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia akan tetapi beliau didaftarkan atau dilesenkan di luar negara boleh mengamal teleperubatan di Malaysia sekiranya beliau mempunyai Sijil Amalan untuk mengamal teleperubatan yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan beliau mengamal teleperubatan dari luar negara melalui seorang pengamal perubatan berdaftar.

Sub perenggan 3(1)(b)(i) bertujuan untuk membolehkan Majlis Perubatan Malaysia menapis pengamal-pengamal perubatan yang memohon untuk mengamal teleperubatan di negara ini dengan mengesahkan, di antara lain, kesahihan kelulusan, kelayakan kepakaran, status pendaftaran sipemohon dengan Majlis atau Lembaga Perubatan negara berkenaan.

Sub perenggan 3(1)(b)(ii) mengkehendaki pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di luar negara yang dibenarkan mengamal teleperubatan tersebut memberi perkhidmatan konsultasi, rawatan ataupun diagnosis dan sebagainya melalui seorang pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis ini dan tidak terus kepada seorang pesakit. Ini bertujuan untuk memelihara kepentingan pesakit di Malaysia di mana ianya akan memastikan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia bertanggungjawab ke atas pemeriksaan fizikal, ujian atau rawatan seseorang pesakit di negara ini dan ianya juga akan memastikan arahan atau nasihat pengamal

perubatan di luar negara tersebut dapat dilaksanakan oleh pengamal perubatan berdaftar tersebut.

Selain daripada itu pengamal perubatan berdaftar penuh tersebut akan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sebarang arahan yang diterima tidak bercanggah dengan amalan perubatan kod etika ataupun mana-mana undang-undang negara ini sebelum ianya dilaksanakan kelak.

Subseksyen 3(2) dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk membenarkan orang-orang tertentu yang bekerja di bawah penyeliaan, arahan dan kuasa seorang pengamal perubatan berdaftar penuh untuk mengamalkan teleperubatan. Peruntukan ini bertujuan untuk membolehkan seseorang kakitangan kesihatan misalnya, doktor pelatih, jururawat berdaftar, pembantu perubatan berdaftar dan kategori kakitangan kesihatan lain untuk mendapatkan konsultasi, nasihat atau arahan mengenai rawatan seseorang pesakit dari seorang pakar yang berada di sesuatu lokasi lain dengan cara yang lebih efektif dan cepat.

Subseksyen 3(4) menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang selain yang dibenarkan di bawah undang-undang ini untuk mengamalkan teleperubatan di negara ini.

Subseksyen 4(1) menetapkan prosedur bagi mendapatkan sijil untuk mengamalkan teleperubatan. Hanya pengamal perubatan yang didaftarkan atau dilesenkan di luar Malaysia sahaja dikehendaki memohon sijil tersebut. Pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia sama ada warganegara Malaysia atau warganegara asing boleh mengamalkan perubatan termasuk teleperubatan di Malaysia tanpa mendapatkan Sijil Teleperubatan asalkan mereka memenuhi segala kehendak dan syarat-syarat pendaftaran penuh di bawah Akta Perubatan 1971.

Subseksyen 4(2) menetapkan tempoh laku sesuatu sijil pada tempoh yang tidak melebihi 3 tahun dan memperuntukkan kuasa bagi Majlis Perubatan Malaysia untuk mengenakan terma-terma atau syarat-syarat amalan teleperubatan ke atas sipemegang sijil.

Subseksyen 4(3) membolehkan Majlis membatalkan sesuatu sijil jika Majlis mendapati sipemegang sijil berkenaan telah melanggar mana-mana terma atau syarat yang telah dikenakan ke atas beliau.

Subseksyen 4(4) memberi kuasa kepada menteri untuk membuat keputusan ke atas mana-mana rayuan berkaitan dengan sesuatu permohonan atau pembatalan sesuatu sijil.

Kementerian mencadangkan Seksyen 5 untuk menjaga hak seseorang pesakit untuk menerima, menolak atau menarik diri daripada sesuatu rawatan teleperubatan. Seksyen 5 juga bertujuan untuk menjamin kerahsiaan maklumat mengenai pesakit yang diterima melalui amalan teleperubatan. Peruntukan ini mengkehendaki seorang yang mengamal teleperubatan untuk mendapatkan kebenaran pesakit atau inform concern, dengan izin, sebelum teleperubatan diamalkan berkaitan pesakit berkenaan. Di antara lain pengamal perubatan tersebut dikehendaki menjelaskan risiko akibat dan faedah yang mungkin diperolehi dari amalan teleperubatan kepada pesakitnya terlebih dahulu. Peruntukan ini juga menetapkan prosedur untuk mendapatkan kebenaran pesakit serta penalti yang dikenakan ke atas seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang didapati melanggar peruntukan tersebut.

Seksyen 6 dicadangkan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, di antara lain, peraturan-peraturan akan menyediakan standard minimum bagi kemudahan dan peralatan yang akan digunakan di dalam amalan teleperubatan,

pengawasan ke atas kualiti perkhidmatan teleperubatan, penyenggaraan rekod atau laporan berkaitan dengan teleperubatan serta mengadakan penalti-penalti yang hendak dikenakan bagi pelanggaran peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya bagi mengamal amalan teleperubatan untuk memastikan amalan-amalan tersebut menepati piawaian-piawaian dan kaedah-kaedah perubatan yang boleh diterima dalam zaman maklumat teknologi. Ia adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawasan amalan teleperubatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

**8.41 mlm.**

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengambil masa yang pendek untuk sama-sama bagi membahaskan Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 yang bertujuan bagi membuat peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawasan amalan teleperubatan di negara kita ini.

Pertama, saya ingin mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk melaksanakan undang-undang ini dan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana teleperubatan yang pertama akan dilancarkan di antara Wilayah Persekutuan Labuan dengan Hospital Kuala Lumpur dan yang kedua bagi pihak rakan saya dari Pulau Langkawi juga yang sama-sama dipilih bagi projek pertama ini dilancarkan setelah rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pemilihan Langkawi dan Labuan adalah kena pada tempatnya kerana ini merupakan dua buah kawasan pulau yang sukar untuk dihubungi. Maklum sahaja duduk di dalam pulau ini dan bila ada peruntukan ataupun amalan teleperubatan dilaksanakan di Hospital Langkawi dan Labuan, maka pesakit-pesakit yang berada di Langkawi dan Labuan akan mendapat manfaat daripada amalan teleperubatan ini.

Dalam konteks Labuan, teleperubatan amat penting kerana ianya merupakan sebuah pulau yang dibangunkan oleh pihak kerajaan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, maka bila kita bercakap mengenai antarabangsa ini, sepatutnya ianya disediakan dengan first class services dalam semua aspek dan oleh itu bila Labuan dibangunkan dan bila Labuan mendapat sebuah hospital yang baru, maka ianya sepatutnya dibekalkan dengan, bukan sahaja pakar-pakar tetapi dengan peralatan-peralatan yang mencukupi.

Ini saya nyatakan penting kerana beberapa bulan yang lalu, saya kehilangan seorang kawan yang juga sedang berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif di salah sebuah bank luar pesisir di Labuan. Mati kerana disengat penyengat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun mungkin kita boleh mengatakan bahawa itu sudah ajal dan sebagainya tetapi dari segi politiknya orang-orang yang bertugas ataupun pegawai-pegawai yang bertugas di Labuan merasakan duduk di Labuan tidak selamat khususnya kepada expatriate kerana bila disengat penyengat boleh mati, ia agak sukar diterima oleh semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kematian itu adalah disebabkan oleh 'myocardiac infect' iaitu serangan jantung yang teruk sangat, tetapi oleh sebab kematian ini, maka ada dua tiga pegawai yang bertugas dalam sektor kewangan luar pesisir ini berhenti dan meninggalkan Labuan. Jadi, ini menggambarkan suatu gambaran yang negatif tentang Labuan dari aspek penyediaan perkhidmatan kesihatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini maka dengan adanya perkhidmatan teleperubatan ini mungkin ianya akan dapat menstabilkan ataupun memberikan keyakinan yang tinggi kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat atau yang akan berkhidmat di Labuan nanti.

Pada hari ini pun, Tuan Yang di-Pertua, ayah saya sedang terlantar di Hospital Labuan kerana telah didapati mengidap penyakit batu dalam 'gall-bladder'nya dan oleh sebab tidak ada perubatan yang mencukupi, ayah saya terpaksa menunggu sehingga keadaannya stabil sebelum diterbangkan sama ada ke Kuala Lumpur atau pun Singapura untuk membuat rawatan selanjutnya. Sekiranya teleperubatan ini disediakan, sudah tentulah ayah saya pada hari ini mungkin boleh menjalani perubatan sama ada melalui pembedahan ataupun pembedahan 'lithoscopic' menggunakan teleperubatan ini dan hari ini pun di Hospital Labuan masih lagi kekurangan peralatan-peralatan yang tertentu, misalnya untuk melakukan ARCP pun tidak ada peralatannya di Labuan.

Oleh hal yang demikian, saya berharap pihak kementerian dengan adanya perkhidmatan ini dipanjangkan ke Labuan supaya membekalkan segala peralatan yang diperlukan untuk sebuah hospital untuk tujuan-tujuan kecemasan. Di samping itu juga saya ingin menyarankan di sini supaya pihak kementerian dapat memberikan perhatian dan dapat membekalkan beberapa orang pakar untuk berkhidmat di Hospital Labuan khususnya pakar O&G ataupun yang lain seperti physician yang diperlukan, walaupun kita baru sahaja mempunyai seorang surgeon, mungkin itu tidak mencukupi kerana kedudukan Labuan. Penilaian pihak kementerian tidak sepatutnya berasaskan kepada asas-asas yang telah ditetapkan oleh kementerian bergantung kepada bilangan pesakit dan juga penduduk kerana Labuan adalah merupakan sebuah kawasan yang special bagi kerajaan dan sepatutnya pertimbangan-pertimbangan ini perlu diberikan perhatian dan keutamaan yang tinggi.

Perkara yang kedua, saya juga ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya dalam waktu-waktu yang singkat ini, meletakkan Labuan tidak lagi dari segi pentadbirannya di bawah seorang pengarah yang juga ditempatkan di Kota Kinabalu, ertinya pentadbiran Hospital Labuan masih lagi di bawah pentadbiran negeri Sabah dan sepatutnya Labuan sudah mampu atau sudah boleh diberikan seorang pentadbir bagi membolehkan perjalanan serta pentadbiran hospital ini dengan lebih efisien lagi. Maklum sahaja kalau ia masih diletakkan di bawah pentadbiran negeri Sabah, sudah tentulah keutamaan akan diberikan kepada hospital-hospital yang ada di Sabah dahulu, misalnya di Keningau, di Kota Kinabalu, di Sandakan ataupun di Sipitang dan Labuan diambil kira sebagai salah sebuah hospital daerah di Sabah sahaja. Maka dengan itu segala peruntukan yang selalunya diperuntukkan kepada negeri Sabah, sudah tentu akan diagih-agihkan kepada hospital-hospital daerah yang lain ataupun kalau diagihkan sama

pun Labuan mungkin daerah nombor lima atau nombor enam dalam negeri Sabah. Maka dengan itu saya ingin memohon kepada kementerian supaya Hospital Labuan atau pentadbiran perubatan di Labuan ini diletakkan di bawah Wilayah Persekutuan Labuan sendiri dengan mempunyai seorang pengarah kesihatannya tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya teleperubatan ini juga seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, ianya membolehkan para pengamal ataupun penuntut-penuntut dalam bidang perubatan ini untuk mengikuti pengajian-pengajian lanjutan, khususnya kepada pegawai-pegawai perubatan yang sedang berkhidmat di hospital-hospital di seluruh negara ini yang ingin mendapat pengkhususan, ingin mempertingkatkan kepakaran mereka. Maka melalui teleperubatan ini tidak semestinya seorang pengamal perubatan ini terpaksa meninggalkan karier mereka untuk mendapat atau untuk mengikuti pendidikan lanjutan melalui teleperubatan sekurang-kurangnya akan dapat membantu pihak kerajaan dari segi mengatasi kekurangan pengamal-pengamal perubatan hari demi hari, di mana mereka yang mempunyai pengalaman yang panjang, yang banyak telah meninggalkan profesion ini untuk membuka klinik persendirian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya sampaikan dalam perbahasan ini dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kluang.  
**8.53 mlm.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian pada jam hampir 9.00 malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman yang serba maju, canggih yang berteknologi tinggi sektor perubatan juga tidak boleh ketinggalan zaman, malah perlu berkembang maju seiring dengan sektor-sektor yang lain bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat. Maka perkara-perkara baru seperti teleperubatan diperkenalkan di negara kita dan di sini saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan yang dapat menyediakan satu Rang Undang-undang Teleperubatan demi keperluan rakyat dan juga mutu kesihatan negara kita. Seperti kita semua sedia maklum, rang undang-undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi mengawalseliaan dan pengawalan amalan teleperubatan dan menentukan hukuman terhadap seseorang yang tidak bertanggungjawab tentang pengamalan teleperubatan ini.

Dalam rang undang-undang ini ia membenarkan orang-orang yang tertentu mengamalkan teleperubatan setelah mendapat persetujuan pesakit secara bertulis dan diluluskan oleh pihak berkuasa. Dalam rang undang-undang ini saya ada beberapa perkara yang ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu dalam Fasal 3 Rang Undang-undang ini, di mana ia membolehkan orang-orang di kedua-dua pihak ataupun golongan yang mengamalkan teleperubatan iaitu:

- “(1) Pengamal perubatan berdaftar penuh, yang didaftarkan penuh di bawah Seksyen 14 Akta Perubatan yang memegang sesuatu perakuan, amalan yang sah dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- (2) Pengamal perubatan yang didaftar di luar Malaysia yang memegang perakuan yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Perubatan atau melalui seseorang

pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang pengakuan amalan yang sah.”

Orang yang selain daripada ini yang mengamalkan teleperubatan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Jadi, di sini saya nampak dalam Seksyen 3(2) tentang kebenaran seseorang pengamal perubatan yang berdaftar sementara ini, kerana sebelum ini saya ingin tahu terlebih dahulu mengenai Fasal 5(2)(b) yang mengatakan bahawa:

“5(2)(b) tentang risiko, akibat dan faedah yang mungkin diperolehi daripada teleperubatan;”

Di sini saya ingin tahu sama ada di bawah peruntukan ini pesakit yang mungkin dalam proses teleperubatan ini melakukan mungkin terlibat dalam kematian dan sebagainya, sama ada keluarganya atau pesakit yang mungkin dapat kerugian dari segi ini boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap orang yang mengamalkan teleperubatan, kerana kalau jawapan ini ‘boleh’ saya kuarir Fasal 3(2) ini yang mengatakan bahawa ‘Ketua Pengarah boleh, membenarkan seseorang pengamal perubatan berdaftar sementara iaitu pembantu perubatan berdaftar, jururawat berdaftar, bidan berdaftar dan mana-mana orang yang diberikan jagaan kesihatan, walaupun difikir sesuai oleh Ketua Pengarah untuk dibenarkan sedemikian.’

Saya kuarir ia mungkin menimbulkan sedikit masalah kerana mereka yang mungkin tidak mempunyai pengalaman yang mendalam dalam segi mengamalkan teleperubatan, jadi saya kuarir mungkin mereka ini tidak di‘protected’ dalam peruntukan rang undang-undang ini.

Selain daripada itu di dalam rang undang-undang ini juga, saya tidak nampak di mana ada peruntukan tentang penguatkuasaan. Jadi, di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian macam mana kita hendak menjalankan penyiasatan dan kemudian pendakwaan dilakukan apabila didapati ada berlakunya kesalahan, lebih-lebih lagi kalau kesalahan ini dilakukan di luar negara ataupun oleh orang asing. Jadi, macam mana penyiasatan dan pendakwaan boleh dilakukan ke atas mereka yang melakukan kesalahan di luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Fasal 5(5) berbunyi:

“5(5) Jika pesakit itu belum dewasa, atau mengalami ketakupayaan mental yang sedemikian rupa sehingga menyebabkannya tidak berupaya untuk memberikan persetujuan berpengetahuan, maka persetujuan boleh diberikan bagi pihaknya oleh sahabat wakilnya atau penjaga *ad idem*-nya.”

Di sini saya ingin tahu apa maksud sebenar tentang ‘sahabat wakilnya’ sama ada ‘sahabat wakilnya’ bererti perhubungannya ialah ibu bapa, suami-isteri ataupun adik-beradik dan kalau identiti itu tidak jelas, maka saya ingin minta pihak kementerian supaya dapat meneliti perkara ini agar ‘sahabat wakilnya’ ini boleh ditentukan dengan spesifik lagi iaitu persetujuan ini harus dibenarkan oleh ibu bapa, suami-isteri ataupun adik-beradik dan bukan sahaja ‘sahabat-wakilnya’.

Tuan Yang di-Pertua, di Seksyen 4(5) berbunyi:.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini, boleh sambung esok ya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Okay, terima kasih, saya akan sambung besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-  
ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari  
esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.***